

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024**

HARI SELASA : 2 JULAI 2024

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 8 HINGGA NO. 115)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian akan membina sekolah menengah kebangsaan yang baru di Meru, Kapar kerana sistem kelas apung yang terpaksa dilaksanakan untuk menangani kelas padat adalah tidak sesuai dan tidak selesa digunakan untuk waktu yang lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan sekolah baharu bagi mengatasi masalah kelas padat di Meru, Klang telah diluluskan di bawah RMKe-12 melalui dua fasa iaitu fasa 1 melibatkan perolehan tanah bagi tapak SMK Meru 2, Klang Selangor dan fasa 2 melibatkan Projek Pembinaan Sekolah Baharu 42 Bilik Darjah dan lain-lain kemudahan.

Bagi perolehan tanah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan Akta Pengambilan Tanah 1960 melibatkan empat (4) lot tanah bagi pembangunan SMK Meru 2, iaitu Lot 1948, 1949, 1915 dan 1916 dengan keluasan 12.6209 ekar di Daerah Klang.

Berdasarkan status terkini, proses penentuan pampasan telah selesai dilaksanakan pada 27 Mei 2024 dan Pentadbir Tanah kini dalam proses untuk mengeluarkan Borang H bagi membolehkan bayaran pampasan dibuat kepada pemilik yang terlibat.

Pihak kerajaan negeri akan mengeluarkan Borang K apabila tanah tersebut telah berstatus Kerajaan Negeri. KPM akan memohon kebenaran masuk tapak bagi melaksanakan kerja awalan yang dijangkakan pada November 2024 tertakluk kepada proses pengeluaran Borang K oleh pihak Kerajaan Negeri. Dalam hal ini, projek SMK Meru (2) akan dilaksanakan setelah proses pengambilan tanah diselesaikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMAD SHAFIZAN BIN HAJI
KEPLI [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN BIN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan usaha terkini Kementerian untuk menaik taraf perpustakaan-perpustakaan desa di Parlimen Batang Lupar serta bantuan yang disalurkan bagi membolehkan perpustakaan-perpustakaan ini melaksanakan pelbagai program di peringkat komuniti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sebanyak **38 buah Perpustakaan Desa (PD) di seluruh Negeri Sarawak termasuk 6 buah PD di dalam Kawasan Parlimen Batang Luper.**
2. Kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) akan **melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di dua (2) buah PD iaitu:**
 - i. **PD Kampung Hulu Maludam** - PNM telah menyediakan peruntukan sebanyak RM20,000.00 bagi kerja-kerja penyelenggaraan di PD Kampung Hulu Maludam pada tahun ini dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.
 - ii. **PD Kampung Tengah Pusa** - manakala peruntukan sebanyak RM16,000.00 telah disediakan untuk kerja-kerja pembaikan di PD Kampung Tengah Pusa namun tidak dapat dilaksanakan kerana bangunan PD tidak selamat untuk diduduki. Pada 15 April 2024, PNM telah mengadakan mesyuarat menaik taraf PD Kampung Tengah Pusa bersama Pegawai Khas kepada YB Batang Luper dan Pegawai Pejabat Daerah Pusa bagi menentukan lokasi baharu untuk menggantikan PD Kampung Tengah Pusa yang sedia ada.
3. Pada tahun ini, sebanyak **RM1.6 juta telah diperuntukkan bagi menyelenggara 108 premis-premis PD seluruh negara.** Kerja-kerja menaik taraf ini adalah bagi memenuhi keperluan pengguna di mana ruang yang lebih kondusif kepada pengguna sekaligus mengalakkan kehadiran orang awam ke perpustakaan.
4. **Bermula tahun 2023 sehingga Mei 2024, sebanyak 88,536 program pembudayaan galakan membaca** telah dilaksanakan di seluruh negara melibatkan penyertaan PNM, PD PNM, Perpustakaan Komuniti dan PAN Perlis dengan jumlah penyertaan sebanyak 2,220,585 orang.

5. Antara program galakan membaca yang memberi impak tinggi adalah seperti berikut:

- (i) **Program Dariku Untukmu** merupakan program yang mengasah minat anak-anak sekolah dalam membuat resensi buku melalui kaedah rakaman video dan melalui aplikasi *TikTok*.
- (ii) **Program kelas membaca dari peringkat anak kecil sehingga di peringkat dewasa di PD Hulu Maludam, Sarawak.** Program ini telah berjaya merangkul anugerah Perpustakaan Awam Ketua Menteri Sarawak tahun 2020 dan tahun 2022 melalui inisiatif Program Kelas Dewasa.
- (iii) **Program e-usahawan@PD** dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bagi melahirkan usahawan muda menggunakan platform digital.

6. Untuk makluman YB, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui PNM sentiasa mengambil langkah untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan PD di semua perpustakaan desa PNM di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI DR HJ. ISMAIL B HJ. ABD MUTTALIB [MARAN]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menyahjenayah penagihan dadah bagi mengurangkan 70% kos pembiayaan penagih dadah di dalam penjara; dan
- (b) adakah kajian secukupnya telah dibuat kerana ini akan memperjudikan keselamatan, kesejahteraan dan kesihatan rakyat awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) amat memandang serius gejala penyalahgunaan dadah dan sentiasa komited untuk membendung masalah dadah dalam negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang Bil. 1/2020 pada 21 Julai 2020 telah bersetuju dengan cadangan Dasar Pengalihan penyalah guna dadah dari hukuman penjara ke Program Rawatan dan Pemulihan dilaksanakan melalui pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Pindaan APD 1983 ini kelak akan merangkumi aspek perundangan yang lebih komprehensif dan tersusun bagi membolehkan penyalah guna dan penagih dadah serta bahan dapat menerima rawatan dan pemulihan sama ada dalam institusi atau dalam komuniti bergantung kepada tahap keparahan penagihan.

Pindaan ini bukan sahaja akan meningkatkan keberkesanan dalam memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih dan penyalah guna dadah dan bahan, malah secara tidak langsung mengurangkan kesesakan penjara. AADK mempunyai 30 buah Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di seluruh negara dengan kapasiti 10 ribu orang dalam satu-satu masa. Sehingga Mac 2024 seramai 6,867 orang klien menjalani Program Rawatan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) dan seramai 66,105 orang klien menjalani Program Rawatan Pemulihan Dalam Komuniti (RPDK).

Kerajaan telah mengkaji pendekatan yang diambil oleh beberapa buah negara dalam melaksanakan penambahbaikan perundangan dadah seperti Portugal dan Czech Republic yang mengamalkan dekriminalisasi sepenuhnya serta beberapa negara lain seperti Australia yang melaksanakan program pengalihan oleh Polis. Selain itu, amalan baik negara serantau juga dijadikan panduan untuk Malaysia menambahbaik perkhidmatan yang diberikan kepada penagih dan penyalah guna dadah terutama dalam memberi penekanan kepada program pemulihan secara

SOALAN NO: 10

sukarela. Di peringkat antarabangsa pula, rujukan dibuat kepada *Handbook of Basic Principle and Promising on Alternatives to Imprisonment* yang dikeluarkan oleh *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) yang turut menggalakkan penggunaan kaedah yang tidak meletakkan penyalahgunaan dadah di dalam penjara.

Terdapat juga kajian yang telah dijalankan oleh AADK bermula tahun 2008-2024 dengan jumlah 108 kajian bagi menentukan hala tuju yang lebih konsisten dalam usaha mereformasikan hala tuju dan undang-undang melibatkan rawatan dan pemulihan dadah di Malaysia.

Namun begitu, Kerajaan tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap kesalahan-kesalahan penawaran dadah selaras dengan peruntukan perundangan semasa yang sedang berkuat kuasa seperti mana terkandung dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

KDN bersama AADK telah melaksanakan beberapa sesi libat urus yang melibatkan Kementerian/Jabatan/Agenzi yang berkaitan, Pertubuhan Bukan Kerajaaan (NGO), ahli akademik dan pengusaha pusat pemulihan dadah persendirian dalam mendapatkan input bagi menambahbaik rawatan dan pemulihan dadah di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KAR HING [GOPENG]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah yang diambil Kementerian untuk merealisasikan pembekalan air dari Perak ke Pulau Pinang dan sejauh mana manfaat akan diperoleh kedua-dua negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan daripada YB Batu Kawan yang dijadualkan pada 9 Julai 2024 mengenai perkara yang sama.
2. Skim Penyaluran Air Mentah dari Sungai Perak merupakan cadangan yang dizahirkan semasa Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi menyalurkan air mentah dari Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah untuk menampung keperluan air di Utara Perak dan Pulau Pinang. Skim ini juga bertujuan mengurangkan kebergantungan air mentah negeri Pulau Pinang dari Sungai Muda, Kedah. Mesyuarat antara Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 9 November 2023 secara dasarnya bersetuju bahawa Negeri Perak akan menyalurkan air mentah daripada Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah dan seterusnya akan menyediakan bekalan air terawat untuk Utara Perak dan Pulau Pinang.
3. Seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Peluncuran Pelan Induk KIGIP pada 15 Jun yang lalu, Kerajaan akan melaksanakan Projek Penyaluran Air Mentah dari Perak untuk bekalan air di kawasan utara Negeri Perak dan Negeri Pulau Pinang dengan kapasiti 1500 Juta Liter Sehari (JLH) termasuk rawatan air dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM 4 Bilion.
4. YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan pembangunan kawasan perindustrian *Kerian Integrated Green Industrial Park* (KIGIP) semasa pembentangan Bajet 2024. KIGIP merupakan perancangan untuk membina ekosistem industri yang lebih luas di utara semenanjung melalui pembangunan kawasan perindustrian eko dan berteknologi tinggi di daerah Kerian, Perak. Majlis Peluncuran Pelan Induk KIGIP yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Jun 2024 telah mengumumkan peruntukan pelaksanaan projek ini dengan anggaran RM4 bilion yang merangkumi pembangunan infrastruktur bekalan air di Daerah Kerian.
5. YAB Timbalan Perdana Menteri II merangkap Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) juga bertanggungjawab

SOALAN NO : 11

mempengerusikan Mesyuarat Khas Penyelarasan Keperluan Utiliti (Tenaga, Bekalan Air dan Pembetungan) bagi menyokong pelaksanaan projek KIGIP ini.

6. Persetujuan Kerajaan Negeri Perak untuk membekalkan air ke Negeri Pulau Pinang akan menyelesaikan masalah bekalan air di Pulau Pinang dan juga memenuhi keperluan Utara Perak termasuk keperluan terkini bagi pembangunan kawasan KIGIP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB
AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan perjawatan Warden Asrama untuk semua sekolah yang berasrama bagi meringankan beban tugas guru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap kebajikan guru yang dilantik untuk memegang jawatan Warden Asrama. Pada masa ini, Warden Asrama dilantik dalam kalangan guru berdasarkan konsep *in loco parentis* (peranan ibu bapa) di asrama untuk menjaga hal berkaitan kebajikan, keselamatan, pelajaran dan disiplin murid.

KPM juga berpandangan guru perlu diutamakan sebagai pemegang portfolio Warden Asrama memandangkan tugas Warden Asrama secara keseluruhan adalah menjurus ke arah pendidikan dan pembentukan sahsiah murid. Selain itu, pelantikan guru sebagai warden juga dapat meningkatkan penerimaan, persepsi dan kepercayaan murid dan ibu bapa.

Dalam usaha mengurangkan isu beban tugas guru yang dilantik sebagai Warden Asrama, bermula tahun 2019, KPM telah memperluaskan pelantikan Warden Asrama kepada semua kakitangan bukan guru Gred 19 dan ke atas di sekolah-sekolah di bawah KPM melalui surat edaran dengan rujukan KPM.500-1/3/3 bertarikh 20 November 2019. Dengan peluasan ini, pentadbir sekolah boleh melantik Warden Asrama dalam kalangan bukan guru.

Pada tahun 2022, KPM juga telah menambah baik portfolio Warden Asrama di 1,874 buah sekolah berasrama. Berkuat kuasa 1 Ogos 2022, bilangan Warden Asrama telah ditambah seramai 3,813 orang, iaitu melibatkan peningkatan sebanyak 63 peratus daripada 6,055 orang kepada 9,868 orang. Selain daripada itu, kadar Elaun Warden Asrama (EWA) juga telah dinaikkan sebanyak 25 peratus. Kadar baharu EWA adalah seperti berikut:

- i. RM350 sebulan bagi Ketua Warden Asrama; dan
- ii. RM300 sebulan bagi Warden Asrama.

SOALAN NO : 12

Penambahbaikan portfolio Warden Asrama ini membolehkan pengawasan dan penyeliaan asrama dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan di samping membolehkan penggiliran tugas Warden Asrama dapat dilaksanakan. Usaha ini juga akan dapat meningkatkan pemantauan murid di asrama dan memberi keyakinan kepada ibu bapa serta masyarakat terhadap aspek keselamatan murid di asrama.

Cadangan untuk mewujudkan perjawatan tetap Warden Asrama adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan PB3.1 - Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam (Kemaskini 14 Julai 2022). Berdasarkan PB3.1, pewujudan jawatan baharu adalah tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti (trade-off), pindah butiran (redeployment) dan tiada implikasi kewangan tambahan serta perlu mendapat pertimbangan Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat India di bawah SPUMI dan PENN serta perincian jumlah peserta yang menerima pinjaman tersebut sehingga Mei 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sentiasa komited dalam menyokong komuniti usahawan India melalui pelaksanaan beberapa skim pembiayaan seperti Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) di bawah TEKUN Nasional dan Dana Khas Pemerkasaan Wanita India (PENN) oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

2. Bagi pencapaian SPUMI di bawah TEKUN Nasional, sejak mula dilancarkan pada tahun 2008 hingga 31 Mei 2024, skim SPUMI ini telah membantu seramai 29,136 usahawan masyarakat India melibatkan pembiayaan berjumlah RM457.7 juta. Daripada jumlah tersebut, bagi tempoh Januari 2024 hingga 31 Mei 2024, TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM17.9 juta kepada 835 usahawan

SOALAN NO : 13

masyarakat India. Bagi tahun 2024, pembiayaan berjumlah RM30 juta di bawah Belanjawan 2024 telah diperuntukkan kepada TEKUN Nasional bagi pelaksanaan program SPUMI ini. Dalam usaha memperkasakan lagi usahawan masyarakat India, KUSKOP melalui TEKUN Nasional juga telah menyediakan pembiayaan SPUMI GOES BIG berjumlah RM30 juta menggunakan dana dalaman agensi pada bulan April 2024.

3. Bagi program PENN di bawah AIM pula, sejak 1 Januari 2024 hingga 31 Mei 2024, AIM telah mengeluarkan pembiayaan berjumlah RM10.85 juta kepada seramai 1,347 orang Sahabat Usahawan India. Melalui program PENN yang menggunakan dana khas AIM sebanyak RM50 juta, seramai 7,100 Sahabat Usahawan India yang baharu disasarkan untuk menerima pembiayaan PENN dengan jumlah pembiayaan sehingga RM30,000.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR (KUANTAN)

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan berkaitan kebakaran hutan paya gambut yang kerap berlaku ketika cuaca panas :

- a) apakah tindakan awal yang diambil sebagai langkah pencegahan kebakaran hutan ; dan
- b) pelan tindakan pantas mengawal dan memadamkan kebakaran hutan yang melibatkan agensi rentas Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah mengambil tindakan awal sebagai langkah pencegahan kebakaran hutan melalui pengaktifan pelan-pelan tindakan sejak Mac 2024 seperti Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan serta Prosedur Tetap Operasi Pencegahan Pembakaran Terbuka dan Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut.
2. Tindakan persediaan menghadapi ancaman pembakaran tanah gambut juga telah mula dilaksanakan di kawasan berisiko terbakar antaranya seperti pengaktifan telaga tiub dan sekatan saliran, peningkatan rondaan darat, penggunaan dron, rondaan penguatkuasaan termasuk bersama komuniti serta melaksanakan program ujicuba Prosedur Tetap Operasi Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut.
3. Pada masa ini, terdapat 532 infrastruktur yang telah dibina di bawah Program Pencegahan dan Pemantauan Kebakaran di Tanah Gambut Serta Kawasan Lain Berisiko Kebakaran di Negeri Selangor, Pahang, Johor, Kelantan, Terengganu, Sarawak dan Sabah seperti berikut:
 - i. 108 unit Telaga tiub;
 - ii. 305 sekatan saliran;
 - iii. 15 buah kolam takungan;
 - iv. 6 menara tinjau;
 - v. 3.3 km saluran paip air; dan
 - vi. 96 unit piezometer.
4. Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri turut meningkatkan kesiapsiagaan dalam mencegah kebakaran hutan berikutan cuaca panas dan kering ekstrem termasuk melaksanakan pemantauan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal, penggunaan dron dan sistem *big data analytics* bagi mengenal pasti kawasan hutan berisiko tinggi terbakar.

SOALAN NO : 14

5. Selain itu, Pasukan Pemadam Kebakaran Hutan di bawah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia turut bersiap siaga sebagai pasukan awal pemadaman insiden kebakaran hutan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia. Pasukan ini melibatkan kakitangan beruniform di Jabatan Perhutanan Negeri iaitu Perak, Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan, Pahang dan Terengganu.
6. Program-program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam terus dilaksanakan bagi menyampaikan kesedaran berkenaan larangan dan pencegahan pembakaran terbuka kepada rakyat. Bagi menjawab persoalan yang kedua, antara pelan tindakan pantas mengawal dan memadamkan kebakaran adalah dengan:
 - i. Mengaktifkan Pelan Pencegahan Kebakaran Terbuka dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pencegahan Kebakaran Gambut kepada semua pejabat Jabatan Alam Sekitar Negeri dan agensi negeri yang berkaitan;
 - ii. Meningkatkan operasi pemantauan dan rondaan mencegah pembakaran terbuka melalui darat dan menggunakan pengawasan dron untuk memantau kawasan mudah terbakar serta kes kebakaran terbuka yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab;
 - iii. Mengambil tindakan proaktif ke atas kes kebakaran yang berlaku dan mengenal pasti pemilik tanah di kawasan kebakaran untuk tindakan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;
 - iv. Sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk mengawal dan memadam kebakaran; dan
 - v. Sentiasa memantau bacaan dan trend Indeks Pencemar Udara (IPU) melalui stesen pengawasan kualiti udara dari semasa ke semasa untuk memastikan tindakan berkaitan dapat diambil segera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan bagi memberi pendidikan jangka pendek kemahiran secara percuma kepada keluarga golongan luar bandar yang kebanyakan tergolong dalam kategori miskin tegar dan miskin melalui Kolej Komuniti di daerah Kota Marudu bagi menoktahkan dan mengeluarkan kadar kemiskinan di daerah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melalui kolej komuniti menawarkan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bagi peningkatan kemahiran dan pengetahuan seterusnya berupaya meningkatkan sosio ekonomi komuniti setempat. Kumpulan fokus PSH kolej komuniti terdiri daripada golongan B40, belia, warga emas, ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Orang Asli yang merupakan komuniti rentan.
2. Kolej Komuniti Kota Marudu melalui Program Upaya Bakat 2024 telah melaksanakan kursus Asas Fertigasi Cili pada 29 dan 30 April 2024 bertempat di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Tandek Kota Marudu yang melibatkan penyertaan 20 orang peserta terdiri daripada jawatankuasa PPDK, pelatih dan ibu bapa pelatih. Melalui kursus ini, peserta didedahkan dengan ilmu tentang penanaman dan kaedah penjagaan tanaman cili serta asas keusahawanan.
3. Kolej Komuniti Kota Marudu juga akan melaksanakan kursus Asas Bakeri dan Pastri kepada 15 orang peserta yang dijadualkan pada pertengahan Julai 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [
KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kementerian bersedia mendedahkan status risiko banjir bagi setiap projek perumahan kepada awam agar pembeli tidak menjadi mangsa membeli rumah yang berisiko banjir di masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia telah membangunkan portal perkongsian peta kejadian banjir.
2. Bagi memastikan perkongsian peta ini dapat dimanfaatkan kepada semua lapisan masyarakat, JPS telah melaksanakan sesi libat urus bersama kerajaan-kerajaan negeri, agensi persekutuan termasuklah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan agensi di sektor swasta bermula tahun 2023 untuk menerangkan kelebihan perkongsian maklumat banjir ini bersama orang awam.
3. Pihak yang berkaitan telah memberikan maklum balas positif dan bersetuju peta kejadian banjir dikongsikan kepada orang awam agar pembeli tidak menjadi mangsa membeli rumah yang berisiko banjir di masa hadapan. Portal ini dijangka akan diluncurkan dan bersedia untuk diakses oleh orang awam pada penghujung tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI
[IGAN]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh manakah slogan "Segulai Sejalai" yang bermaksud Seiring Sejalan digunakan sebagai cogan kata perpaduan untuk seluruh negara sebagaimana yang pernah disebut oleh YAB Perdana Menteri semasa lawatan ke Sarawak tahun lepas. Apakah tindakan dan perancangan Kementerian untuk mempromosi slogan berkenaan dan sejauh manakah kejayaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. "Segulai Sejalai" membawa maksud "Seiring Sejalan" yang melambangkan **kesatuan, perpaduan serta semangat kerjasama** yang utuh dalam kalangan rakyat Malaysia. Segulai Sejalai juga memaparkan semangat perjuangan, kelestarian budaya, keutuhan agama, serta lambang kesatuan dan kemasyarakatan dalam kalangan rakyat berbilang bangsa.
2. Slogan ini juga selari dengan **pendekatan Malaysia MADANI** dan slogan yang digunakan oleh Kementerian Perpaduan Negara iaitu "**Perpaduan Dalam Kepelbagaian**".

3. Ketika Sambutan Hari Gawai 2023. YAB Perdana Menteri telah menyatakan bahawa cogan kata Segulai Sejalai akan digunakan dengan lebih meluas bagi menyampaikan mesej perpaduan kepada seluruh rakyat Malaysia.
4. Sehubungan dengan itu, **Sambutan Hari Malaysia 2023 telah mengetengahkan semangat "Segulai Sejalai"** melalui persembahan khas muzikal melalui tiga segmen iaitu Tanah Airku Tumpah Darahku, Malaysia Kita dan Segulai Sejalai.
5. Selain itu, **slogan “Segulai Sejalai” ini telah digunakan sebagai tanda pagar atau hashtag (#) bagi setiap promosi program dalam media sosial Kementerian Perpaduan Negara (KPN)**. Antara program tersebut adalah Program Gerak Rahmah 2023, Program Segulai Sejalai Bubur Pedas, Pameran Kartun Seiring Sejalan, Program Jalinan Integrasi Nasional dan Karnival Perpaduan. Slogan “Segulai Sejalai” ini akan diperluaskan lagi dalam setiap promosi dan kempen KPN bersama-sama slogan Kementerian iaitu “Perpaduan Dalam Kepelbagaian”.
6. **Kementerian Perpaduan Negara akan menjadikan Segulai Sejalai sebagai tema bagi Sambutan Minggu Perpaduan 2025** yang akan disambut pada hujung bulan Mei 2025 di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (KUALA
NERUS)**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan status Dasar Mineral Negara 3 (DMN 3) dan tempoh jangkaan ia bakal dibentangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Mineral Negara 3 (DMN 3) dibangunkan sebagai dasar yang lebih menyeluruh untuk menyokong dan memacu pembangunan industri mineral khususnya dalam menyelesaikan isu-isu yang menyekat kemajuan industri.
2. Dasar ini meliputi tempoh sehingga tahun 2030 dan bertujuan menetapkan hala tuju baharu industri mineral selaras dengan perkembangan semasa. Bagi memastikan hala tuju pembangunan industri mineral negara dicapai dalam tempoh yang ditetapkan, DMN 3 ditunjangi oleh lima (5) teras utama dan disokong oleh 26 strategi dan 77 inisiatif yang telah dikenal pasti untuk melaksanakan teras-teras tersebut.
3. Sesi libat urus telah diadakan pada 8 hingga 10 Ogos 2023 bagi mendapatkan input pemegang taruh dalam menyediakan kerangka DMN 3. Sesi tersebut dihadiri seramai 121 peserta mewakili Jabatan/Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri, penggiat industri, ahli akademik, pakar-pakar, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Organisasi Masyarakat Sivil (CSO).
4. Kerangka DMN 3 telah dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Januari 2024. Seterusnya, Kementerian sedang merangka Pelan Tindakan sebagai dokumen sokongan kepada DMN 3 bagi memastikan DMN 3 dapat mencapai objektif pewujudannya sebagai panduan pembangunan industri mineral.
5. Satu sesi libat urus bersama pemegang taruh akan diadakan dalam masa terdekat bagi mendapatkan input terhadap kerangka Pelan Tindakan DMN 3 tersebut. Seterusnya, Kementerian juga menjangkakan Pelan Tindakan dijangka dapat dibentangkan untuk persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri dalam tempoh tahun ini setelah semua proses konsultasi dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah pihak Kementerian untuk mengatasi kekurangan peralatan dan kuarters kakitangan Jabatan Imigresen di negeri Sabah. Pihak kami memohon supaya diberi penambahan kepada kedua-dua perkara di atas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 15 Jun 2024, jumlah kuarters bagi keseluruhan negeri Sabah adalah sebanyak 45 buah iaitu 26 unit di Tawau, 12 unit di Lahad Datu dan 7 unit di Keningau di mana kesemua kuarters ini telah diduduki. Kementerian Dalam Negeri (KDN) senantiasa mempertingkatkan aspek kebajikan bagi kesemua anggota yang berada di bawah bidang kuasa KDN. Dalam hal ini, pemberian serta naik taraf kuarters adalah antara yang menjadi keutamaan KDN di mana peruntukan bagi maksud tersebut sentiasa dibuat bidaan pada setiap tahun di bawah peruntukan mengurus.

KDN juga sedang dalam proses pertimbangan bagi penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti untuk memantau dan menguruskan aspek-aspek pemberian di kuarters kerajaan termasuk kuarters di negeri Sabah bagi tujuan menambah baik dari aspek pengurusan. Sukacita juga dimaklumkan bahawa pemberian kuarters bukan hanya bergantung kepada peruntukan mengurus sahaja. Pada setiap tahun, peruntukan-peruntukan khas di bawah pelbagai inisiatif turut dilaksanakan seperti Peruntukan Prihatin, Inisiatif Bajet dan Pemberian Khusus Kuarters Badan Beruniform.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perancangan untuk meningkatkan jumlah kebun dan estet yang ditoreh serta apakah pelan jangka masa pendek dan panjang untuk meningkatkan produktiviti getah seterusnya membantu penoreh memperoleh pendapatan lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk memperkasakan industri getah tempatan, pengeluaran getah asli haruslah dipertingkatkan. Daripada 1.1 juta ha keluasan tanaman getah di Malaysia, 93% terdiri daripada pekebun kecil dan 7% estet. 217,000 pekebun kecil terlibat dalam pengeluaran getah asli di Malaysia (195,000 pekebun kecil aktif- renew PAT-G setiap 3 tahun).
2. Berbeza daripada dahulu, di mana Malaysia merupakan salah satu pengeluar utama getah asli dunia, kini, Malaysia menjadi *net importer* bagi getah asli. Pada tahun 2023, Malaysia menghasilkan 348,000 tan metrik getah asli (2022: 377,000 tan metrik). Kita mengimport 1 juta tan metrik (2022: 1.16 juta tan metrik) getah asli bernilai RM5.7 bilion (2022: RM7.2 bilion).
3. Kita ambil maklum 420,000 ha tanaman getah yang sudah matang tetapi tidak ditoreh. Ini berpunca daripada 2 faktor:
 - i. Kekurangan penoreh; dan
 - ii. Harga getah yang rendah
4. Pihak Kementerian sedang meneliti model konsolidisasi/penyatuan pekebun-pekebun kecil mengikut kluster (500 - 1,000 ha setiap kluster) bagi meningkatkan kapasiti, mengurangkan kos, melibatkan ketiga-tiga tahap dalam rantai nilai industri getah (huluan, *midstream* dan hiliran) dan menarik minat penoreh melalui pendapatan yang tetap dan stabil.
5. Cadangan kluster ini dijangkakan akan dilaksanakan di 3 negeri yang mempunyai tumpuan (*concentration*) kawasan tidak bertoreh yang tinggi iaitu Kelantan (34,621 ha), Kedah (24,058 ha) dan Pahang (19,481 ha). Melalui konsep kluster, rantai pemasaran dapat dipendekkan di mana kilang pemprosesan getah membeli getah secara terus daripada kluster pekebun kecil yang dibentuk dan

NO. SOALAN : 20

seterusnya memberikan harga yang lebih menguntungkan pekebun kecil.

Smallholders → dealers → super dealers → processors → downstream

6. Ingin saya tekankan di sini bahawa, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan keluasan kebun, sebaliknya kita ingin menumpukan kepada usaha untuk meningkatkan pengeluaran getah asli daripada pokok-pokok getah sedia ada dengan memperkenalkan dasar untuk menggalakkan lebih ramai penoreh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah isu utama yang dapat dikesan oleh Kementerian dalam sistem pendidikan negara dengan melihat kepada prestasi murid-murid dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan rekod seramai 10,160 tidak hadir peperiksaan sementara 85,706 murid-murid gagal Matematik dan ribuan murid yang gagal subjek-subjek yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa pelaporan analisis keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2023 adalah berdasarkan semua calon baharu yang pertama kali menduduki peperiksaan SPM dengan mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran.

Bagi peperiksaan SPM Tahun 2023, seramai 383,685 orang calon baharu mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran dan daripada jumlah tersebut, seramai 10,160 orang calon tidak hadir menduduki peperiksaan berbanding seramai 14,858 orang calon bagi tahun 2022. Angka ini menunjukkan penurunan seramai 4,698 orang iaitu 1.2 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara punca luar kawalan KPM yang dikenal pasti menyumbang kepada ketidakhadiran calon bagi peperiksaan SPM Tahun 2023 adalah masalah keluarga, bekerja, kemalangan dan sakit.

Di sebalik isu ketidakhadiran calon ini, secara keseluruhan pencapaian calon dalam peperiksaan SPM Tahun 2023 telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2022. Daripada 373,525 orang calon baharu yang menduduki peperiksaan, sebanyak 60.6 peratus calon lulus semua mata pelajaran yang diduduki berbanding 57.1 peratus pada tahun 2022.

Peratus calon yang layak memperoleh sijil SPM Tahun 2023 turut menunjukkan peningkatan iaitu 93.5 peratus berbanding 91.6 peratus pada tahun 2022. Peningkatan ini adalah sebanyak 1.9 peratus dan merupakan pencapaian terbaik sejak tahun 2013 berdasarkan syarat pensijilan SPM yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah.

Bagi mata pelajaran Matematik, sebanyak 76.8 peratus calon lulus berbanding 75.7 peratus pada tahun 2022. Ini menunjukkan peningkatan prestasi sebanyak 1.1 peratus bagi mata pelajaran Matematik dalam

peperiksaan SPM Tahun 2023.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa melaksanakan program dan inisiatif untuk meningkatkan pencapaian murid dalam setiap mata pelajaran yang dipelajari termasuk Matematik. Bagi tahun 2024, KPM telah mengambil inisiatif seperti yang berikut:

- i. Mengadakan bengkel kerja amalan terbaik pedagogi dan intervensi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Matematik dalam kalangan guru Matematik;
- ii. Mengadakan bengkel kerja pemantapan pedagogi guru Matematik menggunakan pedagogi terbeza dan pembelajaran yang menyeronokkan untuk disesuaikan dengan situasi dan pelbagai kecerdasan murid;
- iii. Memperkasa Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+) pada peringkat pejabat pendidikan daerah (PPD) supaya guru diberikan bimbingan dalam aspek pedagogi terbeza;
- iv. Menyediakan Modul Bimbingan (MOBIM) yang mengandungi cadangan strategi pengajaran kepada guru dan teknik penyelesaian masalah kepada murid;
- v. Menyediakan Program Bimbingan (PROBIM) 2.0 untuk memastikan penguasaan konsep asas matematik pada peringkat sekolah menengah manakala Modul *Basic Essential Additional Mathematics Skills* mengukuhkan kefahaman dan kemahiran murid dalam bidang algebra; dan
- vi. Menyediakan bahan sumber inkuiiri Matematik bagi membantu guru melaksanakan PdP dengan pelibatan aktif murid.

KPM juga prihatin dan komited untuk menangani isu ketidakhadiran calon dalam peperiksaan SPM. Justeru itu, KPM telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan Inisiatif #104: Peningkatan Akses daripada Peringkat Prasekolah hingga Menengah Atas yang memfokuskan kepada

SOALAN NO : 21

strategi peningkatan enrolmen dan menyelesaikan isu keciciran murid pada semua peringkat pendidikan melalui program Sifar Murid Cicir. Untuk itu, KPM menyediakan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC) bagi membantu pihak sekolah mengurus murid berisiko cicir dengan berkesan dan sistematik

Di samping itu, modul Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) serta modul kajian kes dan amalan terbaik disediakan sebagai panduan kepada pihak sekolah memastikan murid berisiko cicir mengikuti program serta aktiviti yang bersesuaian. Modul SUDI ini dapat membantu menangani isu keciciran murid di sekolah dan seterusnya membantu meningkatkan kehadiran calon dalam peperiksaan SPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga prihatin dengan kebijakan calon peperiksaan SPM Tahun 2023 yang tidak menduduki peperiksaan termasuk calon yang tidak layak memperoleh sijil. Oleh itu, KPM membuka peluang kepada mereka untuk mendaftar menduduki peperiksaan SPM Ulangan (SPMU) yang dilaksanakan pada setiap tahun yang menawarkan tiga mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik. Calon juga boleh menduduki peperiksaan SPM sebagai calon persendirian pada tahun-tahun berikutnya.

KPM yakin dengan usaha berterusan dan komitmen semua pihak serta peluang yang ditawarkan kepada calon peperiksaan SPM dapat membantu calon untuk memperbaiki keputusan peperiksaan bagi tujuan melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya atau menceburi peluang pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN
MOKHTAR (KEMAMAN)**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR (KEMAMAN) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pencapaian terkini 10 lonjakan yang ditetapkan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan apakah perkara yang mampu diteruskan bagi pelan pembangunan pendidikan tinggi jangka panjang yang seterusnya iaitu 2026-2035.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT) merupakan dokumen strategik yang menggariskan hala tuju pendidikan tinggi.
2. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa membuat pemantauan prestasi pencapaian secara sukuan bagi sasaran yang ditetapkan. Bagi tahun 2023, purata pencapaian berdasarkan 10 Lonjakan adalah 91%, dan bagi suku pertama iaitu sehingga bulan Mac tahun 2024, KPT telah mencapai sasaran sebanyak 38.2%.
3. Penilaian pencapaian prestasi dibuat secara berterusan bagi memastikan kemajuan pendidikan tinggi terus menyumbang nilainya kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi mentransformasi sistem pendidikan tinggi Malaysia dalam mendepani cabaran baharu landskap pendidikan tinggi Malaysia dan global, KPT akan membangunkan pelan pembangunan pendidikan tinggi jangka panjang yang baharu iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035.
5. Pelan jangka panjang untuk tempoh 10 tahun ini adalah kesinambungan daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT).
6. Tujuan pembangunan pelan baharu, selain melihat kepada pencapaian secara retrospektif, KPT akan turut memasukkan elemen baharu berbentuk prospektif. Ini diperlukan untuk menganjak prestasi pendidikan tinggi ke tahap yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan susulan daripada lawatan rasmi YB Menteri Pendidikan Tinggi ke World Education Forum di London, United Kingdom, apakah input-input yang dibawa pulang dari perjumpaan tersebut yang akan memanfaatkan mahasiswa tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Education World Forum* (EWF) merupakan forum berjadual antarabangsa peringkat menteri yang dianjurkan secara tahunan di London, United Kingdom semenjak tahun 2002. Ia adalah platform perbincangan dan perkongsian pandangan serta pengalaman mengenai isu-isu utama dan terkini, dasar, strategi dan hala tuju pembangunan pendidikan di peringkat global.
2. Dalam sesi sidang pleno EWF di London, United Kingdom, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah berkongsi bagaimana Malaysia melaksanakan dasar pendidikan negara melalui tiga perkara iaitu peruntukan pembiayaan, perancangan strategi yang berkesan, dan mengenal pasti keutamaan. Sepanjang sesi EWF, Malaysia adalah terlihat sebagai negara yang mempunyai perancangan yang baik dari segi pelaksanaan dasar pendidikan.
3. Selain menyertai forum EWF, KPT turut terlibat dalam beberapa siri perbincangan dan mesyuarat. Antaranya;
 - i. Asia Pacific Ministerial Breakfast Meeting,
 - ii. Mesyuarat Bilateral bersama Menteri Pendidikan Tajikistan dan Azerbaijan serta Timbalan Menteri Pendidikan Jepun,
 - iii. Lawatan ke Universiti Brunel London, Universiti Oxford dan Universiti Cambridge,
 - iv. Lawatan ke Perpustakaan British, dan
 - v. Menandatangi Memorandum of Understanding (MoU) di antara beberapa Universiti Tempatan dengan beberapa institusi di United Kingdom.
4. Kementerian percaya, lawatan rasmi ini boleh mempertingkat kerjasama global terutamanya di peringkat pendidikan tinggi seperti geran padanan antarabangsa, program sangkutan akademik dan industri, program pertukaran dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR
BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha penambahbaikan Kementerian terhadap garis panduan atau prosedur operasi standard (SOP) bagi jemputan pensyarah luar di institusi pengajian tinggi supaya insiden melibatkan jemputan pensyarah pro-Zionis tidak berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 22 September 2010, kuasa utuk meluluskan penganjuran seminar antarabangsa di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) telah diturunkan dari YB Menteri Pendidikan Tinggi (pada ketika itu) kepada Naib Canselor atau Rektor.
2. Terkini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengarahkan supaya prosedur bagi semua program yang dianjurkan di Universiti diperkemas dengan memperketat elemen kawalan bagi memastikan insiden sebegini tidak berulang di masa hadapan.
3. Sebagai respon segera kepada arahan ini, pihak Universiti telah mengambil tindakan serta merta dengan memperkemas dan memperketat prosedur kawalan dan tapisan di peringkat Universiti, yang melibatkan penceramah tempatan dan asing termasuk meneliti kandungan ceramah sebelum kelulusan diberikan.
4. Selain itu, KPT juga bertegas bahawa tindakan ke atas sebarang ketidakpatuhan di masa hadapan akan diuruskan berdasarkan peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bajet yang diberi oleh Kementerian Kewangan kepada JPS untuk menaik taraf setiap kolam takungan banjir di Kuala Lumpur. Nyatakan peruntukan yang telah dibelanja untuk kerja naiktaraf di setiap kolam takungan banjir tersebut, khususnya kolam Kg Bohol.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kolam takungan banjir ialah struktur kawalan yang digunakan untuk menyimpan air hujan, memperlahangkan aliran air permukaan dan mengurangkan bahan enap cemar. Ia berfungsi untuk mengurangkan risiko banjir kilat dengan memperlahangkan aliran air permukaan terus ke sungai dan saliran utama melalui kaedah takungan dan resapan.
2. Untuk makluman, terdapat sebanyak 17 kolam takungan banjir di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Kuala Lumpur. Pada tahun ini, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memperuntukkan sebanyak RM12.2 juta untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kolam bagi memastikan kesemua kolam ini dapat berfungsi pada kapasiti rekabentuk asal.
3. Bagi mengatasi masalah banjir di pusat bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian melalui JPS sedang melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Bunus melibatkan kos keseluruhan RM300 juta. Skop projek ini adalah untuk menaiktaraf 6 kolam takungan banjir melibatkan 10 pakej di sepanjang jajaran Sungai Bunus dimana 6 pakej telah siap, 2 pakej sedang berjalan dan 2 pakej dalam proses tender.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kolam takungan banjir Bohol akan disenggara secara bersama oleh JPS dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selepas diwartakan. DBKL telah membelanjakan sebanyak RM 1.8 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan bagi tempoh tahun 2023 hingga bulan Jun 2024 di Kolam Takungan Bohol, Seputeh, Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMA BELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi membanteras kejadian pencerobohan ke atas balai polis dan serangan ke atas anggota badan beruniform mutakhir ini agar ianya tidak berulang lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat serta aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampunan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Dalam konteks ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah-langkah mempertingkatkan tahap kawalan keselamatan di balai polis seluruh negara dengan lebih optimum dan bersiap siaga atas sebarang kemungkinan dalam membanteras kejadian pencerobohan atau tindakan luar jangka ke atas balai polis. PDRM juga telah memperketatkan semua Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan premis PDRM merangkumi Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) dan arahan-arahan pentadbiran semasa yang berkaitan.

SOALAN NO: 26

Selain itu, PDRM telah mengedarkan pekeliling pengurusan bertarikh 20 Mei 2024 kepada semua formasi PDRM untuk mempertingkatkan pemeriksaan keselamatan di semua premis Polis bagi mengenal pasti kelemahan fizikal supaya tindakan segera dapat diambil, kawalan keselamatan balai dapat diperketatkan dan meningkatkan rondaan di kawasan Balai Polis.

Ke arah memperkuatkukan tahap keselamatan dan penguatkuasaan di semua premis dan fasiliti milik PDRM, KDN telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan pasukan petugas (*task force*) bagi mengenal pasti dan melaksanakan proses pengisytiharan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLTL) bagi premis dan fasiliti milik PDRM khususnya Balai-balai Polis di seluruh negara. Pengisytiharan ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kawasan Larangan Tempat Larangan(KLTL) [Akta 298]. Pewujudan pasukan petugas (*task force*) ini telah diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting dan diketuai oleh Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
(LEDANG)**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH (LEDANG) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dengan terperinci kaedah yang akan digunakan serta garis masa pelaksanaan lima strategi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam dasar pendidikan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Garis masa pelaksanaan program dan inisiatif strategik Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024 dipantau secara sukuan sepanjang tahun 2024 serta dilaporkan secara berkala kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan bagi memastikan Pelan ini dapat dicapai sepenuhnya.
2. Terdapat empat (4) kaedah yang digunakan untuk memantau lima fokus utama Pelan ini iaitu:
3. Pertamanya, **Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator - KPI)** telah ditetapkan untuk setiap keberhasilan fokus utama bagi mengukur pencapaian keberhasilan bagi tahun 2024.

4. Seterusnya, Kementerian telah **melantik lima (5) Naib Canselor Universiti Awam** bagi mengetuai setiap Kumpulan Fokus Utama untuk menilai pelaksanaan dan prestasi program atau inisiatif strategik yang dilaporkan agar selaras dengan Landasan Hala Tuju. Status pencapaian program dan inisiatif strategik Pelan seterusnya akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pelaksana.
5. Ketiga, Kementerian juga telah **menubuhkan tiga (3) jawatankuasa yang berperanan untuk memantau serta melaporkan pelaksanaan program atau inisiatif mengikut fokus utama iaitu:**
 - i. Jawatankuasa Pelaksana Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024,
 - ii. Jawatankuasa Pemandu Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024, dan
 - iii. Jawatankuasa Induk Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024.

6. Keempat, **membangunkan Dashboard Prestasi dan Penyampaian Pendidikan Tinggi** dalam memastikan semua usaha yang dilaksanakan oleh Institusi Pendidikan Tinggi di bawah KPT dapat dilaporkan secara berkala.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR (KEMAMAN)

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR (KEMAMAN) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian dan langkah pihak Kementerian terhadap cadangan untuk mewujudkan rating bagi universiti tempatan sebagai alternatif kepada ranking yang dilihat telah membebankan pelbagai pihak terutamanya pemegang taruh pendidikan tinggi di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, ranking boleh digunakan sebagai kayu pengukur dan penanda aras dalam menentukan kekuatan sistem pendidikan dan mekanisme untuk menambah baik sistem tersebut. Walau bagaimanapun, ranking bukanlah satu-satunya kayu pengukur menilai kecemerlangan sesebuah institusi. Malah, ia juga tidak wajar dijadikan sebagai matlamat terpenting di dalam sesebuah universiti.
2. Kementerian tidak memaksa atau memberi tekanan, tetapi mengharapkan agar universiti di Malaysia bukan hanya dikenali kerana ranking, tetapi juga melalui karya ilmiah yang dihasilkan oleh sarjana dalam pelbagai bidang yang dirujuk oleh masyarakat antarabangsa.
3. Walaupun ranking penting untuk keterlihatan sesebuah universiti, peranan universiti ke arah menyelesaikan masalah masyarakat dan kemenjadian siswazah masih diutamakan.
4. Kementerian juga telah membangunkan sistem penarafan peringkat nasional untuk menilai prestasi penyelidikan universiti melalui sistem e-MyRA®. MyRA® (*Malaysia Research Assessment*) ialah instrumen yang mengukur *input*, *output*, *outcome* dan impak pembangunan, penyelidikan, pengkomersialan dan inovasi (RDC&I). Sistem penarafan ini memberikan daya saing di antara IPT tempatan untuk menjadi yang terbaik dan berkualiti bukan sahaja di peringkat nasional malah diperingkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah status, kos dan peruntukan tambahan bagi pembinaan LRA Cinta Mata II yang dijangka bermula pada Januari 2025 dan menghasilkan kapasiti pengeluaran berjumlah 161 JLH akan memberi kesan masalah bekalan air serius kepada lebih setengah juta orang penduduk Tawau dan Kalabakan jika tidak dilaksanakan segera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Pembinaan Loji Cinta Mata 2, Tawau, Sabah telah diluluskan di bawah *Rolling Plan Ketiga (RP3)*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) tahun 2023 dengan kos keseluruhan RM335 juta berkapasiti 30 JLH. Kos awalan tahun 2024 bagi pembinaan LRA Cinta Mata 2 adalah sebanyak RM50 ribu.
2. Proses reka bentuk bagi projek ini telah siap sepenuhnya dan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Sabah. Makmal *Value Assessment (VA)* telah diadakan pada Februari 2024 manakala Makmal *Value Engineering (VE)* dijangka akan dilaksanakan pada Ogos 2024. Seterusnya Surat Setuju Terima SST dijangka akan dikeluarkan pada Januari 2025 dan projek dijangka siap pada tahun 2028.
3. Projek ini dijangka dapat memastikan bekalan air terawat mencukupi untuk memenuhi permintaan bekalan air di kawasan bekalan liputan sedia ada sehingga tahun 2050.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [
TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan usaha Kementerian dan agensi-agensi berkaitan dalam mengatasi masalah litar pintas yang boleh menyumbang kepada kebakaran rumah terutama di kawasan perkampungan dalam parlimen Tasek Gelugor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Litar pintas yang menyumbang kepada kebakaran rumah kebiasaan berlaku pada pepasangan pendawaian dalaman milik pengguna. Pihak TNB pula bertanggungjawab dalam pengurusan sistem bekalan elektrik sehingga ke meter TNB di setiap premis pengguna.
2. Perkara ini telah dinyatakan di dalam Garis Panduan Persempadanan Pengurusan dan Penyenggaraan Sistem Pepasangan Elektrik dan Gas Berpaip di Bangunan. Garis Panduan ini dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sedia ada iaitu Akta Bekalan Elektrik 1990, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, Akta Bekalan Gas 1993, Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997, Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 dan Akta Hakmilik Strata 1985.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu litar pintas ini, pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengeluarkan beberapa tips keselamatan elektrik untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada pengguna mengenai litar pintas seperti berikut:
 - i. pastikan pendawaian elektrik di rumah sentiasa berada dalam keadaan selamat;
 - ii. gunakan kelengkapan elektrik yang diluluskan dan mempunyai label keselamatan daripada ST dan SIRIM;
 - iii. pastikan tangan dalam keadaan kering semasa menggunakan kelengkapan elektrik;

SOALAN NO : 30

- iv. elakkan membebani soket dengan menggunakan kelengkapan elektrik yang berlebihan atau dengan beban yang tinggi;
 - v. elakkan menggunakan telefon bimbit semasa ia sedang dicas; dan
 - vi. pastikan semua suis dan kelengkapan elektrik yang tidak digunakan di rumah dimatikan sekiranya pulang ke kampung atau pergi bercuti.
4. Selain itu, di bawah program pembangunan dan pelaksanaan kempen kesedaran keselamatan elektrik, pihak Kementerian dengan kerjasama ST dan TNB telah memperkenalkan subjek keselamatan di bawah program *Malaysia Energy Literacy Program* (MELP) yang bertujuan untuk mendidik pelajar universiti berkaitan kesedaran keselamatan elektrik.
5. ST dari semasa ke semasa juga sentiasa melaksanakan program kesedaran berkaitan keselamatan elektrik melalui pelbagai platform media massa seperti:
- i. siri animasi Upin dan Ipin dan Komik Adiwira; dan
 - ii. kempen kesedaran keselamatan elektrik di peringkat daerah dan negeri serta program TV atau radio seperti segmen di “Wanita Hari Ini”, “Selamat Pagi Malaysia”, “Wow Shop” dan iklan tips keselamatan elektrik di siaran TV utama dan radio Bernama, Suria, Ikim dan National.fm.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah drastik bagi memperbetulkan persepsi dan mentaliti para pelajar terhadap kepentingan akademik yang kini diabaikan berikutan pengaruh tidak sihat daripada media sosial yang memaparkan kehidupan mewah tanpa memerlukan kelulusan akademik yang berisiko melahirkan generasi ketandusan intelektual di masa hadapan kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam meningkatkan kesedaran murid terhadap kepentingan akademik dan menepis pengaruh tidak sihat selaras dengan prinsip karamah insaniah dalam pendidikan generasi MADANI.

Dalam konteks ini, KPM melalui pelbagai mekanisme khususnya di sekolah melaksanakan program pembangunan diri dan pendidikan kerjaya murid bagi meningkatkan kesedaran murid terhadap kepentingan belajar, mengembangkan potensi, kecenderungan, sikap, minat dan hala tuju kerjaya supaya murid dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran, pengalaman serta resillen atau daya tahan yang tinggi. Antara program/aktiviti yang dilaksanakan di sekolah adalah seperti ceramah motivasi, bengkel kemahiran belajar, kursus pemantapan jati diri, pameran pendidikan kerjaya oleh institusi pengajian tinggi, perkongsian hala tuju kerjaya melalui alumni sekolah serta sesi bimbingan dan kaunseling secara berfokus kepada kumpulan sasaran.

KPM juga menggunakan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 11 Tahun 2023 Garis Panduan Nilai Etika Penggunaan Media Sosial bagi Guru dan Murid. Surat pekeliling ini menerangkan tentang garis panduan kepada guru dan murid untuk mengelakkan penyalahgunaan media sosial yang membawa kepada pelbagai keburukan terutamanya dalam penyebaran fitnah dan perkongsian maklumat yang kurang tepat. Garis panduan ini akan memandu murid untuk mempunyai rasa tanggungjawab dan jati diri dari terpengaruh dengan pempengaruh yang negatif di sosial media.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga menggunakan pendekatan pempengaruh pendidikan atau *Edufluencer* menerusi perkongsian maya dalam media sosial untuk meningkatkan kesedaran dan motivasi murid mengenai kepentingan menduduki peperiksaan SPM dan hala tuju kerjaya.

Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di sekolah juga telah melaksanakan Program Kaunseling Berfokus melalui sesi individu atau sesi kelompok terutama murid yang sudah dikenal pasti terjebak dalam pengaruh negatif media sosial. GBK juga menjalankan intervensi dengan melaksanakan program dan aktiviti berkaitan kesedaran penggunaan internet serta mengenai ancaman keselamatan siber dan masalah ketagihan media sosial.

KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 2 Tahun 2018: Garis Panduan Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Dokumen ini bertujuan untuk memastikan pembelajaran murid yang lebih berkesan berdasarkan e-pembelajaran. PdP yang berdasarkan e-pembelajaran ini dapat merangsang pemikiran kreatif dan inovatif dalam persekitaran pembelajaran interaktif dalam kalangan murid. Antara jenis peranti yang dibenarkan adalah seperti komputer riba, tablet *personal computer*, peranti audi dan peranti ciptaan baharu yang lain yang menyamai fungsi komputer riba.

Mata pelajaran Asas Sains Komputer yang diperkenalkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bertujuan menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran pemikiran komputasional serta mengamalkan nilai dan budaya teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Nilai TMK ini melengkapkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran tertentu bagi melahirkan murid yang kreatif, inovatif, dinamik dan beretika. Segala maklumat yang diperoleh daripada media sosial yang memaparkan maklumat tidak tepat akan ditapis terlebih dahulu oleh murid dengan bimbingan ibu bapa dan guru setelah mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran secara beretika, berhemah dan bertanggungjawab.

KPM yakin aspek karamah insaniah yang merangkumi perkembangan ilmu dalam kurikulum, pembentukan karakter, pemurnian adab dan akhlak serta pengukuhan integriti dapat melahirkan keseimbangan kecemerlangan akademik dan sahsiah murid selaras dengan teras kedua Nadi Keunggulan KPM.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMA BELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status penubuhan Agensi Pusat Pemeriksaan dan Sempadan Malaysia (MCBA) dan usaha penambahbaikan kerajaan termasuk dari segi koordinasi melibatkan agensi-agensi penguatkuasa di pintu sempadan negara serta implikasi kewangan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Jemaah Menteri di dalam mesyuarat pada 27 Oktober 2023 telah dimaklumkan melalui Nota Jemaah Menteri daripada Menteri Dalam Negeri mengenai hasil kajian Pasukan Nukleus Agensi Tunggal Sempadan (SBA) yang telah bermula sejak 10 Oktober 2021. Dalam mesyuarat yang sama, Jemaah Menteri telah bersetuju agar pelaksanaan SBA diteruskan dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertanggungjawab sebagai kementerian peneraju untuk penubuhan agensi ini.

Lanjutan daripada keputusan tersebut, Menteri Dalam Negeri di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Januari 2024 telah membentangkan Memorandum Jemaah Menteri mengenai Penetapan Dasar Rang Undang-Undang Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA) dan Jemaah Menteri telah bersetuju untuk MCBA melaksanakan lapan (8) fungsi utama seperti yang berikut:

- (a) menguatkuasa undang-undang mengawal kebolehterimaan orang di pintu masuk negara;
- (b) menguatkuasa undang-undang mengawal kebolehterimaan barang, kenderaan dan kargo di pintu masuk negara;
- (c) mewujudkan dan menguatkuasa tatacara dan peruntukan bagi perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan barang pertanian;
- (d) menguatkuasa undang-undang mengawal kebolehterimaan kenderaan persendirian dan kenderaan perdagangan;
- (e) menguatkuasa undang-undang mengawal kebolehterimaan serta melindungi keselamatan kesihatan awam, farmasi dan kualiti makanan;

SOALAN NO : 32

- (f) menguatkuasa undang-undang mengawal kebolehenerimaan hidupan liar dan produk berasaskan hidupan liar;
- (g) melaksanakan penguatkuasaan, pemantauan, penahanan, risikan, siasatan, rondaan dan pendakwaan di pintu masuk negara; dan
- (h) melaksanakan pengurusan dan pentadbiran kompleks pintu masuk dan pelabuhan.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA) sedang beroperasi di peringkat Ibu pejabat melalui waran perjawatan asas sebanyak 104 perjawatan yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024. Selain daripada merangka gerak kerja dan pelan pengambilalihan pengoperasian di pintu-pintu masuk negara yang meliputi pengurusan sumber manusia, aset, kewangan, pelan latihan dan lain-lain. Rang Undang-undang tubuh bagi Agensi ini dijadual akan dibentangkan dalam mesyuarat pada kali ini.

Dari aspek koordinasi, pengwujudan MCBA dan penggabungan beberapa agensi yang terlibat akan diambil sebagai peluang untuk menambah baik peraturan dan proses kerja sedia ada.

Di samping itu, untuk memperkuuh aspek mekanisme dan tadbir urus pengoperasian MCBA kelak, Jemaah Menteri pada 22 Mac 2024 telah bersetuju dengan cadangan KDN untuk mewujudkan Jawatankuasa Pemantapan Dasar dan Pengoperasian MCBA yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KDN dan dianggotai oleh wakil daripada setiap agensi dan kementerian yang berkaitan termasuklah wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai platform untuk setiap agensi dan kementerian teras yang bertanggungjawab ke atas dasar yang berkaitan dengan fungsi kawalan, pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk untuk memperhalusi dan menyelesaikan isu-isu berbangkit berkaitan pengoperasian MCBA kelak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan:**

- (a) sama ada baraj baru di Mak Mandin Ampang Jajar, Sungai Perai negeri Pulau Pinang akan dibina demi membantu mengelak (*saline intrusion*) daripada memasuki muka sauk di sungai berkaitan dan;
- (b) sama ada Kementerian mempunyai perancangan jangka masa panjang untuk membina Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) dalam membekalkan sebuah takungan air mentah simpanan untuk kegunaan pada musim kemarau atau tempoh kecemasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, tiada permohonan cadangan pembinaan baraj baharu di Mak Mandin Ampang Jajar, Sungai Perai yang diterima oleh Bahagian Bekalan Air, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (BBA, PETRA).
2. Kerajaan pada masa ini sedang giat melaksanakan projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) di seluruh Malaysia. Antara projek TAPS yang sedang dilaksanakan adalah TAPS Sungai Johor, Johor, TAPS Jernih, Melaka dan TAPS Padang Saga, Langkawi. Sehingga kini, hanya kajian pembangunan sumber air dari lembangan Sungai Kerian termasuk kebolehlaksanaan pembesaran Empangan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan sahaja yang sedang dilaksanakan di negeri Pulau Pinang.
3. PETRA mengalu-alukan Kerajaan Negeri untuk mengemukakan permohonan projek sumber bagi bekalan air untuk *Rolling Plan* yang akan datang melalui BBA, PETRA untuk diteliti. Projek yang telah dikenal pasti akan diangkat kepada Kementerian Ekonomi untuk pertimbangan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan berkenaan tahap siap siaga pasukan keselamatan negara yang kini berhadapan dengan pelbagai insiden termasuk serangan balai polis sehingga meragut nyawa anggota dan siri ancaman keselamatan terhadap pemain bola sepak negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Sehubungan itu, dalam mempertingkatkan keselamatan dan kesiapsiagaan dalam membanteras tindakan luar jangka, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memperketatkan semua Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam agar mempertingkatkan kawalan keselamatan premis PDRM merangkumi pematuhan Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) dan arahan-arahan pentadbiran semasa yang berkaitan. Antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh PDRM adalah seperti berikut:

1. Mengeluarkan edaran pengurusan bagi Mempertingkatkan Kawalan Keselamatan di Premis PDRM sebagai peringatan kepada semua Pegawai Pemerintah/Ketua Formasi/Pegawai Bertanggungjawab untuk melaksanakan serta memastikan langkah-langkah keselamatan yang lebih komprehensif diambil untuk melindungi premis-premis PDRM daripada terdedah kepada kejadian-kejadian tidak diingini yang boleh mencalarkan imej PDRM;
2. Pewujudan Pasukan Petugas oleh KDN dengan kerjasama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO), Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM), PDRM untuk mengenalpasti dan melaksanakan proses pengisytiharan semua fasiliti PDRM sebagai Kawasan Larangan Tempat Larangan (KLTL). Di dalam pelaksanaan ini, semua premis PDRM merangkumi Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Balai Polis, Pondok Polis, pos-pos kawalan sempadan

SOALAN NO : 34

PGA, Pangkalan Polis Marin dan semua Formasi PDRM di bawah Akta Kawasan Larangan Tempat Larangan (KLTL) sedang dilaksanakan.

3. Pematuhan kepada Pekeliling/Prosedur Operasi Standard (SOP)/arahan semasa yang dikeluarkan oleh pasukan adalah perlu dan menjadi panduan kepada semua Pegawai Polis dalam melaksanakan langkah-langkah komprehensif dan kesiapsiagaan semasa menjalankan tugas; dan
4. Semua Pesuruhjaya Polis, Ketua Polis Negeri, Komander, Komandan, Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan tahap keselamatan untuk diperketatkan bagi melindungi lokasi-lokasi sasaran penting termasuk premis-premis PDRM di seluruh negara demi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI
[IGAN]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini jumlah sekolah daif di Sarawak termasuk di kawasan Parlimen Igan mengikut Skala Kedaifan. Apakah perancangan dan tindakan yang diambil oleh Kementerian dan bilakah masalah sekolah daif di Sarawak dapat diselesaikan sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik dan kondusif agar menjamin keselamatan dan keselesaan warga sekolah.

Data sekolah yang mempunyai bangunan daif adalah bersifat dinamik dan akan berubah berdasarkan kondisi bangunan dari semasa ke semasa. Berdasarkan data KPM, sehingga Jun 2024 terdapat 555 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif di negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut sebanyak 361 buah sekolah berskala 6 manakala 194 buah sekolah berskala 7.

SOALAN NO : 35

Khusus di Parlimen Igan, terdapat 20 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif berskala 6 dan 7. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11 buah sekolah berskala 6 dan sebanyak 9 buah sekolah berskala 7.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak sembilan projek gantian bangunan daif telah diluluskan dalam RMKe-12 dan projek 1Billion di Parlimen Igan. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Matu (Daro), Sekolah Kebangsaan Kg Tebaang (Mukah), Sekolah Kebangsaan Kg Pergau (Mukah), Sekolah Kebangsaan Bawang Tian (Mukah), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Igan (Igan), Sekolah Kebangsaan Batang Lassa (Daro), Sekolah Kebangsaan Nangar (Daro), Sekolah Kebangsaan Camporan Daro (Daro) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Puan Datuk Patinggi Hjh Normah (Daro).

Berhubung baki sekolah lain bagi projek menaik taraf atau pembinaan gantian bangunan daif di Sarawak, KPM melalui JPN Sarawak sedang meneliti kebolehlaksanaan pembinaan bangunan gantian di sekolah-sekolah ini terutama dalam aspek keperluan sebenar serta mengambil kira keadaan tapak sekolah sebelum dimohon secara berfasa kepada pihak agensi pusat untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG)

TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan berkenaan program penyasaran subsidi diesel dan subsidi petrol yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan serta kesannya kepada ekonomi rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang telah diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2024, mulai tahun ini, Kerajaan akan melaksanakan penyasaran semula subsidi secara berfasa. Bermula pada 10 Jun 2024, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel yang mensasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan barang darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0). Manakala bagi penyasaran subsidi Petrol Ron95, Kerajaan masih belum membuat keputusan mengenainya.

Serentak dengan pelaksanaan langkah tersebut, Kerajaan juga telah melancarkan program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk

petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai secara bulanan ini dapat mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar.

Berdasarkan data perbelanjaan isi rumah daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bantuan tunai RM200 sebulan dianggar memadai untuk menampung perbelanjaan tambahan untuk sekurang-kurangnya 80% pengguna kenderaan diesel persendirian. Amaun bantuan tunai tersebut dilihat mencukupi untuk membayai perubahan harga diesel bagi pengguna yang melakukan perjalanan secara purata sejauh 75 kilometer sehari berdasarkan kadar penggunaan bahan api oleh kebanyakan kenderaan diesel seperti *pickup truck*.

Melalui pelaksanaan penyasaran subsidi diesel ini, Kerajaan menganggarkan penjimatan perbelanjaan mengurus sebanyak RM4 bilion setahun. Dengan mengambil kira kadar kenaikan harga runcit diesel yang telah ditetapkan dan pelaksanaan langkah mitigasi impak kenaikan harga melalui penyasaran subsidi dan pemberian bantuan tunai, kesan ke atas inflasi dan pertumbuhan ekonomi dijangka tidak ketara. Sehubungan itu, unjuran rasmi inflasi dan pertumbuhan KDNK bagi tahun 2024 kekal masing-masing pada 2.0% - 3.5% dan 4.0% - 5.0%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI
(SUNGAI PETANI)**

TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI (SUNGAI PETANI) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah mitigasi yang bakal diambil dalam memastikan inflasi kekal di paras rendah selepas penyasaran semula subsidi diesel dan petrol dijalankan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar inflasi bagi empat bulan pertama tahun 2024 mencatat peningkatan yang sederhana sebanyak 1.7% berbanding 3.5% bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, kadar inflasi bagi bulan April 2024 pula kekal rendah pada 1.8%, bagi tiga bulan berturut-turut semenjak Februari 2024. Sebagai perbandingan, inflasi bagi Zon Euro kekal meningkat kepada 2.4% pada April 2024, Amerika Syarikat (3.4%), Republik Korea (2.9%), Indonesia (3.0%) dan Filipina (3.8%). **Dengan mengambil kira angka inflasi yang rendah pada ketika ini, Kerajaan berpandangan ini adalah tempoh yang sesuai bagi pelaksanaan subsidi bersasar.**

Bagi memastikan kadar inflasi kekal di paras rendah selepas penyasaran semula subsidi bahan api, Kerajaan telah dan akan terus melaksanakan langkah seperti memantau dan mengawal harga bagi barang keperluan terpilih serta menyalurkan bantuan kepada rakyat yang memerlukan dalam menampung kos sara hidup. Misalnya, operasi penguatkuasaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga terus diperkasakan melalui OPS KESAN, OPS CATUT, OPS TERJAH, OPS, TIRIS, OPS MENU, OPS PASAR dan OPS SAMAR. Semua operasi ini adalah untuk membendung sebarang usaha untuk menjelaskan kestabilan bekalan barang dan perkhidmatan serta mengekang elemen pencatutan harga di pasaran. Tambahan pula, **Kerajaan melalui platform penyasaran semula subsidi, BUDI MADANI telah memperkenalkan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 menggunakan kaedah fleet card bagi kenderaan logistik berkelayakan untuk membendung kesan terhadap harga barang pengguna dengan penetapan harga diesel RM2.15 seliter. Di bawah SKDS 1.0 pula, harga diesel kekal rendah pada harga RM 1.88 seliter bagi kenderaan-kenderaan pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, ambulans dan bomba. Manakala diesel bersubsidi untuk nelayan kekal pada harga RM1.65 seliter.**

Selain itu, penyasaran subsidi juga diperkenalkan dalam bentuk bantuan tunai. Melalui inisiatif bantuan tunai BUDI Individu, sebanyak RM200 sebulan diperuntukkan kepada warganegara Malaysia pemilik kenderaan diesel individu dengan syarat kelayakan tertentu. Manakala bantuan tunai BUDI Agri-Komoditi pula memperuntukkan sebanyak RM200 sebulan kepada golongan petani, penternak dan pekebun kecil komoditi yang berdaftar.

Pemberian subsidi secara bersasar yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan memastikan perbelanjaan Kerajaan lebih cekap dan berkesan khususnya dalam memastikan kedudukan kewangan Kerajaan kekal kukuh, seterusnya dapat menyediakan ruang fiskal yang mencukupi dalam menghadapi sebarang krisis pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes pemerdagangan manusia yang dikenal pasti setakat ini di kawasan Klang dan apakah tindakan untuk mengawal isu yang semakin membimbangkan ini, terutama dalam kawasan Klang yang menjadi antara pusat transit utama.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan MADANI melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa memberi perhatian serius dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang yang berlaku di Malaysia. Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) yang diterajui oleh KDN dan dianggotai 22 kementerian, agensi, organisasi lain dan badan bukan Kerajaan (NGO) merupakan penyelaras dan pelaksana kepada pelbagai bentuk tindakan serta langkah bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang di peringkat nasional.

Malaysia juga mempunyai perundangan domestik khusus iaitu Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan juga mempunyai perancangan strategik iaitu Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2021-2025 [NAPTIP 3.0] bagi menangani jenayah pemerdagangan orang.

SOALAN NO : 38

Pada tahun 2024, sebanyak 16 kes pemerdagangan orang yang melibatkan 19 tangkapan dan 73 orang yang diselamatkan di seluruh negeri Selangor. Daripada jumlah itu, sebanyak 13 kes pemerdagangan orang yang melibatkan 15 tangkapan dan 21 orang diselamatkan di daerah Klang.

Berikut adalah antara usaha KDN melalui pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang di negeri Selangor yang turut merangkumi daerah Klang seperti berikut:

- i. Mengenalpasti sindiket yang menjadi dalang terutamanya ejen pemerdagangan orang;
- ii. Memperkasa penguatkuasaan bersepadu dan mekanisme penyelarasan pelbagai agensi penguatkuasaan dan sumber daya untuk meningkatkan kesan dalam memerangi jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran;
- iii. Menjalankan siasatan komprehensif bagi menghasilkan pendakwaan agar memberi kesan *deterrence* kepada sindiket;
- iv. Melaksanakan sesi libat urus dan berkerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan; dan
- v. Meningkatkan kesedaran awam dan tahap kefahaman pelbagai lapisan masyarakat, termasuk di kawasan luar bandar mengenai modus operandi sindiket jenayah pemerdagangan orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN
(STAMPIN)**

TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN (STAMPIN) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik terperinci kes-kes berkenaan pemindahan wang dan caj ke atas kad kredit tanpa pengetahuan pemegang akaun atau kad kredit masing-masing pada tahun 2021, 2022, 2023 dan 2024 dan juga bank masing-masing yang terlibat dan berapa peratus di antara mangsa-mangsa itu telah dikembalikan wang kepada mereka atau transaksi berkenaan dibatalkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peratusan jumlah kerugian akibat penipuan kad kredit dari tahun 2021 sehingga Mac 2024 adalah minimal berbanding perbelanjaan kad kredit iaitu bagi tahun 2021 : 0.08%, 2022 : 0.12%, 2023 : 0.13% dan Januari hingga Mac 2024 : 0.10%.

Sebahagian besar penipuan kad kredit adalah daripada transaksi tanpa kad (*card-not-present*, CNP) seperti urus niaga dalam talian yang tidak sah yang merangkumi 97% daripada jumlah kerugian penipuan kad kredit.

Bank Negara Malaysia (BNM) tidak mempunyai maklumat berkenaan jumlah transaksi yang dibatalkan. Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan yang diterima daripada pengeluar kad kredit, kerugian akibat penipuan kad kredit yang ditanggung oleh pemegang kad kredit adalah rendah iaitu bagi tahun 2021 : 0.60%, 2022 : 1.51%, 2023 : 3.71% dan Januari hingga Mac 2024 : 3.63%.

Kerugian kepada pemegang kad kredit terus berada pada tahap yang minimum di mana **sebahagian besar daripada kerugian penipuan kad kredit adalah ditanggung oleh pemeroleh pedagang asing atau pedagang asing (Januari-Mac 2024: 80%)** seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan pemindahan liabiliti rangkaian kad pembayaran antarabangsa.

Penanggungan oleh entiti asing ini adalah kerana Malaysia telah melaksanakan kaedah pengesahan yang lebih kukuh dengan pelaksanaan pengesahan dua faktor semenjak 2012.

Berdasarkan laporan oleh institusi kewangan di Malaysia, peningkatan kerugian kepada pemegang kad kredit pada tahun 2022 dan 2023 adalah berpuncu daripada kecuaian pemegang kad kredit di mana pengguna telah mengesahkan transaksi tanpa kad (*card-not-present*, CNP) yang telah dimulakan oleh penjenayah.

Jika berlaku pertikaian di antara pemegang kad dan pengeluar kad pembayaran, dan melibatkan jumlah kerugian tidak melebihi RM25,000, pemegang kad boleh merujuk kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (*Ombudsman for Financial Services, OFS*) untuk ditimbangtara.

BNM sentiasa memantau kadar penipuan kad kredit di Malaysia dan terus mengambil langkah-langkah bagi memastikan penggunaanya kekal selamat. Ini termasuklah mengingatkan pengguna kad pembayaran **supaya mengambil langkah berjaga-jaga terhadap penipuan kad kredit** seperti tidak berkongsi maklumat peribadi atau menggunakan kad pembayaran di laman sesawang yang mencurigakan, serta melaporkan kehilangan kad pembayaran kepada pengeluar kad pembayaran dengan kadar segera atau segera menghubungi nombor *hotline* Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di 997 atau nombor *hotline* pengeluar kad pembayaran jika terkena scam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan trend sekolah swasta di Malaysia :

- (a) berapa sekolah rendah dan sekolah menengah swasta (termasuk homeschool) dari 2000 hingga 2024; dan
- (b) berapa jumlah pelajar sekolah rendah dan menengah swasta dari 2000 hingga 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah swasta seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 74 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] ialah sekolah yang dimiliki oleh pihak swasta serta melaksanakan kurikulum kebangsaan. Pengoperasian sekolah swasta juga selaras dengan peringkat pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan yang turut merangkumi pendidikan rendah dan menengah.

Terdapat dua kategori utama dalam sekolah swasta iaitu sekolah akademik dan sekolah agama. Sekolah akademik ialah sekolah yang melaksanakan kurikulum kebangsaan manakala sekolah agama ialah sekolah yang melaksanakan kurikulum kebangsaan beserta kurikulum agama Islam yang dikawal selia oleh pihak berkuasa agama masing-masing.

SOALAN NO : 40

- a) Sehingga suku pertama 2024 terdapat 133 buah sekolah rendah swasta yang terdiri daripada 68 buah sekolah rendah akademik dan 65 buah sekolah rendah agama. Berdasarkan data sekolah swasta dari tahun 2010 hingga 2024, bilangan sekolah rendah swasta menunjukkan trend peningkatan 43 peratus.

Bagi sekolah menengah, terdapat 109 buah sekolah menengah swasta yang terdiri daripada 68 buah sekolah menengah akademik dan 41 buah sekolah menengah agama. Trend bilangan sekolah menengah swasta juga menunjukkan peningkatan dengan peratusan iaitu 21 peratus.

- b) Bagi enrolmen di sekolah swasta pula, sehingga suku pertama 2024 terdapat 41,610 murid sedang mengikuti pendidikan di peringkat rendah dengan pecahan di sekolah rendah akademik seramai 14,474 murid dan sekolah rendah agama sebanyak 27,136 murid. Secara perbandingan dengan data enrolmen murid di sekolah rendah swasta pada tahun 2010 dengan 2024 menunjukkan trend peningkatan sebanyak 53 peratus.

Enrolmen murid yang sedang mengikuti pendidikan di peringkat menengah sehingga suku pertama 2024 adalah seramai 24,718 orang dengan 14,866 di sekolah menengah akademik dan 9,852 di sekolah menengah agama. Berdasarkan data enrolmen tahun 2010 hingga 2024, terdapat trend peningkatan bagi murid yang mengikuti pendidikan di sekolah menengah swasta namun peratusan peningkatan hanya 7 peratus sahaja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan 10 buah SJKC baharu yang telah diluluskan oleh mantan Menteri Pendidikan pada 26 Oktober 2017 dan adakah pembinaan SJKC Kuek Ho Yao dan SJKC Sim Mow Yu telah dimulakan pembinaan dengan kebenaran EPRD dan dimanakah lokasi terbaru pembinaan SJKC Tan Kah Kee.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited untuk menyediakan peluang pendidikan yang boleh diakses oleh murid daripada semua latar belakang. Ini termasuklah pembinaan 9 buah SJKC baharu yang pernah diluluskan oleh mantan Menteri Pendidikan pada 26 Oktober 2017. Sehingga kini, 9 buah SJKC baharu tersebut dimasukkan bawah inisiatif baharu KPM iaitu Inisiatif Derma Dan Bina.

Inisiatif ini merupakan suatu usaha yang membuka ruang kepada agensi-agensi, Yayasan, Badan Bukan Kerajaan dan syarikat korporat serta syarikat pemaju untuk melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan menyumbang kepada pendidikan Malaysia khususnya kepada pembangunan fizikal institusi pendidikan KPM.

SOALAN NO : 41

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SJKC Cheah Fah, Sunway Iskandar, Johor telah mula beroperasi mulai April 2022.

Tapak pembinaan SJKC Sunsuria di Bandar Sunsuria, Selangor telah dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 25 Mei 2024 dan SJKC Sunsuria merupakan projek pertama yang diluluskan oleh YB Menteri Pendidikan bawah Inisiatif Derma dan Bina.

Bagi SJKC Kuek Ho Yao di Johor, pihak KPM telah mengemukakan ulasan teknikal kepada Jawatankuasa Pembinaan Sementara (JPS) SJKC Kuek Ho Yao untuk tujuan pengemaskinian pelan bangunan oleh pihak perunding arkitek sekolah tersebut supaya pelan pembinaan adalah selaras dengan garis panduan yang sedang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, KPM masih menunggu pelan pembinaan baharu daripada pihak JPS SJKC Kuek Ho Yao untuk penelitian dan tindakan selanjutnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan SJKC Too Joon Hing, Bandar Kinrara, Puchong, Selangor masih dalam prosiding mahkamah.

Sehingga kini, permohonan pembinaan bagi SJKC Tun Lim Chong Eu di Puncak Alam, Selangor, SJKC Tun Ong Yoke Lin di Gamuda Cove, Selangor, SJKC Lee Loy Seng di Ijok, Selangor dan SJKC Tan Kah Kee di Johor, SJKC Sim Mow Yu di Johor, SJKC Tun H.S Lee di Johor masih dalam penelitian Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [
KEPALA BATAS]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan :**

- (a) proses dan langkah pemantauan pintu air di bawah agensi-agensi Kementerian; dan
- (b) senarai pintu air di bawah selenggaraan Kementerian di Parlimen Kepala Batas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri sentiasa melaksanakan operasi pemantauan pintu air sebagai langkah berterusan mengelakkan banjir kilat. Operasi pintu air adalah berdasarkan sistem automatik dan separa automatik, mengikut kesesuaian lokasi pintu air. Secara amnya, ketika air laut pasang dan lebih tinggi daripada aras air sungai, pintu air secara automatik akan ditutup bagi menghalang kemasukan air laut dan begitu juga jika sebaliknya. JPS Negeri turut melaksanakan kerja penyelenggaraan secara berkala untuk memastikan operasi pintu air berada dalam keadaan optimum dan mencapai fungsinya khasnya semasa musim monsun dan fenomena air pasang besar.
2. Di kawasan Parlimen Kepala Batas, terdapat 3 pintu air bagi kawalan air pasang surut atau *Tidal Control Gate* (TCG) dibina, dioperasi dan diselenggarakan oleh JPS yang terletak di Sungai Lahar Endin, Sungai Tembus dan Sungai Abdul. Ketiga-tiga pintu air ini diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri. Manakala pintu air yang lain adalah di bawah seliaan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perjawatan baharu dan pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Putatan, memandangkan Putatan telah lama menjadi daerah penuh serta populasi semasa mencukupi untuk diwujudkan satu Balai Polis Daerah.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) amat berterima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Putatan yang membangkitkan isu perjawatan dan prasarana Polis Diraja Malaysia (PDRM) di kawasan Putatan.

Perjawatan

Sebagai makluman YB Putatan pada masa kini, penugasan anggota polis bagi daerah Putatan adalah di bawah seliaan Ibu pejabat Polis Daerah Penampang dengan jumlah perjawatan keseluruhan sebanyak 108 jawatan.

Kementerian melalui PDRM sedang melaksanakan kajian pengoptimuman perjawatan secara menyeluruh bagi setiap elemen dan formasi pasukan PDRM di seluruh Malaysia. Menerusi kajian yang dijalankan, model dan keperluan perjawatan bagi semua peringkat akan dikenal pasti bagi tujuan

mengoptimumkan sumber manusia.

Sementara kajian menyeluruh ini dilaksanakan, pelaksanaan penugasan keselamatan dan ketenteraman awam di daerah Putatan akan terus dilaksanakan oleh pegawai dan anggota dari Balai Polis Putatan sedia ada yang mempunyai 46 perjawatan pelbagai pangkat.

Pembinaan IPD Putatan

Untuk makluman YB Putatan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengguna pakai Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015, Jawatankuasa Standard Dan Kos, Unit Perancang Ekonomi (Jadual A4.1 (1): Jenis Bangunan Utama PDRM) sebagai dokumen rujukan pembangunan fasiliti PDRM di seluruh negara. Garis panduan ini juga merupakan dokumen rujukan yang digunakan semasa fasa perancangan oleh pihak Kementerian bersama-sama agensi teknikal/pelaksana.

Untuk pembinaan baharu sebuah IPD, antara perkara yang ditetapkan dalam Garis Panduan berkenaan adalah keperluan dari segi keluasan tanah antara 10 hingga 15 ekar. Selain aspek penyediaan tapak tanah bagi pembangunan fasiliti PDRM, aspek-aspek lain juga perlu dipertimbang sebelum cadangan ini dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi untuk diberikan pertimbangan. PDRM juga mengguna pakai Pelan Strategik 5 tahun bagi menentukan keperluan pembangunan menaik taraf infrastruktur IPK dan IPD. Oleh dengan itu, cadangan ini perlu diperhalusi dan diberi penelitian terlebih dahulu oleh pihak Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi memberi penekanan dalam menerapkan teknologi AI dalam sistem TVET pendidikan Malaysia. Ia juga salah satu inisiatif yang baik bagi menaiktaraf sistem pembelajaran mahupun edukasi kepada para pelajar TVET agar ia dapat melahirkan generasi yang berinovasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited melahirkan murid yang fasih digital serta berdaya saing dalam mendepani perkembangan teknologi digital di peringkat nasional dan antarabangsa. KPM telah melancarkan Dasar Pendidikan Digital agar murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran terkini selaras dengan kerancakan revolusi perindustrian serta perubahan pasaran kerja yang menuju ke arah penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) melalui data analitik, robotik, automasi, dan realiti terimbuh (*Augmented Reality*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyokong Dasar Pendidikan Digital menghasilkan murid yang berbakat serta guru berkemahiran digital, KPM telah mengambil inisiatif proaktif dan berstrategik dengan memberi penekanan kepada teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam usaha melahirkan generasi yang berinovasi serta menambah baik pendidikan TVET. Antaranya adalah seperti:

- i. memberi nilai tambah teknologi terkini dalam kandungan kurikulum bagi program diploma yang ditawarkan di kolej vokasional (KV) selaras dengan perkembangan industri 4.0 melalui perubahan kurikulum baharu dengan kerjasama pakar penasihat industri. Elemen *Internet of Things* (IoT) dan AI juga diterapkan dalam kurikulum KV. Sebagai contoh, *smart farming* dan IoT dalam bidang pertanian yang diintegrasikan melalui latihan amali di 6 buah KV yang menawarkan program pertanian.
- ii. mewujudkan kolaborasi dengan industri berimpak tinggi bagi menyediakan ruang dan peluang kepada murid memiliki keupayaan dan tahap kemahiran tinggi serta memenuhi permintaan industri bagi tenaga kerja tempatan. Melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Industri TVET (JHiTVET), KPM menjalankan pelbagai kerjasama dengan pihak industri dalam penerapan elemen Teknologi AI secara menyeluruh merentasi semua program di KV.

SOALAN NO : 44

- iii. meningkatkan latihan kemahiran guru sedia ada melalui latihan berterusan seperti Teknologi Kenderaan Elektrik (EV) di negara Jerman, dan Teknologi AI di negara China.
- iv. melaksanakan program peningkatan kemahiran mengaplikasikan Teknologi AI dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi guru dengan kerjasama Pusat Kajian Teknologi Kecerdasan Buatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- v. melaksanakan program *AI ChatGPT Effectively* bagi murid sekolah menengah teknik (SMT) bagi mengaplikasikan penggunaan Teknologi AI dalam pembelajaran dengan kerjasama Talent Corporation Malaysia Berhad.
- vi. melaksanakan pertandingan kemahiran dan inovasi di peringkat kolej vokasional bagi meningkatkan kualiti kemahiran murid.
- vii. menggalakkan murid TVET KPM menyertai pertandingan kemahiran dan inovasi pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

KPM yakin usaha yang telah dilaksanakan dapat mendedahkan murid TVET KPM kepada teknologi terkini serta berpeluang untuk mendapatkan pendidikan TVET yang berkualiti seterusnya menyumbang kepada tenaga kerja mahir negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kehilangan daripada kegiatan jenayah *scam* atas talian dan telefon setiap tahun sejak 2018, adakah langkah yang diambil berkesan membendungnya dan sejauh manakah institusi kewangan dan pengusaha telekomunikasi boleh berkongsikan tanggungjawab dan kerugian dengan mangsa *scam*.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sangat memandang serius isu-isu berkaitan penipuan atas talian ini. PDRM sentiasa memberi perhatian serius terhadap kes-kes jenayah dalam talian yang berlaku kerana ia melibatkan jumlah kerugian yang besar dan turut memberi impak kepada ekonomi negara. Untuk makluman Yang Berhormat, penipuan jenayah dalam talian ini dikategorikan kepada enam (6) jenis jenayah iaitu:

1. Jenayah telekomunikasi;
2. Jenayah e- kewangan;
3. Jenayah *love scam*;
4. Jenayah e-dagang;
5. Jenayah tipu pelaburan tidak wujud; dan
6. Jenayah pinjaman tidak wujud.

Sepanjang tempoh 2018 hingga 2023, berdasarkan analisis Kementerian ini, terdapat peningkatan yang mendadak bagi keseluruhan kategori jenayah dalam talian tersebut iaitu daripada 15,415 kes pada tahun 2018 kepada 34,495 kes bagi tahun 2023. Berdasarkan trend jenayah tersebut, jenayah **E-Dagang menunjukkan peningkatan sebanyak 8,155 kes** dari tahun 2018 sebanyak 3,318 kes hingga tahun 2023 sebanyak 11,473 kes.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kerugian jenayah dalam talian secara tidak langsung menunjukkan **peningkatan sebanyak 97.6%** dari tahun 2018 hingga tahun 2023

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDRM dalam mengekang sindiket penipuan seperti ini termasuklah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian, tangkapan dan seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan melalui kerjasama bersepadu dengan pelbagai agensi. Bagi tahun 2024 (sehingga Mei) sebanyak 7,960 tangkapan telah dibuat membabitkan 5,933 pertuduhan. PDRM juga telah mengadakan program pencegahan

SOALAN NO: 45

jenayah secara berterusan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat bagi mengelakkan semakin ramai menjadi mangsa *Scammer*. Antara program pencegahan jenayah yang dilaksanakan adalah pameran, ceramah/syarahan, media/ wawancara.

Selain itu, bagi meningkatkan keupayaan PDRM bagi mengatasi ancaman siber, unit-unit khas diwujudkan bagi menyiasat kes-kes jenayah siber. Antaranya di Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) di mana terdapat pelbagai unit dengan pelbagai kepakaran ditubuhkan seperti:

1. Unit Siasatan Forensik Digital yang berfungsi sebagai unit menganalisa peranti-peranti digital yang terlibat dengan kes jenayah siber;
2. Unit *Police Cyber Investigation Response Centre (PCIRC)* yang berperanan untuk membuat pemantauan media sosial bagi kes-kes 3R (*Religion, Race, Royalty*) dan isu *scammer* di Malaysia;
3. Unit *National Scam Response Center (NSRC)* yang bertanggungjawab dalam menguruskan siasatan bagi kes-kes penipuan atas talian yang dilaporkan di NSRC; dan
4. Unit Taktikal Siber yang berfungsi untuk menjelaki dan mengesan penjenayah siber.

Salah satu pendekatan yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani jenayah penipuan atau *scam* yang semakin membimbangkan adalah dengan menubuhkan Pusat Respon Scam Kebangsaan (*National Scam Response Centre – NSRC*) yang telah beroperasi semenjak 12 Oktober 2022 yang menggabungkan kerjasama antara Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (*National Anti-Financial Crime Centre, NFCC*), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta institusi kewangan dan industri telekomunikasi. NSRC menghimpunkan sumber dan kepakaran daripada kesemua pihak bagi membanteras penipuan kewangan dengan lebih cepat dan berkesan. NSRC berfungsi menyelaraskan tindak balas oleh agensi penguatkuasaan undang-undang, institusi kewangan dan syarikat perkhidmatan telekomunikasi bagi mencegah mangsa daripada menghadapi kerugian kewangan. Selanjutnya, berusaha mengesan dana yang telah dicuri, menjalankan

SOALAN NO: 45

siasatan terhadap jenayah penipuan tersebut dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap penjenayah serta membuat pemulangan wang yang telah disekat (*earmarked*) kepada mangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa peruntukan baharu dalam Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah, bersama-sama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri juga di peringkat akhir libat urus seperti berikut:

1. **[Cadangan seksyen baharu] Seksyen 424A Kanun Keseksaan**, bagi kesalahan memiliki barang berharga seperti kad ATM, kad debit atau kad kredit milik orang lain bagi membolehkan pemilik akaun keldai didakwa dan seterusnya memberi pengajaran kepada masyarakat tentang risiko menjadi keldai akaun;
2. **[Cadangan seksyen baharu] Seksyen 116D Kanun Tatacara Jenayah** – memberi kuasa kepada pegawai penyiasat untuk membeku akaun; dan
3. **[Cadangan seksyen baharu] Seksyen 116E Kanun Tatacara Jenayah** – memberi kuasa kepada pendakwa raya mengeluarkan arahan penyitaan harta alih (wang) yang ada di dalam institusi kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA
BATU]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menjadikan Malaysia khususnya wilayah Sarawak sebagai antara pemangkin pengeluar utama tenaga hidrogen hijau di rantau ini, sekaligus membantu mengoptimumkan potensi penghasilan sumber tenaga bersih secara menyeluruh di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses penghasilan hidrogen hijau memerlukan pembekalan elektrik daripada sumber Tenaga Baru (TBB). Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) sebagai Kementerian yang bertanggungjawab terhadap pembekalan elektrik negara akan menyokong aktiviti penghasilan hidrogen hijau di Semenanjung Malaysia dengan menyediakan sistem grid yang mempunyai peratus campuran TBB yang lebih tinggi.
2. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan program langganan bekalan elektrik hijau seperti *Green Electricity Tariff* (GET) serta memuktamadkan Akses Pihak Ketiga bagi Bekalan Elektrik Hijau, untuk membolehkan lebih banyak penghasilan hidrogen hijau di Semenanjung Malaysia. Pada masa yang sama, Kerajaan juga dengan kerjasama beberapa loji jana kuasa arang batu sedang melaksanakan kajian mengenai potensi dan kesesuaian untuk menggunakan ammonia dan hidrogen sebagai campuran bahan bakar bagi menurunkan intensiti karbon.
3. Mengenai usaha menjadikan Sarawak sebagai antara pemangkin pengeluar (*catalyst producer*) utama tenaga hidrogen hijau di rantau ini, Kerajaan Negeri Sarawak sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap pembangunan serta perancangan sektor tenaga di Sarawak telah menggariskan pelan pembangunan yang komprehensif bagi menerokai potensi sumber tenaga bersih ini. Antaranya, Kerajaan Negeri telah mempelopori pembangunan hub hidrogen di Tanjung Kiduring, Bintulu dan Rembus, Kota Samarahan, bagi tujuan penghasilan hidrogen serta *refueling* bagi sektor pengangkutan. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Sarawak Economic Development Corporation (SEDC) juga cuba untuk turut terlibat dalam rantaian nilai hidrogen dengan menceburi bidang pemasangan *electrolyser*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE (SANDAKAN)

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan secara terperinci langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk mencapai sasaran penggunaan sifar plastik guna sekali, atau *Zero Single-used Plastics*, terutamanya di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) tetap komited dalam menangani pencemaran sisa plastik khususnya plastik sekali guna menerusi pelaksanaan Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 dan *Malaysia Plastics Sustainability Roadmap 2021-2030* (MPSR).
2. Untuk makluman, Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 telah diperkenalkan pada 17 Oktober 2018. Pelan Hala Tuju ini merupakan rancangan jangka panjang Kerajaan dalam menangani masalah pencemaran plastik di Malaysia secara holistik. Kerajaan telah mengambil pendekatan secara berfasa dalam memperkenalkan setiap tindakan di bawah Pelan Hala Tuju ini supaya lebih berkesan dan bersasar serta membolehkan semua pihak memahami rasional bagi setiap pelan tindakan tersebut. Ini sekali gus akan mendorong pengguna untuk bertindak dan memilih alternatif yang positif serta mesra alam.
3. Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan dengan kerjasama Kerajaan Negeri ke arah mengurangkan penggunaan plastik dan mengurangkan pencemaran sisa plastik adalah dengan mengenakan caj pencemaran minima sebanyak 20 sen ke atas beg plastik konvensional di premis tetap. Ini adalah selaras dengan pendekatan *user pay principle* yang ia akan akan berfungsi sebagai deterrent bagi mengurangkan penggunaan dan pencemaran plastik sekali guna.
4. Untuk makluman, Kerajaan Negeri Sabah melalui Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah melaksanakan Kempen Pengurangan Penggunaan Beg Plastik mulai 11 September 2023. Kempen ini adalah selaras dengan langkah Kerajaan Negeri Sabah untuk menguatkuasakan Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2022 dan menyokong Hala Tuju Sabah Maju Jaya di bawah elemen Jaringan Infrastruktur dan Kelestarian Hijau.

5. Kempen oleh DBKK ini telah menampilkan konsep yang berbeza berbanding pengenaan caj 20 sen kepada pengguna yang ingin mendapatkan plastik beg. Konsep kempen pengurangan beg plastik kali ini meminta semua pengusaha yang terlibat diminta untuk tidak lagi membekalkan beg plastik sekali guna kepada pengguna semasa hari kempen iaitu Sabtu, Ahad dan Isnin. Kempen ini merupakan kempen yang berterusan dan akan dilaksanakan secara berfasa.
6. Selain itu, satu lagi langkah dalam menambah baik pengurusan plastik ialah dengan menerapkan konsep ekonomi kitaran (*circular economy*) dalam rantai pengurusan plastik. Langkah ini diyakini akan dapat memastikan plastik yang terhasil adalah plastik boleh dikitar semula. Kerajaan juga berhasrat supaya pembuatan plastik akan ditambah baik secara lestari di peringkat reka bentuk atau *design* agar ia lebih berfokus kepada reka bentuk yang lestari (*sustainable design*).
7. Kementerian sedar bahawa usaha menangani pencemaran plastik melalui 2 pelan hala tuju dan dasar semasa masih belum memadai. Oleh itu, Kementerian kini sedang melihat keperluan untuk mewujudkan satu perundangan khusus berkaitan plastik di Malaysia. Langkah ini diharapkan dapat mempercepatkan peralihan pengurusan plastik daripada ekonomi linear kepada ekonomi kitaran. Kementerian percaya ini akan dapat mengurangkan pencemaran sisa plastik.
8. Akhir sekali, Kementerian komited dan yakin bahawa kempen dan sesi libat urus berterusan yang melibatkan semua pihak amat penting dalam memastikan kejayaan pelestarian plastik ini. Oleh yang demikian, Kementerian akan terus dan kekal bekerjasama dengan semua pihak terutamanya pihak industri dan pertubuhan bukan kerajaan (*non government organisation - NGO*) dalam meningkat kesedaran masyarakat. Pada masa yang sama, Kerajaan akan berusaha untuk terus menambahbaik pengurusan plastik secara lestari.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH
[LANGKAWI]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menambah bilangan guru yang sangat kurang jika dibandingkan dengan bilangan sekolah dan pelajar di kedua-dua sekolah di Pulau Langkawi merujuk kepada data rekod PPD Langkawi di bawah :

- (a) kekurangan Guru di sekolah rendah adalah 31 orang; dan
- (b) kekurangan Guru di sekolah menengah adalah 33 orang

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap penempatan guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, mulai Januari sehingga 31 Mei 2024, seramai 7,616 orang guru telah ditempatkan di sekolah KPM dengan pecahan 3,361 di sekolah menengah dan 4,255 di sekolah rendah.

Daripada jumlah itu, seramai 284 orang guru telah ditempatkan ke negeri Kedah dengan pecahan 198 orang guru sekolah menengah dan 86 orang guru sekolah rendah. Berdasarkan data 31 Mei 2024, jumlah pengisian guru di sekolah menengah bagi Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Langkawi adalah seramai 696 orang dengan kadar pengisian 102.4 peratus manakala di sekolah rendah pula adalah seramai 846 orang dengan kadar 97.9 peratus.

KPM komited dalam melaksanakan penempatan guru yang seimbang mengikut keperluan opsyen dan perjawatan guru bagi memastikan sekolah mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi agar proses pengajaran dan pembelajaran murid dapat dilaksanakan dengan optimum agar selaras dengan dasar pendidikan MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [
TANJONG MANIS]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk mengawal hakisan pantai dan kerosakan akibat tindakan ombak yang terjadi setiap tahun yang merosakkan rumah, tanah dan infrastruktur yang berdekatan pantai. Saban tahun, semakin banyak dan luas kawasan yang rosak akibat tindakan ombak laut ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia sedia maklum berkaitan masalah hakisan pantai dan kerosakan akibat tindakan ombak. Sebagai penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah ini, projek mengatasi banjir pantai di Negeri Sarawak telah diluluskan dengan jumlah RM316 juta. Pantai di kawasan Parlimen Tanjong Manis adalah sebahagian skop projek.
2. Objektif projek adalah mengurangkan risiko berlakunya limpahan banjir pantai ke kawasan penduduk, melindungi harta benda dan kawasan pertanian. Skop utama projek adalah pembinaan struktur perlindungan banjir pantai dan kawalan hakisan serta kerja-kerja yang berkaitan.
3. Sebagai makluman, projek ini sedang di dalam peringkat perolehan. Berdasarkan perancangan, kerja fizikal akan bermula pada akhir tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kesemua jenis dadah yang dirampas oleh PDRM daripada serbuan dan operasi bagi tahun 2023 sehingga sekarang serta berapa nilai kepada kesemua rampasan tersebut."

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Menerusi operasi dan penguatkuasaan berterusan yang dijalankan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), nilai rampasan dadah **bagi tahun 2023** adalah sebanyak **RM490,379,768.61** manakala bagi tahun **2024 sehingga Mei** adalah sebanyak **RM114,660,996.65**. Jumlah keseluruhan nilai rampasan dadah **dari tahun 2023 hingga Mei 2024** adalah sebanyak **RM605,040,765.25**. Nilai rampasan ini bukan sahaja melibatkan dadah-dadah yang telah siap diproses tetapi turut melibatkan rampasan bahan-bahan lain yang bertujuan digunakan untuk memproses dadah seperti kafein dan kodein.

Daripada keseluruhan jenis dadah yang dirampas seperti mana yang tersenarai di bawah Jadual Pertama Bahagian III, Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234), rampasan terbesar melalui operasi yang dilaksanakan oleh JSJN adalah melibatkan dadah jenis **Syabu Kristal** iaitu sebanyak **11,234.42 kilogram** dengan nilai rampasan sebanyak **RM385,018,923.22** atau **bersamaan 64 peratus** dari keseluruhan nilai rampasan dadah. Manakala dadah jenis cecair minuman merupakan jenis dadah yang kurang digunakan di negara ini dengan jumlah rampasan sebanyak **5.44 liter** dan nilai rampasan berjumlah **RM904.50** atau mewakili **1.84 peratus** dari keseluruhan nilai rampasan dadah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah universiti swasta yang telah didaftarkan di negara ini serta berapa ramai keseluruhan pelajar luar negara dan dari negara mana yang paling ramai sekali yang mendaftarkan diri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Sistem e-IPTS, jumlah enrolmen keseluruhan pelajar antarabangsa di 56 buah Universiti Swasta yang berdaftar bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] adalah seramai 48,511 pelajar. Daripada jumlah tersebut, pelajar dari negara China adalah paling ramai mendaftar di Universiti Swasta.
2. Berdasarkan maklumat yang diterima dari Kementerian Dalam Negeri (KDN), sehingga 31 Mac 2024, sejumlah 54 buah Universiti Swasta dan 18 buah Universiti Swasta (kampus cawangan) yang aktif telah mendapat kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di universiti swasta dalam negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah pendekatan dan inisiatif baharu Kementerian bagi membantu golongan pekebun kecil sawit terutama di kawasan luar bandar yang berdepan dengan kesukaran untuk mendapatkan insentif atau pembiayaan bantuan yang disediakan oleh Kementerian seperti program penanaman semula kelapa sawit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pihak Kementerian sentiasa cakna mengenai penyampaian perkhidmatan dan maklumat berkenaan insentif dan pembiayaan bantuan kepada pekebun kecil sawit terutamanya yang berada di luar bandar. Antara pendekatan dan kaedah penyampaian maklumat yang dilaksanakan oleh pihak kementerian berkaitan maklumat berkenaan bantuan yang disediakan untuk komoditi sawit adalah seperti berikut:
 - i. **Aktiviti promosi dan penyampaian taklimat** oleh pegawai-pegawai pengembangan di lapangan kepada pekebun kecil di dalam program yang dianjurkan oleh pihak kementerian, Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) dan agensi-agensi lain yang berkaitan. **Sesi taklimat ini dibuat secara bersemuka** di balai raya, rumah panjang, pusat timbang ataupun di kebun sawit semasa aktiviti lawatan dan audit Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dilakukan;
 - ii. **Promosi secara konvensional** seperti meletakkan poster di pusat-pusat jualan sawit seperti di pusat timbang KPSM turut dilaksanakan oleh pegawai pengembangan di lapangan; dan
 - iii. Mengambil kira situasi semasa, ramai pekebun kecil sawit kini memiliki telefon pintar. Oleh itu, pendekatan mempromosikan dan menyebar luas maklumat program bantuan dan skim pembiayaan yang terkini seperti Skim Pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS 2.0) yang disediakan oleh Kerajaan dapat dihebahkan **secara dalam talian dan media sosial** seperti Facebook dan Whatsapp.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan lebih ramai guru atau tenaga pendidik khusus dalam pendidikan khas negara di peringkat sekolah rendah dan menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Urusan pengambilan guru dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM sentiasa memastikan keperluan guru mengikut opsyen mata pelajaran mencukupi bagi memastikan setiap murid dapat menjalani proses pembelajaran yang optimum.

Bagi melantik lebih ramai guru dalam bidang Pendidikan Khas, KPM telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- i. peluasan kluster mata pelajaran;
- ii. pengambilan guru juga diperluaskan kepada graduan-graduan berpotensi tinggi dari universiti swasta dan universiti luar negara;

SOALAN NO : 53

- iii. pelantikan guru secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan juga akan dilaksanakan. Guru-guru lantikan CoS ini akan dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai melalui Program Diploma Pascasiswa Pendidikan (PDPP) selama setahun di IPGM;
- iv. pengambilan calon guru bagi Program Praperkhidmatan PISMP lepasan STPM, STAM dan Program Matrikulasi dalam beberapa bidang pengkhususan untuk keperluan guru sekolah rendah bermula tahun 2024; dan
- v. penubuhan Jawatankuasa Pengambilan dan Penempatan Guru KPM yang berperanan mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam dasar, kurikulum, program dan enrolmen yang memberi implikasi kepada keperluan guru, seterusnya memastikan keseimbangan dalam pengambilan serta penempatan guru sekolah KPM.

KPM akan sentiasa memberi perhatian terhadap pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siri kejadian yang berlaku sejak bulan Mei terutamanya serangan di balai polis Ulu Tiram, cubaan menceroboh Istana Negara, ugutan mati terhadap Ahli Parlimen Seputeh dan ancaman bom palsu kepada MOTAC adalah tindakan rambang atau rancangan terkoordinasi. Apakah tindakan Kerajaan terhadap golongan yang memainkan isu perkauman atau agama sempit dan melampau.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Keempat-empat siri kejadian yang berlaku sejak bulan Mei terutamanya serangan di balai polis Ulu Tiram, cubaan menceroboh Istana Negara, ugutan mati terhadap Ahli Parlimen Seputeh dan ancaman bom palsu kepada MOTAC adalah perkara yang dipandang serius dan berat oleh pihak Kementerian dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kejadian dan insiden seperti ini sering dipantau oleh PDRM dari masa ke semasa bagi memastikan keselamatan Negara sentiasa terpelihara.

Untuk makluman Yang Berhormat, berkaitan tindakan Kerajaan terhadap golongan yang memainkan isu 3R termasuklah sentimen perkauman (*Race*) dan agama (*Religion*), saya telah mengarahkan pihak PDRM untuk mengambil tindakan *without fear and favour* berdasarkan lunas perundangan sedia ada. Saya juga telah memberikan kebebasan sepenuhnya kepada PDRM untuk menjalankan siasatan dengan telus dan tanpa gangguan.

Justeru, ingin saya ingatkan kepada semua pihak agar tidak mengeluarkan sebarang kenyataan yang menyentuh elemen 3R sama ada luar atau dalam talian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menangani isu pekerjaan di bawah kelayakan pendidikan terutama dalam kalangan graduan, sekaligus meningkatkan pencapaian tahap guna tenaga penuh mengambil kira peningkatan trend kadar guna tenaga tidak penuh siswazah dengan kelulusan tertiar namun bekerja dalam pekerjaan yang tidak setanding kelulusan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KPT berterusan komited dalam usaha untuk menangani isu pekerjaan di bawah kelayakan pendidikan atau “*underemployment*” di kalangan graduan dengan menjalinkan kerjasama merentasi kementerian dan agensi serta industri yang berkaitan.
2. Antara inisiatif KPT adalah dengan mempergiatkan kolaborasi bersama industri melalui platform-platform seperti Majlis Pekerjaan Negara dan Majlis TVET Negara (MTVET) yang bertujuan membincangkan isu-isu ketidaksepadanan penawaran dan permintaan tenaga buruh serta menyediakan ruang dan peluang (platform) bagi membincangkan isu-isu kebolehpasaran graduan termasuk “*underemployment*”. Kementerian juga memperkuatkannya kerjasama dengan industri melalui program seperti Industry@University, CEO@Faculty, Employability Advisory Committee, dan juga Industry Advisory Council.
3. Kementerian juga telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak industri dan agensi berkepentingan termasuklah MoU di antara pihak KPT dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), SIRIM, TEKUN, Bank Islam dan TalentCorp serta sentiasa terbuka kepada pihak-pihak lain untuk membantu graduan mendapatkan pekerjaan. Pelaksanaan MoU tersebut merupakan manifestasi komitmen pelbagai pihak untuk mejayakan program bagi mendapatkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan pendidikan dan kemahiran dimiliki.
4. Selain itu, KPT turut menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian dan agensi –agensi berkaitan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Kementerian Ekonomi (KE) bagi membantu menangani isu seperti kekurangan tenaga pekerja, jurang kemahiran pekerja, ketidaksepadanan pekerjaan dan juga *underemployment*.

SOALAN NO : 55

5. Kementerian juga mengambil inisiatif memperkenalkan modul JobMatching@GREaT melalui portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya GREaT untuk memudahkan pihak industri mengenal pasti graduan yang memenuhi kriteria serta keperluan yang dicari untuk ditawarkan peluang pekerjaan. Modul ini memadankan kriteria keperluan bakat oleh industri secara langsung dengan data graduan dalam Sistem Kajian Pengesahan Graduan (SKPG) yang dikawal selia oleh Kementerian.
6. Portal ini juga merupakan portal sehenti bagi graduan untuk mendapatkan maklumat berkenaan peluang pekerjaan, program serta tips untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka. Graduan turut boleh mengakses ke pelbagai platform pekerjaan utama yang disediakan oleh pihak Kerajaan dan juga swasta seperti PERKESO, Khazanah Nasional, TalentCorp, LinkedIn dan lain-lain.
7. KPT turut berkolaborasi bersama PERKESO melalui Portal MyFutureJobs bagi padanan pekerjaan, selain turut terlibat di dalam Program Karnival Kerjaya dan ‘Job Fair’ yang dianjurkan oleh PERKESO bagi memastikan graduan yang masih belum bekerja dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan akademik mereka. Dalam tempoh Januari 2024 hingga Mei 2024, seramai **26,140 orang** graduan telah berjaya memperoleh pekerjaan menerusi portal MyFutureJobs.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perancangan dan inisiatif Kementerian untuk mengaplikasikan penggunaan teknologi Internet Pelbagai Benda (IoT) bagi membantu pekebun kecil lada meningkatkan hasil dan produktiviti mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian melalui Dasar Agrikomoditi Negara 2030 (DAKN2030) telah merancang untuk meningkatkan hasil lada negara melalui Teras Dasar Produktiviti yang merupakan salah satu teras selain Teras Dasar Kemampanan, Penjanaan Nilai, Pembangunan Pasaran dan Keterangkuman. Pelbagai perancangan dan usaha telah disusun untuk mencapai matlamat produktiviti lada negara iaitu sebanyak 6.6 tan sehektar menjelang tahun 2030 berbanding sekitar 6.4 tan sehektar pada masa ini.

2. Usaha yang sedang dilaksanakan oleh Lembaga Lada Malaysia (MPB) menerusi aktiviti penyelidikan berkaitan penggunaan aplikasi Internet Benda (IoT) untuk mengenal pasti unsur-unsur yang mempengaruhi pertumbuhan pokok lada. Selain itu, MPB turut

menerokai potensi penggunaan dron dalam pengurusan kebun yang berkeupayaan memodenkan kaedah penanaman lada.

3. MPB juga membangunkan aplikasi LadaGo yang berteraskan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) bertujuan membantu para pekebun lada memantau dan mengenal pasti penyakit pokok lada yang membolehkan mereka menguruskan tanaman lada dengan lebih cekap dan efektif.
4. Pada masa yang sama, MPB sedang bekerjasama dengan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dalam meningkatkan penggunaan teknologi dengan menggunakan (dengan izin) *remote sensing* dan teknologi-teknologi lain yang berkaitan. Melalui kerjasama ini, satu peta kawasan penanaman lada di Malaysia bakal dibangunkan dengan data-data seperti jenis dan kecerunan tanah yang sesuai untuk tanaman lada, taburan hujan tahunan dan kawasan berisiko banjir.
5. Sistem ini mampu dijadikan panduan bagi menyokong Program Pembangunan Tanaman Lada dalam jangka masa panjang terutamanya melibatkan pembukaan kawasan tanaman lada baharu berskala besar di samping berupaya membantu para pekebun lada meningkatkan hasil dan produktiviti mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mekanisme yang digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan jenama (*brand awareness*) dan pengecaman jenama (*brand recognition*) produk-produk koko tempatan pada peringkat nasional dan antarabangsa bagi mengenal pasti tahap keberhasilan program promosi penyertaan eksport antarabangsa oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Mekanisma yang digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan jenama (*brand awareness*) dan pengecaman jenama (*brand recognition*) produk-produk koko tempatan pada peringkat nasional dan antarabangsa adalah seperti:
 - i. Pengiktirafan coklat premium jenama keluaran tempatan melalui anugerah berprestij dunia seperti *International Chocolate Award* dan *Academy of Chocolate Award* yang menggunakan biji koko tempatan yang berkualiti dan diiktiraf dalam pertandingan terkemuka dunia seperti *Cocoa of Excellence* (CoEx);
 - ii. Kolaborasi bersama jenama terkemuka merupakan platform *brand awareness* yang baik kerana dapat memberi peluang kepada pekebun-pekebun koko Malaysia untuk meningkatkan pendapatan di samping mempamerkan keunikan biji koko tempatan dengan pengurusan tanaman mampan. Terkini, produk baru KitKat Dark Borneo telah dihasilkan secara eksklusif dengan menggunakan 100% biji koko premium daripada Sabah dan Sarawak. Produk ini merupakan hasil perkongsian strategik di antara syarikat Nestle Malaysia dan LKM serta penggunaan biji koko tempatan ke arah meningkatkan pengeluaran produk coklat premium tunggal asli (*single origin*) dari Malaysia;
 - iii. Bagi *brand recognition*, Malaysia mengeluarkan beberapa produk coklat dan *confectionery* yang terkemuka di dalam dan luar negara seperti Milo, Kitkat, Cadbury, Crispy, Kandos serta Beryl's; dan
 - iv. Pesanan eksport koko yang diukur berdasarkan Nilai Jualan Semasa (*committed sales/actual sales*) dan Nilai Jualan Berpotensi (*potential sales*) bagi produk-produk koko keluaran tempatan. Selain itu, kontrak jualan (*business contract*) diperoleh melalui program padanan perniagaan yang disertai

dalam ekspo pameran perdagangan antarabangsa dari penyertaan LKM dalam:

- *International Confectionery Fair (ISM) Middle East 2023* pada 7 hingga 9 November 2023 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu;
 - *Malaysia Showcase@Halal Expo London 2023* pada 1 hingga 3 Disember 2023 di London, United Kingdom;
 - *Malaysian International Halal Showcase (MIHAS)* pada 12 hingga 15 September 2023 di Kuala Lumpur; dan
 - *Selangor International Expo (SIE) 2023* pada 19 hingga 22 Oktober 2023 di Kuala Lumpur.
2. Dalam tempoh lima (5) tahun, permintaan produk-produk koko tempatan mencatatkan peningkatan dan usaha promosi digiatkan melalui sokongan dalam Program Pengukuhan Pasaran Eksport di bawah Projek Pembangunan Usahawan Coklat dan Program Promosi Koko. Impak keberhasilan penyertaan di dalam program tersebut dapat diukur melalui peningkatan di mana nilai eksport produk koko pada tahun 2019 berjumlah RM6.5 bilion, tahun 2020 berjumlah RM6.3 bilion, tahun 2021 berjumlah RM6.8 bilion, tahun 2022 berjumlah RM7.8 bilion dan pada tahun 2023 berjumlah RM8.2 bilion.
3. Peratusan nilai eksport produk-produk koko tempatan dalam tempoh lima (5) tahun bermula dari 2019 hingga 2023 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 24.38%. Impak keberhasilan juga diukur dari syer pasaran produk koko tempatan di pasaran antarabangsa di mana pada tahun 2019 adalah sebanyak 16.1%, tahun 2020 sebanyak 15.2%, tahun 2021 sebanyak 15.8%, tahun 2022 sebanyak 19.6% dan pada tahun 2023 sebanyak 20%.
4. Syer pasaran produk koko tempatan di pasaran antarabangsa dalam tempoh lima (5) tahun bermula dari 2019 hingga 2023 juga telah meningkat sebanyak 24.22%.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik berkenaan dengan migran yang kini berada di dalam tahanan. Mohon untuk membahagikan jumlah tersebut berdasarkan kepada pelarian, pencari suaka, mangsa pemerdagangan dan migran tidak berdaftar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penahanan di depot imigresen adalah berdasarkan kepada tatacara dan prinsip kedaulatan undang-undang negara khususnya Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Pasport 1966. Justeru, semua tahanan dalam depot imigresen adalah dikategorikan sebagai imigran larangan yang akan dipindahkan keluar dari Malaysia.

Terdapat 23 buah depot imigresen di seluruh negara termasuk Depot Imigresen Sementara dengan kapasiti keseluruhan 20,750 tahanan. Sehingga pada 20 Jun 2024, JIM merekodkan seramai 14,934 tahanan di depot imigresen.

Daripada jumlah keseluruhan tahanan tersebut, pecahan mengikut lima buah negara yang merekodkan jumlah tertinggi di depot imigresen adalah seperti berikut:

- (i) Filipina seramai 4,325 (28.96%);
- (ii) Indonesia seramai 3,245 (21.72%);
- (iii) Myanmar seramai 2,190 (14.66%);
- (iv) Etnik Rohingya seramai 2,688 (18.00%);
- (v) Bangladesh seramai 847 (5.67%);
- (vi) Thailand seramai 428 (2.86%);
- (vii) India seramai 305 (2.04%); dan
- (viii) baki seramai 906 (6.06%) daripada lain-lain negara seperti China, Vietnam, Pakistan, Nepal dan Kemboja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah inisiatif penambahbaikan yang telah diambil terhadap program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) susulan pelaksanaan kadar baharu RMT serta bilangan penerima manfaat mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) adalah inisiatif pemberian makanan tambahan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada murid sekolah rendah yang layak mengikut garis panduan yang ditetapkan. Penerima RMT akan menerima satu hidangan makanan bermasak dan sekotak susu untuk setiap hari persekolahan.

Pelaksanaan RMT ini telah ditambah baik mulai tahun 2022 dengan pemberian susu pada setiap hari persekolahan berbanding dua kali seminggu sebelum ini. Melalui pelaksanaan ini, murid dibekalkan dengan keperluan nutrien lengkap yang diperlukan bagi membantu pertumbuhan sihat sebagaimana dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mulai November 2022, KPM juga telah menaikkan kadar RMT daripada RM2.50 kepada RM3.50 bagi sekolah di Semenanjung Malaysia dan daripada RM3.00 kepada RM4.00 bagi sekolah di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Inisiatif ini bertujuan membantu pengusaha RMT dalam usaha menyediakan makanan berdasarkan menu yang menepati kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan penerima manfaat RMT di negeri Perlis ialah 8,253 orang murid, 65,494 orang murid di negeri Kedah, 17,562 orang murid di negeri Pulau Pinang, 55,189 orang murid negeri Perak, 66,432 orang murid di negeri Selangor, 8,396 orang murid di negeri WP Kuala Lumpur, 695 orang murid di negeri WP Putrajaya, 19,116 orang murid di Negeri Sembilan, 16,005 orang murid di negeri Melaka, 58,137 orang murid di negeri Johor, 50,408 orang murid di negeri Pahang, 52,709 orang murid di negeri Terengganu, 87,990 orang murid di negeri Kelantan, 83,852 orang murid di negeri Sarawak, 160,127 orang murid di negeri Sabah dan 2,689 orang murid di negeri WP Labuan.

Keseluruhannya penerima manfaat RMT adalah seramai 753,054 orang murid yang melibatkan 7,397 sekolah di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]
minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan untuk menaik taraf Sekolah K9 sedia ada kepada K11 bagi membolehkan pelajar yang tamat Tingkatan Tiga mempunyai peluang untuk menyambung pengajian sehingga ke Tingkatan Lima di sekolah yang sama kerana untuk meneruskan pengajian ke peringkat universiti pelajar perlu mempunyai sijil SPM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab menyediakan akses pendidikan kepada semua murid termasuk di kawasan pedalaman yang kekurangan infrastruktur dan kemudahan pendidikan serta sosio ekonomi keluarga yang rendah.

Program Sekolah Komprehensif Khas 9 (K9) merupakan strategi KPM dalam usaha menyediakan akses pendidikan kepada murid yang tinggal jauh di luar bandar, pedalaman, dan pulau. Sekolah K9 juga menjadi strategi KPM untuk mengurangkan kadar keciciran transisi murid dari Tahun 6 ke Tingkatan 1. Program Sekolah K9 menyediakan peluang pendidikan pada peringkat rendah dan menengah rendah di sebuah sekolah yang sama bagi tempoh sembilan tahun, iaitu daripada Tahun 1 sehingga Tingkatan 3. Sehingga Jun 2024, terdapat 28 buah sekolah yang melaksanakan Program Sekolah K9.

Kementerian juga telah memperkenalkan Program Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11) sebagai salah satu inisiatif dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Pelaksanaan Program Sekolah K11 merupakan strategi untuk memastikan kesaksamaan *outcome* pembelajaran dapat dicapai. Program Sekolah K11 menyediakan peluang pendidikan pada peringkat rendah dan menengah di sebuah sekolah yang sama bagi tempoh 11 tahun, iaitu daripada Tahun 1 hingga Tingkatan 5.

Sebagai permulaan, dua buah sekolah dipilih untuk beroperasi secara rintis bermula pada 20 Mac 2023 sehingga 30 September 2023. Sekolah tersebut adalah Sekolah Menengah Kebangsaan RPS Betau, Kuala Lipis, Pahang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Long Bedian, Baram, Sarawak. Pelaksanaan rintis ini dijalankan bagi mengenal pasti sebarang isu atau masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan Program Sekolah K11 terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah membuat pemetaan untuk Peluasan Pengoperasian Program Sekolah Model Khas

SOALAN NO : 60

Komprehensif 11. Dua kaedah pemetaan yang digunakan dalam peluasan Sekolah K11, pertama perubahan perubahan Sekolah Kebangsaan ke Sekolah K11 dan kedua, Sekolah K9 kepada Sekolah K11.

Perancangan pemetaan Sekolah K11 juga melihat dari sudut faktor kapasiti sekolah sedia ada, lokasi sekolah, jarak sekolah-sekolah sekitar, ketersediaan infrasruktur dan keperluan sumber manusia. Strategi pelaksanaan pemetaan bagi peluasan Sekolah K11 ini akan dijajarkan mengikut permohonan peruntukan penyediaan infrastruktur yang dikemukakan secara berfasa dalam Rolling Plan (RP) Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT).

KPM yakin Program Sekolah K11 dapat memastikan murid di kawasan yang dikenal pasti dapat menamatkan persekolahan sehingga Tingkatan 5 dan meneruskan pengajian ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa tiada sebarang peruntukan dana diberikan kepada pihak sekolah-sekolah yang dipertanggungjawabkan atau diamanahkan menjadi tuan rumah bagi acara sukan sekolah atau aktiviti peringkat daerah. Amalan sekarang para guru terpaksa mencari sendiri dana di merata tempat bagi menampung kos perbelanjaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan dan peluang pendidikan yang terbaik kepada semua murid seluruh Malaysia. Sehubungan dengan itu, bantuan sukan diwujudkan bagi membiayai aktiviti sukan dan permainan murid Tahun 1 hingga Tingkatan 6 yang bersekolah di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan di bawah KPM seperti berikut:

i) **Bantuan Sukan Sekolah (BSS)**

Bantuan Sukan Sekolah (BSS), dengan kadar RM4.00 bagi setiap murid sekolah rendah dan RM6.00 bagi setiap murid sekolah menengah telah diwujudkan mulai tahun 2011 selaras dengan Dasar 1Murid 1Sukan yang diperkenalkan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Peruntukan BSS disalurkan ke sekolah berdasarkan enrolmen murid tahun semasa.

ii) **Bantuan Sukan Tahunan Sekolah**

Bantuan Sukan Tahunan Sekolah diwujudkan mulai tahun 2012 dengan kadar RM6.00 bagi seorang murid dan disalurkan terus ke sekolah bagi membiayai kos pengelolaan sukan tahunan sekolah.

iii) **Yuran Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM)**

Yuran MSSM diwujudkan mulai tahun 2012 dengan kadar yuran sebanyak RM2.00 bagi setiap murid di sekolah rendah dan RM4.00 bagi setiap murid di sekolah menengah yang disalurkan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN) berdasarkan enrolmen murid tahun semasa di negeri berkenaan. Penyaluran yuran MSSM dibuat kepada JPN bagi membolehkan agihan dilaksanakan berdasarkan perancangan pelaksanaan kejohanan di peringkat daerah dan negeri serta bagi menampung kos penyertaan di peringkat kebangsaan. Penetapan kadar yuran MSSM ini adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2021.

iv) Bantuan Kokurikulum

Bantuan Kokurikulum Sekolah dan Kokurikulum Tambahan adalah peruntukan di bawah Bantuan Kokurikulum yang disediakan bagi menampung keperluan perbelanjaan kegiatan kokurikulum murid. Berikut adalah kadar bagi kedua-dua peruntukan:

a. Bantuan Kokurikulum Sekolah

Kadar peruntukan bagi murid sekolah rendah adalah RM8.00 seorang murid setahun dan sekolah menengah adalah RM10.00 seorang murid setahun.

b. Kokurikulum Tambahan

Kadar peruntukan bagi murid sekolah rendah adalah RM3.00 seorang murid setahun dan sekolah menengah adalah RM6.00 seorang murid setahun.

v) Bantuan Yuran Khas Sekolah (YKS)

Bantuan YKS adalah salah satu peruntukan di bawah bantuan PCG Bukan Mata Pelajaran. YKS boleh digunakan bagi perbelanjaan yang dibenarkan meliputi sebarang kos pengurusan dan pentadbiran serta perolehan bagi pelaksanaan program/ aktiviti berikut:

- a. Sukan/ Permainan;
- b. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan;
- c. Program Lukisan/ Kerja Tangan/ Kraftangan;
- d. Pendidikan Seni Visual dan Muzik; dan
- e. Perpustakaan/ Pusat Sumber Sekolah.

Kadar peruntukan YKS bagi sekolah rendah adalah RM 4.50 seorang murid setahun dan sekolah menengah RM 9.00 seorang murid setahun.

Di samping itu juga, pihak sekolah mempunyai pilihan dan diberi kebebasan untuk mencari sumber kewangan tambahan melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa Guru) 1998, fungsi PIBG adalah sebagai salah satu sumber sokongan bagi membantu pihak sekolah dalam meningkatkan kemudahan pendidikan dan menyokong sebarang aktiviti/program yang memberi manfaat serta menyumbang kepada perkembangan dan potensi murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah peruntukan untuk membangunkan sistem kod QR MyTrip dan MyRental dalam pemeriksaan imigresen rentas sempadan Johor-Singapura. Adakah dua sistem ini akan digabungkan selepas tamat tempoh percubaan melalui Proof of Concept (POC).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited untuk mengurangkan kesesakan Tambak Johor dengan melaksanakan inisiatif baharu termasuklah pelaksanaan pemeriksaan imigresen melalui kaedah Kod QR. Pelaksanaan Kod QR dilaksanakan secara *Proof of Concept* (POC) menggunakan aplikasi MyRental dan aplikasi MyTrip. Pelaksanaan secara POC selama tiga (3) bulan ini tidak melibatkan sebarang kos pada Kerajaan dan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat yang melaksanakan POC.

Keputusan penggunaan aplikasi yang terpilih selepas POC adalah bergantung kepada penilaian Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia berdasarkan kriteria dan prinsip berikut:

- (i) **Confidentiality** (Kerahsiaan): Keupayaan aplikasi memastikan kerahsiaan data dan penyimpanan data-data peribadi dan data

SOALAN NO: 62

pergerakan hanya disimpan ke pangkalan data Jabatan Imigresen Malaysia.

- (ii) *Integrity (Kebolehpercayaan):* Ketepatan dan kebolehpercayaan data-data yang dihantar ke pangkalan data Jabatan Imigresen Malaysia. Ciri-ciri keselamatan aplikasi juga diambil kira termasuklah keselamatan data, proses pengecaman dan pengesahan pengguna yang komprehensif dan kemudahan ciri keselamatan aplikasi berbilang faktor (MFA).
- (iii) *Availability (Ketersediaan):* Ketersediaan aplikasi dicapai pada bila-bila masa ketika diperlukan dan berfungsi dengan baik sepanjang tempoh POC. Ciri-ciri mesra pengguna dan mudah digunakan.
- (iv) *Value For Money:* Bertujuan untuk mendapatkan perkhidmatan kualiti yang maksimum yang dapat memenuhi semua keperluan dan kehendak pada harga yang paling munasabah bersesuaian dengan bajet Kementerian Dalam Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berdasarkan penemuan oleh Bank Dunia 2024 mengenai sistem pendidikan Malaysia, 58% pelajar didapati mahir membaca menjelang akhir darjah 5, berbanding negara Vietnam dan Singapura. Perincikan program yang mampu meningkatkan kemahiran literasi kanak-kanak melalui pra sekolah hingga ke tahun 6.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin dan sentiasa berusaha untuk memastikan murid mendapat pendidikan berkualiti. Kemahiran asas membaca dan menulis (literasi) merupakan elemen utama yang membentuk landasan pemahaman dan kecekapan murid. Justeru, aspek literasi sentiasa diberi keutamaan.

Pada peringkat prasekolah, kemahiran asas membaca merangkumi kemahiran prabaca, membaca suku kata, membaca frasa dan ayat, membaca bahan bacaan dan bacaan luas. Guru diberi keluwesan untuk melaksanakan kaedah yang bersesuaian dengan tahap perkembangan pembelajaran murid sebagai persediaan mereka mengikuti pembelajaran di Tahun Satu. Perkara tersebut juga telah diambil kira dalam penggubalan kurikulum prasekolah kebangsaan yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2026. Penekanan akan diberikan terhadap asas literasi bagi meningkatkan minat, kesediaan dan keupayaan membaca dalam kalangan murid prasekolah sebelum mengikuti pembelajaran di Tahun Satu.

Seterusnya, KPM memperkenalkan inisiatif Pengesanan Awal Literasi dan Numerasi untuk murid Tahun 1. Pengesanan awal ini bertujuan untuk mengenal pasti murid yang belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M). Susulan itu, Program Intervensi Tahun 1 akan dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan. Murid diberi bimbingan secara berfokus di bilik berasingan. Pentaksiran berterusan dilaksanakan dalam tempoh tersebut dan murid yang telah menguasai literasi dan numerasi boleh kembali ke kelas masing-masing.

Murid yang masih belum menguasai literasi dan numerasi akan kekal dalam program tersebut bagi tempoh tiga (3) bulan selanjutnya. Bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi pada akhir sesi persekolahan, mereka akan mengikuti **Program Pemulihan Khas** apabila berada di Tahun 2. Melalui Program Pemulihan Khas, murid akan diberi bimbingan secara berfokus bagi membantu mereka menguasai kemahiran asas 3M supaya

SOALAN NO : 63

dapat membina keyakinan diri untuk belajar dan berkomunikasi dengan berkesan.

KPM juga memperkenalkan Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN). Pelaksanaan program ini adalah sebagai sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk membantu memantapkan kemahiran asas 3M. Antara aspek yang diberi penekanan dalam program ini ialah pemugaran literasi dan numerasi.

Selain itu, KPM turut mengambil inisiatif dengan melaksanakan Program Bantu Baca. Murid sekolah yang dikenal pasti belum menguasai kemahiran membaca bagi mata pelajaran Bahasa Melayu diberi bimbingan secara berfokus dengan kerjasama daripada sukarelawan Institut Pendidikan Guru dan juga komuniti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah memberi autonomi kepada pihak sekolah melaksanakan pelbagai intervensi mengikut kesesuaian persekitaran murid. KPM turut membekalkan bahan bantu belajar untuk murid dan modul bimbingan kepada guru khususnya dalam melaksanakan PdP terbeza.

KPM yakin dengan pelbagai program, intervensi, dan langkah strategik yang dilaksanakan dapat membantu murid menguasai kemahiran asas 3M, terutamanya di peringkat sekolah rendah, seterusnya meningkatkan pencapaian akademik dan menyediakan asas yang kukuh untuk pembelajaran sepanjang hayat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA
[POKOK SENA]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Kurikulum Persekolahan 2027 mengambil perhatian yang serius terhadap permasalahan semasa di sekolah ketika ini seperti beg berat, kandungan silibus yang tidak berpadanan dengan usia serta bebanan pengkeranian guru yang tidak munasabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan sistem pendidikan, termasuk kurikulum yang disediakan kepada murid adalah relevan dan berkualiti dengan berpaksikan penyataan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara.

Kurikulum bersifat dinamik selaras dengan keperluan semasa. Kurikulum Persekolahan 2027 sedang digubal dengan mengambil kira pandangan pihak berkepentingan termasuk masyarakat awam bagi meningkatkan kualiti sistem pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara usaha bagi mengatasi isu beg berat, KPM telah membangunkan bahan sokongan berbentuk digital bagi menggantikan buku teks. Bahan sokongan berbentuk digital juga lebih ringan, mudah disimpan, mudah dikemas kini dan mempunyai capaian yang luas dan pelbagai serta interaktif. Penggunaan bahan sokongan berbentuk digital ini bersifat dinamik dan menjadikan murid lebih berminat mengikuti pembelajaran serta meneroka bahan-bahan yang disediakan.

Kurikulum Persekolahan 2027 melaksanakan tahap persekolahan baharu di sekolah rendah. Tahap I akan melibatkan kumpulan murid Tahun 1 dan Tahun 2. Tahap II pula melibatkan kumpulan murid Tahun 3 dan Tahun 4 serta Tahap III akan melibatkan kumpulan murid Tahun 5 dan Tahun 6. Manakala tahap persekolahan di sekolah menengah kekal seperti sedia ada. Penstrukturran Tahap persekolahan ini yang mempunyai fokus tertentu terutamanya di Tahap I yang berfokus kepada penguasaan 3M dalam menangani masalah keciciran pembelajaran. Fokus di Tahap II pula, adalah kepada aplikasi kemahiran, pengetahuan dan nilai dalam proses penyelesaian masalah serta pembentukan karakter, manakala Fokus pada Tahap III ialah kemahiran menganalisis dan menghasilkan inovasi.

Berhubung proses pembangunan kurikulum mata pelajaran pula, KPM membangunkan kurikulum berdasarkan prinsip perkembangan kognitif kanak-kanak. Penentuan fokus dan kandungan kurikulum serta

tahap persekolahan juga mengambil kira perkembangan kognitif kanak-kanak ini. Di samping itu, prinsip pembelajaran berdasarkan teori kognitif, konstruktivisme, behaviorisme dan humanistik turut diambil kira dalam pembangunan kurikulum bagi memastikan proses pembelajaran yang bersesuaian dan relevan dengan murid dapat dilaksanakan selaras dengan prinsip pembelajaran kanak-kanak yang disarankan oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembelajaran juga berfokus kepada peningkatan keupayaan kognitif dan pembentukan karakter. KPM juga memperkenalkan pembelajaran bersepadu yang menggabungkan isi kandungan dan kemahiran dari pelbagai disiplin ilmu ke arah satu pengalaman pembelajaran yang mempamerkan konsep penyatuan. Pembelajaran bersepadu diperkenalkan agar pembelajaran murid menjadi lebih holistik, bermakna, relevan dan berhubung kait dengan dunia sebenar.

Sebagai usaha mengurangkan tugas perkeranian dalam kalangan guru yang membebankan, KPM telah membangunkan Sistem Bersepadu KPM (MOEIS) yang meliputi sistem pengurusan murid, pengurusan guru, pengurusan institusi pendidikan dan pengurusan pentaksiran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan nilai eksport minyak sawit mentah Malaysia untuk tahun 2021-2023 mengikut negeri dan apakah trend terkini permintaan dunia terhadap minyak sawit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), nilai eksport minyak sawit mentah (MSM) Malaysia pada tahun 2021 adalah sebanyak RM20.34, RM19.23 bilion bagi tahun 2022 dan RM13.94 bilion bagi tahun 2023.
2. Manakala nilai eksport MSM mengikut wilayah bagi tahun 2021 adalah RM8.62 bilion dari Semenanjung Malaysia, RM7.77 bilion dari Sarawak dan RM3.89 bilion dari Sabah. Mulai tahun 2022, nilai eksport terbesar adalah dari Sarawak, iaitu sebanyak RM9.77 bilion, diikuti oleh Semenanjung Malaysia RM5.15 bilion dan Sabah RM4.32 bilion. Pada tahun 2023, eksport MSM dari Sarawak bernilai RM7.89 bilion, diikuti oleh Sabah sebanyak RM3.98 bilion dan Semenanjung Malaysia sebanyak RM2.07 bilion.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, minyak sawit merupakan minyak sayuran yang mendapat permintaan tertinggi di peringkat global berbanding minyak sayuran saingen yang lain seperti minyak kacang soya dan bunga matahari. Berdasarkan statistik dari Oil World, pada tahun 2023 eksport minyak sawit adalah sebanyak 51.10 juta tan, dimana ia merupakan 52% daripada jumlah eksport minyak sayuran dan lemak dunia. Manakala penggunaan minyak sawit adalah sebanyak 81.92 juta tan, yang mewakili sebanyak 32% daripada penggunaan minyak sayuran dan lemak dunia.
4. Trend permintaan minyak sawit semakin meningkat mulai tahun 2020 dipengaruhi oleh penggunaannya yang meluas (dalam sektor pembuatan makanan serta bukan makanan seperti industri oleokimia dan bio bahan api berikutan harganya yang lebih kompetitif serta penggunaannya yang boleh dipelbagaikan).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa bilangan usahawan dan kelulusan pembiayaan bagi Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS) dan Program Profesional Muda Bumiputera (ProMuda) yang dilaksanakan oleh TEKUN Nasional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui TEKUN Nasional telah melaksanakan Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS) dan Program Pembangunan Usahawan Profesional Muda Bumiputera (ProMuda) yang bertujuan untuk menggalakkan golongan siswazah dan profesional muda menceburi bidang perniagaan.
2. Sejak mula dilancarkan pada tahun 2016 sehingga 31 Mei 2024, Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS) telah membantu seramai 3,396 usahawan siswazah melibatkan pembiayaan berjumlah RM65.5 juta. Bagi tempoh yang sama, seramai 612 usahawan telah menerima pembiayaan Program Pembangunan Usahawan Profesional Muda Bumiputera (ProMuda) berjumlah RM34.2 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI A/L RAJAJI
[JELUTONG]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana seorang warganegara Israel Berjaya memasuki Negara kita tanpa dikesan dan bagaimana beliau boleh memiliki 6 senjata api dan 200 butir peluru. Apakah langkah-langkah yang telah diambil Polis Diraja Malaysia untuk mengelakkan perkara ini daripada berulang

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Berdasarkan siasatan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati saspek warganegara Perancis bernama Shalom Avitan memasuki negara ini dengan menggunakan pasport Perancis. Hasil siasatan terhadap lelaki ini membawa kepada penemuan 6 pucuk senjata api serta 200 butir peluru dan menjumpai pasport lain iaitu pasport negara Israel. Suspek berjaya melepas semakan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) kerana menggunakan pasport Negara lain iaitu Perancis. Hasil siasatan juga mendapati kesemua senjata api dibeli oleh pasangan tersebut dari negara jiran Thailand melalui Golok atau Pengkalan Kubur Kelantan. Kesemua tangkapan telah dituduh dibawah Sek. 8 Akta Senjata Api (Penalti lebih berat) dan masih ditahan dibawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah khas) SOSMA.

Selain itu, bagi mengekang isu ketirisan berkaitan kemasukan atau penyeludupan termasuk senjata api di sempadan negara, Pasukan Gerakan Am (PGA) telah melaksanakan beberapa operasi tetap di jajaran sempadan darat negara iaitu melalui Op Kontraban, Op Wawasan, Op Nyah, Op Awas, Op Batas dan Op Taring.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DR HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

(a) Trend kes jenayah : jenis dan taburan kes mengikut negeri, umur dan kategori jenayah; dan

(b) Apakah tindakan Kerajaan bagi menangani permasalahan rakyat Kapar yang sering terancam aspek keselamatan dengan kes jenayah berat termasuk bunuh.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampunan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Statistik perbandingan jenayah indeks merangkumi jenayah kekerasan menunjukkan penurunan dan jenayah harta benda menunjukkan peningkatan. Dari bulan Januari hingga Mei tahun 2023, jumlah jenayah kekerasan yang dicatatkan ialah sebanyak

SOALAN NO: 68

111 kes. Manakala dari bulan Januari hingga Mei tahun 2024, sebanyak 107 kes jenayah kekerasan direkodkan. Ini menunjukkan penurunan sebanyak -3.60%. Jenayah harta benda pula merangkumi kes curi, pecah rumah, dan curi kenderaan di mana kes – kes ini adalah penyumbang kepada peningkatan jenayah indeks di Daerah Klang Utara.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menangani permasalahan rakyat Kapar yang sering terancam aspek keselamatan dengan kes jenayah, PDRM melalui Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Daerah Klang Utara sentiasa melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah selaras untuk mencapai misi pencegahan jenayah secara holistik ke arah pewujudan komuniti sejahtera.

Strategi dan pendekatan secara proaktif dan bersepadau diambil bagi memastikan jenayah dapat dicegah daripada berlaku, peluang dan hasrat untuk untuk melakukan jenayah dihapuskan seterusnya mengurangkan persepsi kebimbangan jenayah dalam kalangan masyarakat.

Pendekatan melalui program pencegahan jenayah yang melibatkan pelbagai libat urus/*engagement* bersama masyarakat dan operasi berjadual Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Selangor, Ibu Pejabat Daerah (IPD) Klang Utara dan IPD Klang Selatan yang telah diadakan adalah *Townhall Discussion*, *Community Engagement*, Lawatan Masjid, *Community Policing*, Hari Bertemu Pelanggan dan lain-lain juga sentiasa dijalankan bagi membanteras isu dan permasalahan melibatkan jenayah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah kursus-kursus kritikal yang mengalami masalah kekurangan pelajar pada ketika ini jika dinisbahkan dengan permintaan di dalam pasaran pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di peringkat Kementerian ini, setiap program akademik baharu dan semakan kurikulum program sedia ada perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) sebelum ia ditawarkan.
2. Jawatankuasa ini melibatkan panel-panel daripada TalentCorp, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), Jabatan Perangkaan, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), *Malaysian Digital Economic Corporation* (MDEC) dan juga Badan-badan Profesional lain.
3. Panel-panel ini akan memberikan pandangan dan komen berhubung kesesuaian penawaran program akademik. Pihak Kementerian seterusnya dapat mengambil langkah proaktif dalam memastikan isu kekurangan pelajar dapat dielakkan.

4. Berdasarkan Statistik Guna Tenaga Suku Pertama 2024 Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), **tiga (3) aktiviti ekonomi yang mempunyai kekosongan tertinggi adalah Pembuatan, Pertanian dan Pembinaan.**
5. Selaras dengan keperluan ini, graduan-graduan yang dihasilkan oleh kementerian turut melibatkan bidang-bidang yang dinyatakan. **Sepanjang tahun 2021 sehingga 2023, graduan Universiti Awam adalah terdiri daripada 10,550 graduan bidang pembuatan, 4,965 graduan bidang pertanian dan 67,698 graduan bidang pembinaan.**
6. Disamping itu, Kementerian turut memberi penekanan kepada sektor-sektor ekonomi secara khusus untuk memastikan terdapat jumlah graduan yang mencukupi. Antara sektor yang dimaksudkan adalah **elektrik dan elektronik**. Pelbagai program seperti *Structured Industry Apprenticeship Programme (SIAP) for Integrated Circuit (IC) Design* dan *MOHE-Intel Elite Internship Program (MIEIP)* dilaksanakan dalam usaha meningkatkan jumlah graduan bagi sektor elektrik dan elektronik (E&E) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Disamping itu, ia mampu mewujudkan kerjasama pintar di antara akademia dan industri dalam sektor elektrik dan elektronik.
7. Kementerian juga cakna terhadap keperluan melibatkan **bidang perubatan** memandangkan negara kita memerlukan ramai doktor pakar. Justeru, beberapa strategi dirangka untuk memantapkan usaha tersebut, antaranya:
 - i. perancangan pertambahan jumlah tenaga pengajar bagi program Sarjana Perubatan di Universiti Awam, dan
 - ii. peningkatan jumlah fasiliti latihan melalui perkongsian kemudahan antara Hospital Pengajar Universiti di KPT dan fasiliti-fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN (PADANG SERAI)

TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan secara terperinci pelajar IPTA / IPTS yang menghidap penyakit HIV dari tahun 2020 hingga sekarang kerana penyakit ini dihidapi oleh kebanyakan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa cakna dan prihatin terhadap kesejahteraan mahasiswa, termasuk isu-isu melibatkan masalah kesihatan dan jangkitan penyakit. Atas dasar keprihatinan ini dan juga mengambil kira faktor julat usia mahasiswa tergolong dalam kategori kumpulan berisiko, KPT menerusi Universiti Awam (UA) cenderung merancang dan melaksanakan pelbagai program memupuk budaya hidup sihat dan khusus menfokuskan kepada program berbentuk advokasi, kesedaran mahupun pencegahan berkaitan penyakit HIV.
2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia juga, sepanjang tempoh dari tahun 2022 sehingga bulan Jun 2024 sebanyak 77 program advokasi, kesedaran atau pencegahan berkaitan penyakit HIV telah dilaksanakan melibatkan 22,905 mahasiswa di UA.
3. Berdasarkan notifikasi jangkitan kes yang dilaporkan ke Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bilangan pelajar IPTA atau IPTS yang berumur antara 18 hingga 25 tahun yang dijangkiti HIV adalah seramai 214 orang pada tahun 2020, diikuti seramai 186 orang pada tahun 2021, 221 orang pada tahun 2022 dan 244 orang pada tahun 2023.
4. Peratus pelajar IPTA atau IPTS yang dijangkiti HIV adalah antara 6.7–7.6 peratus dari jumlah keseluruhan kes HIV baharu yang dikenal pasti pada tahun tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) inisiatif untuk meningkatkan kapasiti sekolah rendah serta menambah bilangan sekolah menengah dengan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi memastikan kesinambungan pembelajaran dari peringkat rendah ke menengah; dan
- (b) usaha Kementerian untuk mewujudkan Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus komited untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan untuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK). KPM berusaha memperluas kelas pendidikan khas bagi menampung peningkatan enrolmen MBPK dengan menambah bilangan kelas di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sedia ada dan menambah bilangan PPKI baharu pada setiap tahun. Sehingga 30 April 2024, terdapat sebanyak 1,770 sekolah rendah dan 951 sekolah menengah yang melaksanakan PPKI dengan jumlah keseluruhan 11,618 kelas PPKI beroperasi di seluruh negara.

Pada tahun 2024, peluasan PPKI yang diluluskan melibatkan sejumlah 149 buah sekolah dengan 154 buah kelas. Secara keseluruhannya, anggaran seramai 1,078 MBPK telah pun memperoleh manfaatnya di seluruh negara, melalui peluasan PPKI di sekolah- sekolah tersebut.

Kaedah peluasan PPKI baharu juga terus dilaksanakan melalui permohonan projek melibatkan kelas PPKI baharu di bawah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) Tahun 2021-2024. KPM sedang melaksanakan sejumlah 50 projek yang melibatkan pembinaan bangunan tambahan PPKI mengikut piawai yang ditetapkan termasuk peluasan PPKI baharu. Seramai 2,072 MBPK dijangka akan mendapat manfaat daripada projek yang telah diluluskan melibatkan 296 buah kelas.

Bagi perancangan jangka panjang, mulai Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) (2021-2024) semua sekolah baharu sama ada rendah atau menengah yang dimohon oleh JPN mengambil kira keperluan PPKI ini menerusi penyediaan enam (6) bilik darjah PPKI bagi sekolah rendah dan lima (5) bilik darjah PPKI bagi sekolah menengah sebagai piawai untuk memenuhi keperluan pendidikan MBPK di sekolah harian. Sebanyak 44 buah sekolah melibatkan 285 kelas akan memberi manfaat kepada 1,995 MBPK.

SOALAN NO : 71

KPM turut menyediakan perkhidmatan sokongan pendidikan khas yang berkesan dan berkualiti kepada MBPK melalui Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) bagi mengurangkan impak ketidakupayaan serta melonjakkan potensi mereka. Sehingga kini terdapat 13 buah 3PK di seluruh negara yang menempatkan 52 pegawai bidang khusus yang melaksanakan saringan dan penilaian; intervensi dan rehabilitasi; akomodasi dan modifikasi persekitaran; konsultasi; dan latihan kepada guru, ibu bapa atau penjaga.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih belum mempunyai 3PK, namun ibu bapa dan MBPK yang berada di kawasan tersebut boleh mendapatkan perkhidmatan sokongan di 3PK Selangor atau 3PK Putrajaya. KPM telah merancang pembinaan 3PK di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui permohonan projek pembinaan bangunan baharu Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Jalan Batu yang akan dikemukakan dalam Projek Pembangunan Pendidikan Rancangan Malaysia Ketiga Belas *Rolling Plan 1* Tahun 2026. Walau bagaimanapun, kelulusan projek tersebut adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha inovatif Kementerian untuk meningkatkan pembangunan kapasiti (*capacity building*) institusi pendidikan tinggi awam dan swasta khususnya dalam bidang penyelidikan termasuk perkongsian kepakaran dan kerjasama strategik di dalam dan luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara usaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyokong usaha-usaha meningkatkan pembangunan kapasiti (*capacity building*) Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) adalah melalui pelaksanaan pelbagai program, antaranya Program Dana Penyelidikan Padanan Antarabangsa (*Malaysia Partnership and Alliances in Research - MyPAiR*).
2. MyPAiR dilaksanakan untuk mempertingkat kerjasama strategik dan penyelidikan antara IPT, industri serta agensi tempatan atau antarabangsa, dalam bidang strategik. Perkongsian ini tidak terhad kepada perkongsian kepakaran tetapi turut merangkumi konteks yang lebih luas seperti perkongsian infrastruktur dan peralatan.

3. Skop penyelidikan MyPAiR adalah merangkumi bidang berkepentingan dengan agenda negara seperti Tenaga (*Energy*), Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (*Medical and Healthcare*), Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu) (*Smart Technology and Systems (Next Generation Engineering and Manufacturing)*), dan sebagainya.
4. KPT telah melaksanakan pelbagai projek penyelidikan bersama United Kingdom, Jepun, Perancis dan Sepanyol. Kerjasama yang diadakan adalah melalui *Natural Environment Research Council* (NERC), *Medical Research Council* (MRC), *Science and Technology Facilities Council*, *British Council* dan lain-lain. Menerusi kerjasama ini, kolaborasi pelbagai hala antara Malaysia dan negara-negara rakan kerjasama dapat diperkuuh.
5. KPT turut menyokong usaha untuk memperkuuh IPT dalam memacu bidang penyelidikan melalui perkongsian dan kerjasama strategik termasuk dengan pihak industri. Misalnya KPT telah menyediakan dana pra-pengkomersialan iaitu Geran *Malaysia Laboratories For Academia-Business Collaboration* (MyLAB) setiap tahun untuk menghubungkan jurang pengkomersialan produk penyelidikan. Dana pra-pengkomersialan melibatkan kerjasama akademia dan industri turut disediakan.
6. Selain itu, Program Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (*Higher Institution Centre of Excellence*, HICoE) dilaksanakan bagi melonjakkan HICoE sebagai pakar rujuk (*referral point*) dalam penyelidikan bidang nic di peringkat nasional dan antarabangsa. Sehingga tahun 2024, terdapat 25 HICoE di seluruh negara.
7. Pihak Kementerian percaya usaha-usaha yang dijalankan ini akan dapat meningkatkan pembangunan kapasiti IPTA dan IPTS negara khusunya dalam bidang penyelidikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik guru berstatus kontrak yang berkhidmat di Sarawak bagi tahun 2022-2024 dan jumlah guru kontrak tempatan daripada Sarawak yang dilantik berbanding guru daripada negeri lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Urusan pengambilan guru dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM sentiasa memastikan keperluan guru mengikut opsyen mata pelajaran mencukupi bagi memastikan setiap murid dapat menjalani proses pembelajaran yang optimum.

KPM memberi keutamaan kepada graduan yang memiliki ikhtisas pendidikan dalam urusan pengambilan guru. Urusan pengambilan secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan tiada ikhtisas hanya dilaksanakan bagi opsyen mata pelajaran yang kritikal dan tidak dapat dipenuhi oleh calon graduan pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2024, KPM telah melantik seramai 10,123 orang guru CoS dan daripada jumlah tersebut, 1,385 orang guru (13.7%) ditempatkan di negeri Sarawak. Seramai 586 orang guru tersebut merupakan anak kelahiran tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya kejadian menceroboh kawasan sensitif keselamatan seperti balai polis, istana dan lain-lain tidak berulang dan apakah sebabnya insiden ini terjadi.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampunan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Sehubungan itu, dalam mempertingkatkan keselamatan dan kesiapsiagaan dalam membanteras tindakan luar jangka, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memperketatkan semua Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam agar mempertingkatkan kawalan keselamatan premis PDRM merangkumi pematuhan Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) dan arahan-arahan pentadbiran semasa yang berkaitan. Antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh PDRM adalah seperti berikut:

- i. Mengeluarkan surat edaran pengurusan bertarikh 20 Mei 2024 bagi Mempertingkatkan Kawalan Keselamatan di Premis PDRM sebagai peringatan kepada semua Pegawai Pemerintah/Ketua Formasi/Pegawai Bertanggungjawab untuk melaksanakan serta memastikan langkah-langkah keselamatan yang lebih komprehensif diambil untuk melindungi premis-premis PDRM daripada terdedah kepada kejadian-kejadian tidak diingini yang boleh mencalarkan imej PDRM (khususnya);
- ii. Pewujudan Pasukan Petugas oleh Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO), Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM), PDRM untuk mengenalpasti dan melaksanakan proses pengisytiharan semua fasiliti PDRM sebagai Kawasan Larangan Tempat Larangan (KLTL). Di dalam pelaksanaan ini, semua premis PDRM merangkumi Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Balai Polis, Pondok Polis, pos-pos kawalan sempadan PGA, Pangkalan Polis Marin dan

SOALAN NO: 74

semua Formasi PDRM di bawah Akta Kawasan Larangan Tempat Larangan (KLTL) sedang dilaksanakan.

- iii. Pematuhan kepada Pekeliling/Prosedur Operasi Standard (SOP)/arahan semasa yang dikeluarkan oleh pasukan adalah perlu dan menjadi panduan kepada semua Pegawai Polis dalam melaksanakan langkah-langkah komprehensif dan kesiapsiagaan semasa menjalankan tugas; dan
- iv. Semua Pesuruhjaya Polis, Ketua Polis Negeri, Komander, Komandan, Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan tahap keselamatan untuk diperketatkan bagi melindungi lokasi-lokasi sasaran penting termasuk premis-premis PDRM di seluruh negara demi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

Tuan Yang di Pertua,

Bagi kawasan sensitif seperti istana, Pasukan Gerakan Am (PGA), PDRM telah dipertanggungjawabkan untuk mempertingkatkan kawalan keselamatan dengan memaksimumkan kekuatan anggota mengawal kediaman/ kawasan/ perimeter/ Istana Hinggap bagi Kawasan Tanggungjawab (KTJ) yang telah ditetapkan.

Selain Istana Hinggap, kawalan kediaman rasmi menteri, Pegawai Kanan Kerajaan, Orang Kenamaan, pejabat serta kediaman kedutaan asing dan beberapa sasaran penting turut dipertingkatkan dari segi kawalan statik di Pos Pengawal dan rondaan berkenderaan secara berkala.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB
AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan sekolah satu sesi akan mengurangkan beban para guru di negara ini dan tahap kesiapsiagaan para guru di sekolah untuk dasar dan polisi ini dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik dan kondusif agar menjamin keselamatan dan keselesaan warga sekolah.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, KPM telah mewujudkan Garis Panduan Tadbir Urus Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah KPM: Malaysia School Governance (MySg) bertujuan untuk mengatasi isu kekaburuan peranan dan penyeragaman pengurusan sekolah berdasarkan program dan aktiviti daripada Bahagian KPM yang perlu ada di semua sekolah. Terdapat empat kompenan utama di bawah MySG iaitu pengurusan dan pentadbiran, pengurusan kurikulum, pengurusan hal ehwal murid dan pengurusan kokurikulum. MySG diwujudkan sebagai salah satu kaedah dalam mengurangkan beban tugas guru agar lebih fokus

SOALAN NO : 75

sepenuhnya pada pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. KPM juga akan sentiasa meneliti, menyemak dan menambah baik MySG dari semasa ke semasa bagi memastikan inisiatif meringankan beban tugas guru ini dapat direalisasikan.

Selain itu, antara langkah lain yang diperkenalkan oleh KPM untuk meringan beban guru ialah penggunaan Sistem Bersepadu KPM (MOIES), penggunaan e-RPH (Rancangan Pengajaran Harian) dan penggunaan Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah dan usaha lain yang diambil oleh pihak KPM bagi mengatasi masalah pelaksanaan sekolah satu sesi adalah melalui penambahan bilik darjah di sekolah sedia ada serta pembinaan sekolah baharu berdasarkan keperluan dan kesesuaian tapak.

KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri melaksanakan analisis keperluan pembinaan sekolah baharu secara terperinci. Antara perkara yang diambil kira adalah bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan penduduk (*catchment area*) serta perancangan pembangunan kawasan tersebut berdasarkan perbincangan bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT).

KPM akan mengemukakan permohonan mengenai cadangan pembinaan bilik darjah tambahan dan pembinaan sekolah baharu dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) secara berfasa mengikut keperluan. Namun demikian, kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan dalam mencari kebenaran dan menegakkan keadilan untuk Teoh Beng Hock seperti membuka semula kertas siasatan terhadap kes kematiannya di bawah Kanun Keseksaan seksyen 302 dan 304. Nyatakan sebab-sebab ketidaksudian pihak polis atau kekangan dihadapi bagi mempercepatkan proses tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada tahun 2018, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka semula kertas siasatan kes berkenaan di bawah Seksyen 342 Kanun Keseksaan (Kurungan Salah). Kertas siasatan tersebut telah dikembalikan oleh pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) kepada pegawai penyiasat (IO). Pihak PDRM telah diminta untuk membuat rakaman percakapan lanjut saksi-saksi penting sebelum mengemukakan semula kertas siasatan tersebut kepada AGC bagi arahan selanjutnya.

Setakat ini, kertas siasatan tersebut masih dalam pertimbangan pihak Jabatan Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap penjawat awam di dalam Kementerian Pendidikan yang memegang jawatan di dalam mana-mana parti politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dan cakna terhadap isu-isu melibatkan warga KPM terutama dalam isu disiplin dan integriti. Tindakan tegas sentiasa diambil selaras dengan punca kuasa yang ada termasuk tindakan berlandaskan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (P.U.(A). 395). Peraturan 21 jelas menyatakan seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah dilarang mengambil bahagian dalam aktiviti politik, khususnya membuat apa-apa pernyataan awam yang berat sebelah atas apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik, terlibat dalam merayu undi dan memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

Semua Ketua Jabatan di KPM juga telah diberikan peringatan atau teguran untuk memandang serius terhadap mana-mana pegawai yang telah

melanggar Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 khususnya mengenai Peraturan 21 ini dengan mengambil tindakan yang sesuai dan melaporkan pelanggaran berkaitan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib dengan segera. Ini selaras dengan peruntukan perenggan 3C (1) dan (2) Peraturan-Peraturan tersebut iaitu peranan kawalan dan pengawasan tatatertib merupakan tanggungjawab setiap Ketua Jabatan. Sekiranya Ketua Jabatan gagal berbuat demikian, beliau sendiri boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Namun demikian, Subperaturan 21(2) memberi kelonggaran kepada pegawai awam dalam Anggota Kumpulan Pelaksana dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dari Gred DG41 hingga DG48 yang tidak memegang apa-apa jawatan pentadbiran dalam mana-mana institusi pendidikan atau agensi kerajaan untuk bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam suatu parti politik dengan syarat terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Ketua Setiausaha KPM. Ini bermakna kelonggaran ini tidak terpakai kepada Pengetua atau Guru Besar yang bertugas di Institusi Pendidikan serta pegawai yang memegang apa-apa jawatan pentadbiran dalam mana-mana agensi Kerajaan di bawah KPM.

Bagi memastikan pegawai-pegawai di KPM mematuhi Peraturan 21 tersebut di atas, Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2023: Garis Panduan Permohonan Mengambil Bahagian Dalam Aktiviti Politik Bagi Pegawai-Pegawai Di Bawah KPM yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2023 telah dikeluarkan. Garis Panduan tersebut bertujuan sebagai panduan berkenaan kaedah pemantauan dan prosedur pelaksanaan bagi pegawai-pegawai di KPM yang mengambil bahagian dalam politik selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.2.11 iaitu mengenai perihal Penglibatan Pegawai Awam Dalam Politik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [
BALIK PULAU]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan ataupun dalam perancangan untuk menjadikan program guna tenaga boleh baharu (RE) dinikmati oleh golongan B40 di negara kita pada kos yang berpatutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Kerajaan Malaysia Madani kini lebih cenderung untuk memastikan pengagihan subsidi secara bersasar. Dalam konteks bekalan elektrik, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) bertanggungjawab untuk menentukan golongan B40 dapat menikmati bekalan elektrik yang berdaya harap dan mampu bayar, melalui penetapan tarif bekalan elektrik yang bersubsidi untuk 600 unit pertama penggunaan elektrik, selain pemberian subsidi bil elektrik berjumlah RM40 bagi golongan B40 yang layak.
2. Untuk membolehkan pengguna B40 mendapat bekalan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu, ia melibatkan pemasangan sistem solar yang mempunyai implikasi kos yang tinggi dan perlu ditampung oleh pengguna B40 sendiri. Oleh itu, adalah lebih praktikal dan ekonomikal untuk Kerajaan melaksanakan kedua-dua inisiatif subsidi sedia ada dalam meringankan beban bil elektrik mereka sekaligus memberikan lebih manfaat kepada pengguna B40.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 79

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan bagi membendung warga asing yang menggunakan identiti rakyat tempatan bagi melakukan aktiviti perniagaan serta apakah rancangan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pendatang asing tanpa izin di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu warga asing yang menjalankan perniagaan di kawasan tumpuan awam seperti di pasar-pasar awam atau gerai-gerai sentiasa dipantau oleh pihak Kerajaan melalui kerjasama strategik antara Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa. Selaras dengan Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja di bawah PBT, kelulusan sewaan tapak pasar awam dan pengeluaran lesen hanya diberikan kepada warganegara Malaysia sahaja. Bagi penyewa tapak pasar yang menyewakan tapak kepada warga asing, PBT tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas dengan menarik semula sewaan tapak serta lesen perniagaan dibatalkan.

JIM secara khususnya turut melaksanakan Ops Belanja dan Ops Jaja bagi mengatasi isu permasalahan warga asing yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen atau bekerja secara tidak sah. Ops Belanja menyasarkan premis-premis antaranya seperti pasar mini atau pasar raya, kedai runcit dan kedai perabot. Manakala bagi Ops Jaja pula menumpukan kawasan-kawasan seperti pasar malam, pasar tani, pasar borong dan gerai-gerai jalanan.

Bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 12 Jun 2024, seramai 2,098 PATI telah ditangkap atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 melalui pelaksanaan Ops Belanja. Antara kesalahan-kesalahan yang direkodkan adalah tiada dokumen perjalanan yang sah, tinggal lebih masa, salah guna pas dan melindungi PATI. Bagi tempoh yang sama, 499 orang PATI telah ditangkap semasa Ops Jaja yang menumpukan kawasan-kawasan seperti pasar malam, pasar tani, pasar borong dan gerai-gerai jalanan.

SOALAN NO : 79

Selain daripada tindakan penguatkuasaan, JIM turut mengambil langkah tambahan bagi memastikan warga asing tidak menyalahgunakan pas imigresen untuk kepentingan peribadi seperti berkahwin dengan warganegara Malaysia yang dikategorikan sebagai *marriage of convenient*.

Antara pendekatan yang diambil termasuklah:

- (i) melaksanakan pemantauan dan semakan melalui naziran;
- (ii) mengadakan temu duga dengan pasangan yang berkenaan; dan
- (iii) mengenakan wang cagaran kepada penaja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perkembangan projek tebatan banjir berjumlah RM150 juta di kawasan Bandar Kuching.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM150 juta. Skop projek adalah untuk mengatasi banjir kilat di sembilan (9) kawasan yang sering mengalami banjir kilat di sekitar Daerah Kuching dan Samarahan. Pelaksanaan projek ini dibahagikan kepada tiga (3) pakej iaitu:

- i. Pakej 1 - Naiktaraf Sistem Saliran di Sekolah Kebangsaan Muara Tuang, Samarahan, Naiktaraf Sistem Saliran di Jalan Kuching Samarahan Expressway, Samarahan & Mendalamkan dan Melebarkan Sungai Tabuan, Kuching. Kerja-kerja fizikal pakej ini telah bermula pada Mei 2024. Berdasarkan perancangan, pakej ini akan siap pada Mei 2026;
- ii. Pakej 2 - Naiktaraf Sistem Saliran di Hospital Umum, Kuching, Naiktaraf Sistem Saliran di Jalan Batu Lintang, Kuching & Naiktaraf Sistem Saliran di Kuarters Kerajaan Persekutuan, Kuching. Kerja-kerja fizikal pakej ini baru sahaja bermula pada Jun 2024. Berdasarkan perancangan, pakej ini akan siap pada Jun 2026; dan
- iii. Pakej 3 - Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Gersik, Kuching, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Sinjan, Kuching & Mendalamkan dan Melebarkan Sungai Tengah dan Sungai Minjap, Matang, Kuching. Kerja-kerja fizikal pakej ini telah bermula pada Mei 2024. Berdasarkan perancangan, pakej ini akan siap pada Mei 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(KUALA LANGAT)**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan secara berstrategi Kementerian dalam melahirkan tenaga kerja dalam bidang kepakaran dan kepakaran khusus terutama dalam bidang perubatan sejajar dengan keperluan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) komited dalam melahirkan bakat bagi memenuhi keperluan negara, termasuklah ke arah usaha meningkatkan Pakar Perubatan selaras dengan perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang memerlukan sebanyak **19,714 orang Pakar Perubatan menjelang tahun 2030**.
2. Berhubung perkara ini, KPT komited untuk meningkatkan jumlah pakar perubatan dengan meneruskan pelaksanaan Program Sarjana Perubatan bagi menghasilkan Pakar Perubatan yang amat diperlukan negara.
3. Pada masa ini, Program Sarjana Perubatan di bawah seliaan KPT merangkumi **120 program latihan** dalam **28 bidang kepakaran perubatan** (kecuali urologi) melibatkan **9 Institusi Pendidikan Tinggi**

(IPT) tempatan [8 Universiti Awam (UA) dan 1 Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)].

4. Melalui Program Sarjana Perubatan yang sedang ditawarkan di UA, KPT mengunjurkan untuk menghasilkan sejumlah **10,445 pakar perubatan dari tahun 2024 hingga 2030.**
5. Dalam usaha meningkatkan jumlah pakar perubatan di Malaysia, KPT telah mengenalpasti beberapa strategi termasuklah meningkatkan jumlah perjawatan tenaga pengajar yang mengajar program kepakaran perubatan di UA di Malaysia.
6. Selari dengan penambahan tenaga pengajar, KPT juga sedang dalam usaha untuk meningkatkan jumlah fasiliti yang dapat digunakan bagi tujuan latihan dengan mewujudkan perkongsian sumber kemudahan bukan sahaja antara Hospital Pengajar Universiti di bawah KPT malahan dengan fasiliti-fasiliti kesihatan di bawah KKM.
7. Selain itu, KPT melalui UA juga akan memastikan kepakaran-kepakaran yang sangat diperlukan oleh negara dapat ditawarkan. Dalam hal ini, KPT melalui Majlis Dekan Fakulti Perubatan Universiti Awam Malaysia sentiasa berkolaborasi dengan pihak KKM bagi meningkatkan kualiti latihan dan memperkasa pengurusan program Sarjana dan Kedoktoran Perubatan bagi memenuhi keperluan Pakar Perubatan di Malaysia berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan dan status keadaan bangunan balai polis, ibu pejabat polis dan Kuarters kediaman yang dalam keadaan uzur atau daif di Sarawak. Dan apakah perancangan Kementerian untuk menaik taraf atau membaik pulih prasarana ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam dalam negara memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampuan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai. Ini termasuk menyediakan kemudahan yang selesa kepada warga KDN meliputi pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sama ada di tempat kerja maupun kuarters kediaman. KDN dan PDRM turut menyediakan perancangan jangka pendek dan panjang *Rolling Plan* Rancangan Malaysia dalam melengkapkan pasukan keselamatan dan penguatkuasaan dengan aset-aset strategik yang terkini.

Tuan Yang di Pertua,

Baik Pulih dan Naik Taraf Fasiliti PDRM

Untuk maklumat Yang Berhormat, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), KDN dan PDRM telah menyenaraikan cadangan projek pembangunan baharu bagi menggantikan bangunan-bangunan lama yang tidak ekonomik untuk diselenggara dan dibaiki di seluruh negara. Di samping itu, KDN turut menyalurkan peruntukan di bawah Belanja Mengurus (*Operating Expenditure – OE*) dan Belanja Pembangunan (*Development Expenditure – DE*) kepada PDRM bagi pembinaan serta penyelenggaraan pejabat-pejabat dan kuarters-kuarters pasukan polis di seluruh negara termasuk Kontinjen Sarawak.

Pada tahun 2023 di bawah Belanja Pembangunan (DE), KDN dan PDRM memberi tumpuan terhadap 66 projek-projek fizikal sedia ada serta sambungan di bawah PDRM. Ini termasuk pembinaan baharu, pembinaan, penyelenggaraan dan menaik taraf kuarters, premis dan fasiliti PDRM yang telah uzur serta usang. Dalam masa yang sama, KDN dan PDRM turut menyediakan peruntukan bagi pembinaan dan

SOALAN NO: 82

penyelenggaraan di bawah peruntukan Belanja Mengurus (OE) pada tahun 2023 dan 2024.

Dalam *Rolling Plan Keempat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP4 RMK-12)* Tahun 2024, Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM60.957 juta siling peruntukan untuk Pembaikan dan Ubahsuai (PDRM) meliputi kerja-kerja baik pulih, penyelenggaraan, pembaikan dan naik taraf fasiliti PDRM, Kuarters, IPD, Balai Polis dan Pondok Polis. Daripada jumlah tersebut, RM1.75 juta adalah diperuntukkan untuk negeri Sarawak meliputi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan seperti pembaikan lif, cerun, pendawaian elektrik dan sistem kumbahan.

Tuan Yang Di Pertua,

Keprihatinan Kerajaan Perpaduan dalam menjamin kebijakan melalui nilai ihsan dan kesejahteraan bagi memastikan warga PDRM dan keluarga mereka dapat menikmati kehidupan yang selesa dengan adanya kemudahan kuarters yang sempurna, persekitaran kediaman yang selesa dan kemudahan riadah yang mencukupi.

Begitu juga dengan melengkapkan pasukan dengan aset dan kelengkapan baharu bagi menggantikan aset dan kelengkapan yang tidak ekonomik dibaiki. Dengan memastikan perkara ini dipenuhi, warga PDRM mampu memberi tumpuan sepenuhnya dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat dan negara dalam menjaga keselamatan, ketenteraman awam dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci mengenai pemberian taraf kewarganegaraan sejak Januari 2023 sehingga April 2024 mengikut kaum dan negeri. Nyatakan juga perancangan Kerajaan dalam mereformasikan pemberian taraf kewarganegaraan supaya lebih sistematik dan berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tahun 2023 hingga April 2024, sebanyak **186** permohonan kewarganegaraan telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, permohonan dari Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan jumlah permohonan tertinggi iaitu sebanyak **130 permohonan**. Manakala Negeri Pahang dan Terengganu mencatatkan jumlah permohonan paling sedikit iaitu masing-masing sebanyak **1 permohonan**.

Kementerian ini ingin menjelaskan bahawa proses permohonan dan penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964, dan perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahtaraan anak, dan peraturan imigresen. Beban untuk membuktikan kelayakan adalah tanggungjawab pemohon, dan setiap permohonan diteliti dengan teliti sebelum keputusan dikeluarkan.

Kementerian melalui JPN sentiasa melaksanakan pembaharuan dari masa ke semasa dalam memproses permohonan kewarganegaraan yang diterima antaranya pihak Kementerian telah mengemaskini SOP permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara ini juga telah dipercepatkan tempoh proses kepada 12 bulan berbanding tiga (3) hingga lima (5) tahun sebelum ini.

Tambahan pula, Sistem Pengesahan Akuan Rekod Tapisan (SPART) telah dilancarkan untuk mempercepatkan proses tapisan keselamatan daripada 73 hari kepada 14 hari. Sistem ini memudahkan semakan dan mempercepatkan pemakluman keputusan tapisan keselamatan kepada JPN. JPN juga telah membangunkan Sistem Semakan Status Permohonan Kewarganegaraan (SSPK) untuk memudahkan orang awam menyemak status permohonan kewarganegaraan secara dalam talian.

SOALAN NO : 84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI (KLUANG)

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bilakah Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP) akan diwajibkan sebagai sebahagian daripada Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) untuk projek pembangunan yang memerlukan EIA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) merupakan satu laporan yang mengandungi kajian untuk mengenal pasti, meramal, menilai dan memberikan maklumat mengenai kesan terhadap alam sekitar akibat daripada aktiviti pembangunan dan memperincikan langkah-langkah kawalan dalam tempoh, sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan sesuatu projek. Langkah-langkah kawalan yang dicadangkan hendaklah sesuatu yang boleh dilaksanakan untuk mencegah, mengawal dan mengurangkan impak negatif yang diramalkan.
2. Pelan Pengurusan Hidupan Liar (*Wildlife Management Plan, WMP*) merupakan salah satu langkah kawalan yang dicadangkan di dalam Laporan EIA bagi mengawal impak negatif terhadap hidupan liar semasa dan selepas pelaksanaan sesuatu projek pembangunan. WMP ini dikawal selia oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan telah mengambil inisiatif untuk mewajibkan pematuhan kepada WMP bagi sebarang projek yang melibatkan habitat hidupan liar.
3. Dalam memastikan WMP dapat dikuatkuasakan dengan berkesan ke atas projek-projek pembangunan yang tertakluk di bawah keperluan kajian EIA, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah bekerjasama dengan PERHILITAN bagi membentuk satu Jawatankuasa Pasukan Petugas bermula pada Februari 2024. Untuk makluman, sehingga kini WMP telahpun diguna pakai oleh penggerak projek-projek mega secara sukarela seperti projek ECRL, empangan, SKVE, SUKE dan lain-lain.
4. Dari sudut perundangan, JAS kini sedang meneliti dan memperhalusi cadangan perwakilan kuasa kepada pihak PERHILITAN bagi memastikan penguatkuasaan WMP ke atas projek-projek pembangunan adalah teratur mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab sehingga sekarang PDRM telah pun gagal mengesan anak Indira Gandhi yang dikatakan dilarikan oleh bekas suaminya Muhammad Riduan Abdullah walaupun diarahkan oleh Mahkamah Persekutuan untuk berbuat demikian.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pada 29 April 2016, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan untuk membenarkan sebahagian rayuan Indira Gandhi dan mengarahkan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaksanakan Waran untuk Pengkomitan terhadap Patmanathan a/l Krishnan @ Muhammad Riduan bin Abdullah bertarikh 30 Mei 2014 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Malaya di Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Berhubung pelaksanaan Waran untuk Pengkomitan terhadap Muhammad Riduan bin Abdullah, Mahkamah Persekutuan telah mengeluarkan perintah supaya kes ini diremitkan ke Mahkamah Tinggi Malaya di Ipoh bagi Hakim Mahkamah Tinggi memantau perkembangan pelaksanaan Waran untuk Pengkomitan tersebut.

Pada masa ini, Mahkamah Tinggi Malaya di Ipoh menetapkan pengurusan kes secara berkala untuk PDRM mengemas kini status pelaksanaan Waran untuk Pengkomitan tersebut. Tarikh pengurusan kes akan datang adalah pada Ogos 2024.

PDRM akan terus memberikan komitmen penuh serta kerjasama kepada pihak-pihak yang terlibat. Usaha untuk mengesan akan tetap diteruskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ISNARAISAH MUNIRAH BT MAJILIS @ FAKHARUDY (KOTA BELUD)
TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN ISNARAISAH MUNIRAH BT MAJILIS @ FAKHARUDY (KOTA BELUD) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) adakah benar peruntukan RM16 bilion tahun ini kepada Sabah adalah lebih besar daripada tuntutan hasil 40% sepermula yang termaktub di dalam Perkara 112C, Seksyen 2(1) bahagian IV, Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) jika benar, berapakah jumlah sebenar hasil 40% tersebut bagi tahun ini mengikut setiap butiran hasil yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan melalui platform Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63), komited untuk merundingkan kadar Pemberian Khas kepada negeri Sabah selaras dengan Perkara 112D PP dengan mengambil kira kos perkhidmatan negeri dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Tuntutan Pemberian Khas kepada Negeri Sabah berdasarkan ketetapan sebanyak 40% daripada jumlah hasil bersih Persekutuan daripada Sabah (di bawah Perkara 112C Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 2(1) Bahagian IV Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan) merupakan antara perkara yang masih lagi dirunding dalam MTPMA63.

Pada masa ini, terdapat kes semakan kehakiman di mahkamah yang sedang berjalan mengenai tuntutan yang sama, iaitu kes Sabah Law Society v. The Government of the Federation of Malaysia (NO.BKI-25-14/6-2022). Oleh itu, pertanyaan ini adalah tidak wajar dibincangkan di Dewan Rakyat kerana tidak menepati Peraturan Mesyuarat 23(1)(g) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat memandangkan ia merupakan suatu pertanyaan yang menggelengcongkan perkara yang sedang dibicarakan oleh mahkamah (*likely to prejudice a case under trial*) dan juga merupakan suatu perkara yang masih dalam timbangan mahkamah (*sub judice*).

Sungguhpun begitu, Kerajaan Persekutuan komited untuk merundingkan kadar pemberian khas baharu kepada Sabah selaras dengan Perkara 112D PP dengan mengambil kira kos perkhidmatan negeri dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK JONATHAN BIN YASIN
(RANAU)**

TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK JONATHAN BIN YASIN (RANAU) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan terdapat perbezaan ketara tentang jumlah bajet kepada Sabah yang diluluskan Parlimen pada tahun 2023 yang hanya sekitar RM6.5 billion berbanding dengan kenyataan YAB Perdana Menteri baru-baru ini iaitu yang dikatakan RM12.9 bilion pada tahun 2023 bukankah benar bahawa yang disalur kepada Kerajaan Negeri Sabah hanya dalam anggaran RM1.5 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dalam memastikan peruntukan yang disalurkan kepada setiap Kerajaan Negeri dapat memenuhi perkhidmatan negeri di samping meningkatkan kesejahteraan rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2024, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak **16 bilion ringgit bagi Negeri Sabah**. Peruntukan bagi Negeri Sabah telah **meningkat sebanyak 3.1 bilion atau 20 peratus pada tahun 2024** berbanding 12.9 bilion ringgit yang diperuntukkan pada tahun 2022.

Bagi tahun 2024, perincian peruntukan adalah merangkumi **RM1.5 bilion Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Sabah**, manakala selebihnya adalah diperuntukkan bagi **Perbelanjaan Mengurus (OE) Agensi Persekutuan yang berjumlah RM7.9 bilion** bagi membiayai pengoperasian Kementerian/Jabatan Persekutuan di Negeri Sabah dan **Perbelanjaan Pembangunan (DE) yang berjumlah RM6.6 bilion**. Perbelanjaan DE di Negeri Sabah antaranya adalah bagi pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah, penyelenggaraan jalan persekutuan Sabah, pembinaan jalan perhubungan desa, naiktaraf jalan-jalan luar bandar termasuk menambahbaik bekalan air di Negeri Sabah.

Bagi tahun 2023, pecahan perbelanjaan **RM14 bilion** merangkumi **RM1.4 bilion Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Sabah**, manakala selebihnya adalah **Perbelanjaan Mengurus (OE) Agensi Persekutuan yang berjumlah RM7.6 bilion** dan **Perbelanjaan Pembangunan (DE) yang berjumlah RM4.9 bilion**.

Bagi tahun 2022, pecahan perbelanjaan **RM12.9 bilion** merangkumi **RM1.2 bilion Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Sabah**, manakala selebihnya adalah **Perbelanjaan Mengurus (OE) Agensi Persekutuan yang berjumlah RM7.3 bilion** dan **Perbelanjaan Pembangunan (DE) yang berjumlah RM4.4 bilion**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kelayakan minimum dari segi keputusan SPM/matrikulasi/CGPA (dalam pendidikan tinggi) dan lain-lain kriteria dalam pengambilan guru ke maktab guru. Dalam pengambilan guru terkini, berapa peratus yang mencapai 7A ke atas di SPM dan CGPA 3.0 dan ke atas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam melaksanakan pengambilan guru. KPM menawarkan latihan praperkhidmatan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Matrikulasi, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Setakat ini KPM telah mengeluarkan iklan permohonan PISMP bagi lepasan SPM, STPM, Matrikulasi dan STAM. Permohonan dibuka bermula 14 Mac hingga 15 April 2024.

Syarat kelayakan minimum bagi:

- a) SPM
 - i. LULUS SPM dengan memperoleh gred CEMERLANG dalam mana-mana lima mata pelajaran.
 - ii. Memperoleh sekurang-kurangnya gred KEPUJIAN dalam tiga mata pelajaran berikut di peringkat SPM iaitu Bahasa Melayu; Bahasa Inggeris; dan Sejarah.
- b) Matrikulasi (Mulai 2024)
 - i. LULUS SPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya gred KEPUJIAN dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM. Kepujian Bahasa Melayu SPM Ulangan boleh diambil kira.
 - ii. Memperoleh sekurang-kurangnya gred LULUS dalam mata pelajaran berikut di peringkat SPM iaitu Bahasa Inggeris dan Sejarah.
 - iii. LULUS program Matrikulasi dengan memperoleh sekurang-kurangnya PNGK 3.5.
- c) STPM (Mulai 2024)
 - i. LULUS SPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya gred KEPUJIAN dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM. Kepujian Bahasa Melayu SPM Ulangan boleh diambil

- kira.
- ii. Memperoleh sekurang-kurangnya gred LULUS dalam mata pelajaran berikut di peringkat SPM iaitu Bahasa Inggeris; dan Sejarah
 - iii. LULUS STPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya PNGK 3.5.
- d) STAM (Mulai 2024)
- i. LULUS SPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya gred KEPUJIAN dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM. Kepujian Bahasa Melayu SPM Ulangan boleh diambil kira.
 - ii. Memperoleh sekurang-kurangnya gred LULUS dalam mata pelajaran berikut di peringkat SPM iaitu Bahasa Inggeris; dan Sejarah.
 - iii. LULUS STAM dengan memperoleh sekurang-kurangnya gred JAYYID JIDDAN.

Selain dari kelayakan akademik, calon juga hendaklah melepassi Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG), temu duga dan Ujian Kecergasan Fizikal (UKF). Calon yang melepassi semua syarat akan dipilih berdasarkan skor merit untuk ditawarkan pengajian di IPG Kampus.

Berdasarkan data ambilan tahun 2023, peratus yang mencapai 7A ke atas dalam SPM adalah sebanyak 66%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN (RASAH)

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan status siasatan terhadap kebakaran di Pusat Pengurusan Sisa Kualiti Alam pada 13 April yang lepas. Ini adalah kebakaran ketiga selepas kebakaran pada 2015 dan 2019, apakah Kementerian bersedia untuk menyemak semula kesesuaian tapak pusat ini dan apakah jaminan insiden yang sama tidak akan berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Pusat Pengurusan Sisa Kualiti Alam Sdn Bhd (KASB) adalah salah satu premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan mengolah dan melupuskan sisa buangan terjadual secara selamat. Bagi kejadian kebakaran yang berlaku pada 13 April 2024 lebih kurang jam 5.40 petang yang melibatkan kawasan penyimpanan buangan terjadual seluas 100 kaki X 100 kaki persegi. Kebakaran tersebut telah dapat dikawal sepenuhnya oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, HAZMAT dan Bomba Sukarela Kualiti Alam sekitar jam 8.20 malam.
2. Pihak Kualiti Alam Sdn. Bhd terus bekerjasama dengan Jabatan Bomba Dan Penyelamat bagi menjalankan siasatan terperinci untuk mengetahui punca kebakaran yang berlaku pada 13 April 2024 tersebut.

SOALAN NO : 89

Sehingga hari ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat masih belum kemuka Laporan Penyiasatan Kebakaran yang menyatakan punca berlakunya kebakaran. Namun, Surat Penamatan dan Penyerahan Mengambil Milik Premis telah diterima oleh Kualiti Alam Sdn. Bhd. pada 6 Mei 2024 untuk kerja pembersihan tapak. Penilaian tapak telah dilaksanakan dan kerja pembersihan dijangka akan bermula (setelah kerja meroboh struktur penstoran selesai) pada Ogos 2024 sehingga September 2024.

3. Dari segi kesesuaian tapak, premis ini terletak di dalam kawasan industri berat Sendayan Techvalley dan mempunyai zon penampang (*Buffer Zone*) yang mencukupi dengan penerima sensitif. KASB telah wujud sejak tahun 1995 dan pembangunan guna tanah sekeliling terutama pembangunan perumahan dibina semakin menghampiri kawasan zon penampang dan kawasan KASB. KASB merupakan salah satu fasiliti utama dalam negara yang dilengkapi dengan Loji Rawatan Fizikal dan Kimia, Loji Stabilisasi, Loji Penunuan (*Insinerator*), Loji Rawatan *Leachate*, loji-loji rawatan sokongan dan Tapak Pelupusan Selamat untuk buangan terjadual yang telah dirawat. Sebarang pemindahan fasiliti berskala sebegini akan melibatkan kos yang sangat tinggi selain mungkin memberi impak serius kepada pengurusan sisa berbahaya negara.
4. Memandangkan isu perpindahan melibatkan pelbagai pihak, Kementerian telah mengemukakan surat kepada SUK Negeri Sembilan dan Khazanah Nasional Berhad pada 13 jun 2024 agar kedua-dua pihak dapat membincangkan perkara ini dengan lebih mendalam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR
(BATU PAHAT)**

TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR (BATU PAHAT) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keupayaan meraih pertumbuhan ekonomi Malaysia terus berkembang antara 4 dan 5 peratus meskipun berdepan cabaran global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 4.2 peratus pada suku pertama 2024 disokong oleh permintaan domestik yang kekal mampan serta prestasi eksport yang lebih baik meskipun berhadapan persekitaran luar yang mencabar. **KDNK Malaysia** suku pertama tahun ini juga berkembang lebih cepat berbanding negara maju dan serantau seperti **Singapura (2.7 peratus), Thailand (1.5 peratus), dan UK (0.2 peratus)**.

Prestasi yang memberangsangkan ini turut dicerminkan oleh indikator-indikator ekonomi seperti berikut:

- i. Pasaran buruh menunjukkan momentum pertumbuhan yang positif dengan **kadar pengangguran suku pertama 2024 kekal rendah iaitu 3.3 peratus** berbanding 3.5 peratus pada suku pertama 2023;
- ii. **Indeks Pelopor** terus merekodkan pertumbuhan positif selama empat bulan berturut-turut dengan **peningkatan sebanyak 2.3 peratus pada Mac 2024**;
- iii. **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI)** meningkat dengan kukuh sebanyak **6.1% pada April 2024** (April 2023: -3.1%) disokong perkembangan positif dalam semua subsektor iaitu perlombongan (10%); elektrik (7.6%); dan pembuatan (4.9%).
- iv. **Pelancongan domestik** merekodkan peningkatan sebanyak **19 peratus kepada 58.6 juta pelawat pada suku pertama 2024** (S1 2023: 35.3 peratus; 49.3 juta pelawat) dengan jumlah **perbelanjaan melonjak sebanyak 25.3 peratus kepada RM24.1 bilion** (S1 2023: 47 peratus; RM19.2 bilion);
- v. **Kadar inflasi pada suku pertama 2024 kekal rendah pada 1.7 peratus**, berbanding 3.6 peratus pada suku yang sama tahun 2023; dan

Berdasarkan indikator-indikator tersebut, **Kerajaan yakin KDNK negara akan mencapai pertumbuhan antara 4 peratus hingga 5 peratus pada tahun 2024**. Di samping itu, menurut laporan *Global Economic Prospects* oleh Bank Dunia yang diterbitkan pada 11 Jun 2024, **pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjur meningkat sebanyak 4.3 peratus pada tahun ini** seterusnya kepada **4.4 peratus pada tahun 2025**. Prospek pertumbuhan ini juga adalah selari dengan unjuran pertumbuhan ekonomi global oleh Bank Dunia yang dijangka berkembang sebanyak 2.6 peratus pada tahun 2024 dan 2.7 peratus pada tahun hadapan (2025).

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 91

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kerjasama dengan negara lain dan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu demi membanteras aktiviti pengganas, kumpulan pengganas yang aktif atau telah dikesan di dalam Malaysia dan usaha Kerajaan dalam menjaga kesejahteraan dan keselamatan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Malaysia komited memerangi keganasan di peringkat antarabangsa, melalui kerjasama dua hala, serantau dan pelbagai hala. Penyertaan dalam forum global dan pematuhan kepada protokol pencegahan keganasan antarabangsa merupakan komponen penting dalam strategi Malaysia melalui kerjasama dengan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam usaha membanteras aktiviti pengganas di peringkat antarabangsa.

Antara inisiatif di peringkat antarabangsa yang telah diambil oleh KDN adalah mewujudkan kerjasama dua hala melalui instrumen antarabangsa dengan negara-negara berkepentingan dalam bidang jenayah rentas sempadan termasuk jenayah keganasan. Skop kerjasama tersebut termasuk perkongsian maklumat dan perisikan, latihan bersama dan operasi yang diselaraskan.

Selain di peringkat KDN, PDRM juga turut mengambil langkah proaktif bagi mengesan dan menyekat aktiviti kumpulan pengganas dalam negara melalui aktiviti-aktiviti berikut:

- a) Menjalin kerjasama secara berterusan dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini digunakan untuk membuat pemantauan rapi dan mengesan mereka yang disyaki atau didapati terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kumpulan pengganas; dan
- b) Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas juga akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Pekeliling Khas (SPK) bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk / keluar imigresen di seluruh negara.

SOALAN NO: 91

Di peringkat domestik, Menteri Dalam Negeri di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, boleh menyekat sumber kewangan yang diterima oleh kumpulan pengganas dari mana-mana pihak. Penubuhan *Counter Messaging Center (CMC)* yang dikawal selia oleh PDRM juga berupaya membendung dan memerangi kegiatan kumpulan pengganas daripada menyebarkan ideologi, perkongsian maklumat tidak sahih serta pengrekrutan anggota baharu.

Dengan mengambil langkah-langkah ini, kerjasama antarabangsa dan sokongan daripada Majlis Keselamatan PBB dapat diperkuatkan, seterusnya membantu membanteras aktiviti pengganas secara lebih berkesan dan bersepada. Keberhasilan langkah-langkah ini juga bergantung kepada kerjasama antara agensi dan sokongan padu daripada pihak kerajaan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat secara menyeluruh, dari aspek kesihatan, ekonomi, sosial, hingga keselamatan awam dan siber.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN
(BENTONG)**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah ada cadangan untuk memperkasakan jentera penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi memastikan tindakan tegas kepada pesalah alam sekitar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil beberapa langkah penting bagi memperkasakan jentera penguatkuasaan melalui pengukuhan aspek 4M iaitu "*Man, Material, Method, Machine,*" seperti berikut:

a. Pemantapan Pengurusan Sumber Manusia

i. Pertambahan Perjawatan

NRES sedang meneliti keperluan pertambahan perjawatan bagi memastikan nisbah pegawai penguatkuasa di JAS dan bilangan industri di seluruh negara dapat diseimbangkan. Perkara ini adalah bagi memastikan pemeriksaan dan tindakan penguatkuasaan dapat dilakukan dengan lebih kerap dan meluas.

ii. Latihan dan Pembangunan Kepakaran

JAS sentiasa komited dalam memastikan semua pegawai mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam mengendalikan teknologi terkini melalui pelaksanaan program latihan secara berkala dan kursus kompetensi kepada para pegawai. Kursus ini dapat meningkatkan kecekapan dan kemahiran pegawai penguatkuasaan dalam menjalankan tugas mereka dengan lebih efektif.

b. Peralatan pengoperasian yang optimum

Menyediakan sumber bekalan dan logistik yang mencukupi untuk operasi penguatkuasaan di lapangan, seperti kenderaan dan bekalan keselamatan bagi memastikan kelancaran operasi penguatkuasaan.

c. Pengoperasian penguatkuasaan secara bersepadu

Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan melalui kaedah pengoperasian penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi penguatkuasa yang lain seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Mineral dan Geosains dan Pihak Berkuasa Tempatan ke atas premis-premis yang tertakluk di bawah Akta 127 ini secara berkala.

d. Penggunaan Teknologi Canggih

Mengintegrasikan penggunaan teknologi seperti dron, satelit, dan sistem pemantauan dalam talian untuk memantau kawasan-kawasan yang sukar diakses dan mengesan kejadian pencemaran dengan lebih cepat dan berkesan. Berhubung perkara ini, JAS telah melaksanakan Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar atau EQMP yang merangkumi pengumpulan data bagi pemantauan kualiti udara, kualiti air sungai dan kualiti air marin di seluruh Malaysia bagi tujuan melaporkan tahap sebenar kualiti alam sekitar negara dalam usaha untuk memantau, mencegah dan mengawal pencemaran.

2. Dengan pengukuhan aspek 4M ini, NRES melalui JAS menunjukkan komitmen dan keseriusan mereka dalam memastikan undang-undang alam sekitar dikuatkuasakan dengan berkesan. Usaha ini bukan sahaja untuk melindungi alam sekitar tetapi juga untuk memastikan kesejahteraan dan kesihatan masyarakat terjamin. Melalui kerjasama dengan semua pihak berkepentingan dan penggunaan teknologi terkini, NRES terus berusaha memperkasakan penguatkuasaan alam sekitar demi masa depan yang lebih lestari.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah-sekolah daif yang sudah dan dibaikpulih di kawasan Parlimen Serian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 12 projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah dalam kawasan Parlimen Serian dengan jumlah kos sebanyak RM61.84 juta. Sehingga 13 Jun 2024, status terkini pelaksanaan projek adalah 7 projek telah siap, 1 projek di peringkat pembinaan dan 4 projek di peringkat pra bina iaitu peringkat reka bentuk dan perolehan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 94

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan lanjut pihak Kementerian Dalam Negeri dalam menangani limpahan warga asing dan pekerja asing yang ada antaranya menyewa rumah dan menjalankan perniagaan terutamanya di Semenyih, Beranang, Sg. Tekali, Dusun Tua, Sg Lui dan Sg Kantan dalam Parlimen Hulu Langat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan dan keberadaan warga asing di Malaysia adalah tertakluk kepada dasar, peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa. Hal ini termasuklah keperluan untuk memiliki dokumen perjalanan yang sah, mematuhi tempoh keberadaan yang dibenarkan serta pematuhan kepada syarat-syarat pas yang dikeluarkan.

Sebagai usaha untuk mengawal kemasukan warga asing ke negara ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa meneliti dan menambah baik prosedur kemasukan warga asing di pintu-pintu masuk negara dari semasa ke semasa. Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengekang kemasukan warga asing yang berisiko adalah seperti berikut:

- (i) **Proses tapisan awal** melalui pengeluaran visa di kedutaan / pejabat perwakilan Malaysia, di mana tapisan akan dibuat untuk mengenal pasti sama ada warga asing berkenaan berada dalam senarai syak (*suspect list*) Jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warganegara asing ini tidak diberikan kemudahan dan dilarang daripada memasuki Malaysia;
- (ii) **Kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara** meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara serta penyemakan identiti dalam senarai syak dan pangkalan data BioSL. Pengembara yang diragui akan ditemui buah lanjut bagi pertimbangan untuk dikenakan Notis Penolakan Masuk (*Not To Land - NTL*); dan
- (iii) **Kerjasama strategik** dengan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan agensi-agensi berkaitan yang lain bagi memantapkan maklumat warga asing yang berisiko ke

SOALAN NO: 94

dalam pangkalan data senarai syak.

Selain itu, KDN melalui JIM juga melaksanakan operasi penguatkuasaan secara konsisten bagi membanteras keberadaan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang melakukan kesalahan imigresen di bawah Akta Imigresen 1959/63 di negara ini. Bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 12 Jun 2024, sebanyak 17,766 operasi telah dilaksanakan oleh JIM yang melibatkan tangkapan seramai 46,797 PATI dan 787 majikan di seluruh negara.

Tindakan penguatkuasaan imigresen ini adalah berlandaskan aduan awam serta maklumat-maklumat lain yang diterima oleh JIM melalui panggilan telefon, kehadiran ke pejabat imigresen, e-mel dan juga surat-menjurat. Kesimpulannya, keberadaan warga asing di negara ini tidak hanya menjadi tanggungjawab satu pihak sahaja sebaliknya melibatkan peranan pelbagai agensi dan pihak, termasuklah rakyat negara ini.

Sebagai langkah memastikan tanggungjawab untuk menyalurkan maklumat keberadaan PATI merupakan tanggungjawab bersama, Jabatan Imigresen Malaysia turut melibatkan Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)/Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) serta persatuan penduduk dalam menangani masalah PATI secara holistik. Pada tahun 2023, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan sebanyak 269 operasi penguatkuasaan bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan jumlah warga asing yang diperiksa seramai 4,126 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 407 orang PATI telah ditangkap.

Selain itu, penyaluran maklumat keberadaan PATI boleh dibuat melalui platform talian aduan PATI yang diwujudkan oleh JIM di talian 03-88801347 dan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam JIM di laman web imi.spab.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk membantu calon-calon yang gagal mendapatkan sijil SPM. Adakah program TVET dapat membantu golongan ini supaya mereka dapat mempelajari kemahiran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited memberi kesedaran tentang kepentingan menduduki peperiksaan SPM bagi keperluan menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi dan keperluan pekerjaan pada masa hadapan. Oleh itu, KPM sentiasa prihatin terhadap calon yang tidak menduduki peperiksaan SPM termasuk calon yang tidak layak memperoleh sijil.

Sebagai usaha membantu calon tersebut, KPM menyediakan ruang dan peluang kepada mereka untuk menduduki peperiksaan SPM Ulangan (SPMU) yang dilaksanakan pada setiap tahun. Peperiksaan SPMU menawarkan tiga mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik. Bagi tahun 2024, peperiksaan SPMU dijangka akan dilaksanakan pada Ogos 2024. Calon juga boleh menduduki peperiksaan SPM sebagai calon persendirian pada tahun-tahun berikutnya.

SOALAN NO : 95

Selain itu, KPM turut menawarkan perkhidmatan *patching* sijil peperiksaan SPM yang membolehkan beberapa keputusan peperiksaan yang terbaik calon digabungkan dalam satu sijil peperiksaan SPM sahaja. Perkhidmatan ini ditawarkan kepada calon yang telah memperoleh sijil peperiksaan SPM kali pertama mulai tahun 2009.

KPM sentiasa proaktif dalam menguar-uarkan peluang pendidikan dan kerjaya bagi murid yang gagal mendapatkan sijil SPM dengan laluan pengajian TVET di institusi TVET bawah agensi kerajaan lain yang menawarkan program TVET seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP) bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) bawah Kementerian Belia dan Sukan, dan Kolej Giat Mara bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyokong inisiatif bagi menyediakan laluan TVET kepada murid yang gagal mendapatkan sijil SPM melalui program Akademi Dalam Industri (ADI) yang diterajui oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Kementerian Pelaburan, dan Perdagangan dan Industri (MITI).

Melalui program ini, KPM yakin murid tersebut dapat mengikuti bidang kemahiran sebagai laluan kerjaya masa hadapan walaupun gagal memperoleh sijil SPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah pelajar Bahasa Kadazandusun yang terlatih di seluruh negara. Namakan institusi yang menawarkan kursus pengajian Bahasa Kadazandusun di peringkat Sarjana Muda, berapa peruntukan yang terlibat, bilakah pengambilan dibuat pada setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menawarkan opsyen Bahasa Kadazandusun bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran. Pengambilan pelajar Bahasa Kadazandusun dilakukan sekali setahun iaitu pada bulan Jun. Bermula pada tahun 2001, seramai 1,123 pelajar telah dilatih di seluruh negara berdasarkan pada unjuran KPM. Peruntukan yang terlibat bagi pengambilan pelajar Bahasa Kadazandusun seramai 1123 adalah sebanyak RM28,973,400.00 iaitu bagi bayaran elauan pelajar dalam tempoh 5 tahun pengajian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
(SEGAMAT)**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa bilangan pelajar di semua Universiti Awam (IPTA) dan Universiti Swasta (IPTS) mengikut komposisi kaum. Berapa jumlah pelajar kaum India di Universiti Awam dan Universiti Swasta (IPTS)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Sistem MyMoheS Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tahun 2023, **jumlah keseluruhan pelajar warganegara Malaysia di Universiti Awam (UA)** adalah seramai 545,244.
2. Bagi tahun 2023, pecahan kaum Bumiputera adalah seramai 472,794 dan Bukan Bumiputera 72,450. Daripada jumlah ini, kaum India terdiri daripada 26,058 daripada keseluruhan pelajar Bukan Bumiputera di UA pada tahun 2023.
3. Selain itu, merujuk kepada Sistem e-IPTS pada tahun 2023, jumlah keseluruhan pelajar warganegara Malaysia di Universiti Swasta adalah seramai 306,886. Bagi tahun 2023 pecahan Bumiputera adalah seramai 144,620 dan Bukan Bumiputera 162,266. Daripada jumlah ini, kaum India adalah sebanyak 40,805 daripada keseluruhan pelajar Bukan Bumiputera di Universiti Swasta pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah kekangan yang menyukarkan penanaman koko secara meluas dapat kembali dilaksanakan di Malaysia dan apakah strategi serta insentif Kementerian bagi memastikan industri koko di negara ini mampu mencapai tahap self-sustained yang baik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) sentiasa prihatin dan berusaha memastikan industri koko sentiasa berkembang dan berdaya maju. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penanaman koko secara meluas di Malaysia menghadapi beberapa kekangan yang memerlukan perhatian semua pihak:
 - i. Kos yang tinggi bagi pembangunan kawasan penanaman baru;
 - ii. Pengusaha sektor perladangan kurang berminat dengan penanaman koko disebabkan oleh faktor-faktor seperti pulangan keuntungan (ROI) yang tidak menentu dan persaingan dengan tanaman lain yang lebih berdaya saing; dan
 - iii. Kekurangan kawasan yang sesuai untuk peluasan kawasan baru bagi penanaman koko.
2. KPK menerusi Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah merangka beberapa strategi dan memperkenalkan insentif seperti:
 - i. Pembangunan kemudahan nurseri yang lebih baik dan menjalankan kajian mengenai kaedah dan sistem propagasi baru untuk meningkatkan pengeluaran bahan tanaman koko yang berkualiti; dan
 - ii. LKM menyediakan bantuan dari segi peruntukan, input pertanian, dan latihan kepada pekebun kecil serta sektor perladangan bagi meningkatkan keberhasilan dan kecekapan dalam penanaman koko.
3. Bermula tahun 2024, harga koko telah mencatatkan peningkatan dan *trend* ini telah menarik minat pekebun kecil dan sektor perladangan koko untuk kembali aktif memulihkan, meningkatkan pengeluaran dan penanam semula. LKM mengambil inisiatif

meningkatkan aktiviti ‘*engagement*’ dan khidmat nasihat teknologi kepada pengusaha yang berminat serta mengadakan kerjasama (*joint venture*) dengan sektor perladangan bagi skala penanaman koko secara komersial.

4. Adalah diharapkan pengeluaran biji koko negara mampu mencatatkan peningkatan dan secara langsung dapat mengurangkan kebergantungan kepada biji koko yang diimport agar industri koko di Malaysia dapat mencapai tahap *self-sustained* dan menyumbang kepada pendapatan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL (MAS GADING)

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah pendirian dan perkembangan terkini Kerajaan di dalam usaha untuk menjadikan perdagangan karbon sebagai salah satu dasar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan berpandangan bahawa hasil transaksi kredit karbon berpotensi menjana pendapatan sampingan dan menarik pelaburan daripada dalam dan luar negara. Tanpa hasil penjualan kredit karbon ini, projek yang berpotensi untuk mengurangkan pelepasan GHG dalam skala yang besar atau projek karbon yang menggunakan teknologi terkini yang mahal akan menjadi tidak berdaya maju. Oleh yang demikian, mekanisme pasaran karbon boleh dilihat sebagai salah satu instrumen kewangan tambahan yang dapat membiayai projek-projek karbon di dalam negara.

2. Mesyuarat MTPIN pada 31 Oktober 2023 telah bersetuju agar Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRES) ketika itu berperanan sebagai pihak berkuasa kebangsaan (*national authority*) yang akan membangunkan aturan kebangsaan (*national arrangement*) bagi pelaksanaan mekanisme pasaran karbon di Malaysia selaras dengan keputusan United Nations Framework Convention on

Climate Change (UNFCCC). Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Februari 2024 juga telah bersetuju dengan keputusan MTPIN tersebut.

3. Oleh yang demikian, NRES sedang membangunkan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) bagi melaksanakan keputusan Kerajaan tersebut. Selain aspek pelaburan, DPKK juga dirangka bagi memastikan perdagangan karbon ke luar negara dapat dibuat mengikut panduan yang ditetapkan oleh UNFCCC dan NRES tanpa menjaskannya pencapaian NDC. Selain itu, DPKK juga akan melihat kaedah *offset* sebagai salah satu pilihan pengurangan GHG untuk sektor yang sukar mengurangkan pelepasan GHG (*hard to abate sectors*) seperti sektor besi dan keluli.
4. Pembangunan DPKK juga adalah penting bagi menangani keperluan mendesak daripada pemain industri dan kerajaan negeri yang ingin menyertai pasaran karbon di dalam dan luar negara. Selain itu, DPKK akan memudahkan proses pelaksanaan projek karbon oleh pelabur asing melalui kerjasama dengan Malaysia.
5. DPKK akan melengkapi pembangunan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN) yang akan menjadi instrumen utama agar pasaran karbon negara dapat beroperasi dengan efektif. DPKK dijangka akan dimuktamadkan pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
(PASIR GUDANG)**

TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM (PASIR GUDANG) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyatakan adakah Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) telah mendapat balik wang pinjaman sebanyak RM2 bilion kepada syarikat SRC International (anak syarikat 1MDB ketika itu) yang dijamin oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kemudahan pinjaman SRC International (SRC) telah selesai dibayar sepenuhnya pada 28 Mac 2022. Pada masa ini, tidak ada apa-apa baki hutang SRC International terhadap KWAP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AZLI BIN YUSOF
(SHAH ALAM)**

TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AZLI BIN YUSOF (SHAH ALAM) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mewujudkan semula Jawatankuasa Khas Kewangan Islam yang lebih komprehensif untuk mengukuhkan lagi struktur kewangan Islam di Malaysia seterusnya mengangkat Malaysia sebagai sebuah peneraju dalam sektor kewangan Islam selaras dengan agenda Ekonomi MADANI.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC) telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 5 Julai 2006 dan berperanan untuk mempromosi dan memperkuatkan kewangan Islam di Malaysia. MIFC merupakan satu entiti yang mempunyai kapasiti, struktur organisasi dan peranan yang jelas serta fokus mengenai pembangunan industri kewangan Islam di Malaysia. Memandangkan peranan Jawatankuasa Khas Kewangan Islam (JKKI) yang ditubuhkan pada tahun 2019 adalah sama dengan peranan yang dimainkan oleh MIFC, Kementerian Kewangan (MOF) pada 20 November 2020 telah memutuskan supaya peranan JKKI diserahkan kepada MIFC bagi meneruskan usaha untuk mempromosikan dan memperkuatkan kewangan Islam di Malaysia.

Seiring dengan kematangan ekosistem kewangan Islam di Malaysia dan keperluan untuk terus menambah baik strategi sebagai Hab Kewangan Islam Global, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah menubuhkan Majlis Kepimpinan *Malaysia International Islamic Financial Centre* (MIFC Leadership Council atau MLC) pada Oktober 2022.

MLC ialah platform untuk menerajui perkembangan dan promosi MIFC dengan mengenal pasti peluang antarabangsa, keutamaan strategik dan pemantauan inisiatif industri. Hal ini termasuk mempercepat pelaksanaan inisiatif yang akan:

- a. Memupuk idea, strategi atau inisiatif baharu;
- b. Memperdalam dan mempelbagaikan hubungan strategik antara rakan kongsi dalam negeri dan antarabangsa; dan
- c. Menyediakan kepimpinan berwawasan industri

Matlamat penubuhan MLC antaranya adalah untuk memastikan:

NO SOALAN :101

- a. Daya saing global industri kewangan Islam Malaysia dipertingkat bagi memanfaatkan peluang di luar Malaysia;
- b. Lebih banyak inovasi kewangan yang menghasilkan impak positif kepada ekonomi, komuniti dan alam sekitar;
- c. Menggeratkan lagi hubungan kewangan dan kerjasama antarabangsa; dan
- d. Kepimpinan berwawasan global yang berterusan dalam kewangan Islam.

MLC bertujuan menyediakan kepimpinan industri dalam usaha memperkuuh Malaysia sebagai gerbang antarabangsa bagi kewangan Islam. Usaha ini selaras dengan tumpuan Ekonomi Madani dalam menstruktur semula Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan seterusnya mengukuhkan kedudukan negara sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. MLC juga menyokong aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pengumpulan dana dan pelaburan Islam, menangani ketidaksamaan, menggalakkan kelestarian, mempertingkatkan kualiti modal insan dan pengetahuan serta pemerkasaan digital.

MLC kini merupakan platform bersepadu bagi memastikan sinergi dan penyelarasan yang lebih menyeluruh untuk sektor kewangan Islam di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN
MD YASIN (PAGOH)**

TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN MD YASIN (PAGOH) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai lantikan politik seperti pengurus dan ahli lembaga pengarah di agensi Kerajaan, badan berkanun, perbadanan milik Kerajaan dan GLC sehingga kini, beserta jumlah emolumen yang ditanggung oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) di kalangan ahli politik bagi syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] dan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) dibuat berdasarkan proses saringan yang sewajarnya. Ini bagi memastikan individu tersebut berupaya memenuhi peranan dan tanggungjawabnya sebagai pengarah dengan berkesan sebagaimana digariskan di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan (*Development Financial Institutions – DFI*) 2002, garis panduan tadbir urus MKD dan BBP serta peraturan semasa oleh pihak kawal selia berkaitan.

Pengerusi dan ALP dalam syarikat MKD dan BBP dilantik berdasarkan kemampuan, kepelbagaian latar belakang dan kepakaran yang bersesuaian serta mengambil kira keperluan dan *core business* entiti itu sendiri bagi membolehkan Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dengan cekap dan berintegriti. Secara terperinci, pelantikan ini dibuat berdasarkan:

- i. kelayakan pendidikan - kriteria minimum bagi pelantikan calon ALP adalah Ijazah Sarjana Muda atau kelayakan akademik dan profesional lain yang setara;
- ii. pengalaman berkhidmat dalam industri atau bidang berkaitan seperti perakaunan, kewangan atau perundangan; dan
- iii. kepakaran yang bersesuaian contohnya dalam bidang perdagangan, kewangan, perakaunan, undang-undang, pemasaran, pengurusan atau kemahiran khusus lain yang relevan dalam industri berkaitan yang boleh dimanfaatkan oleh syarikat, BBP dan industri.

Di samping itu, penekanan juga akan diberikan kepada nilai personaliti individu dengan mengambil kira aspek integriti dan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Sebelum pelantikan dibuat, setiap calon ALP bagi semua syarikat MKD dan BBP perlu melalui beberapa tapisan keutuhan selaras dengan keperluan Akta Syarikat 2016 dan keputusan Kerajaan mengenai pengukuhan tatakelola BBP dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Companies – GLC*) seperti berikut:

- i. tapisan keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- ii. semakan kebankrapan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia;
- iii. semakan tindakan undang-undang oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan;
- iv. kelulusan verifikasi *fit & proper* oleh Bank Negara Malaysia – bagi DFI;
- v. tapisan keutuhan oleh Polis Diraja Malaysia – khusus bagi BBP; dan
- vi. semakan pematuhan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Sehingga 12 Jun 2024, sebanyak 117 jawatan Pengurus dan ALP telah diisi dalam kalangan ahli politik di syarikat MKD serta BBP termasuk IPTA seperti berikut:

- i. Syarikat MKD – 25 jawatan; dan
- ii. BBP termasuk IPTA – 92 jawatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah emolumen syarikat MKD dan BBP adalah merupakan sebahagian daripada perbelanjaan operasi entiti itu sendiri. Kerajaan hanya menyediakan peruntukan tahunan kepada entiti yang mengalami kekurangan pendapatan bagi membiayai belanja operasi.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 103

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan terhadap kes khianat melibatkan rumah Ahli Parlimen Beruas pada Januari 2024 dan ancaman bunuh terhadap Ahli Parlimen Seputeh pada Mei 2024 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius mengenai jenayah seperti ini kerana perbuatan tersebut boleh mengakibatkan kemasuhan harta benda dan kehilangan nyawa. Walau siapapun mangsanya, PDRM akan tetap mengambil tindakan tegas kepada pelaku berdasarkan lunas undang-undang demi kemaslahatan kepada orang ramai.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berhubung kes khianat dengan '**molotov cocktail**' melibatkan rumah Ahli Parlimen Beruas bersabit laporan polis yang dibuat di bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan iaitu khianat. Sehingga kini, siasatan masih dijalankan oleh PDRM.

Manakala bagi siasatan kes ancaman bunuh terhadap Ahli Parlimen Seputeh, satu (1) kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 507 Kanun Keseksaan dan juga masih dalam siasatan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 104

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penyelesaian holistik mengatasi isu kesesakan Tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dan Singapura. Nyatakan jumlah pengguna termasuk pekerja dan pelancong menggunakan laluan tersebut setiap hari.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited untuk mengurangkan kesesakan Tambak Johor dengan melaksanakan inisiatif baharu termasuklah pelaksanaan pemeriksaan imigresen melalui kaedah Kod QR. Pelaksanaan Kod QR dilaksanakan secara *Proof of Concept* (POC) menggunakan aplikasi MyRental dan aplikasi MyTrip.

Selain daripada itu, JIM telah perluaskan kemudahan autogate kepada 53 buah negara baharu iaitu:

- (a) 26 negara Kesatuan Eropah (EU);
- (b) 17 negara-negara Eropah di luar EU;
- (c) 6 negara Arab;
- (d) 4 negara lain iaitu China, Kanada, Hong Kong dan Taiwan.

Ini menjadikan jumlah negara yang diberikan kemudahan *autogate* ini adalah sebanyak 63 buah negara keseluruhannya dan akan meningkatkan bilangan pelawat asing daripada negara-negara ini.

Bagi menangani kesesakan yang sering mendapat liputan media dan aduan orang awam, KDN telah mewujudkan Jawatankuasa Khas Menangani Kesesakan di Tambak Johor dan merangkumi 9 Kementerian dan Jabatan/Agensi utama berkaitan di pintu masuk termasuk Kerajaan Negeri Johor.

Sebanyak 54 inisiatif yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan dan status pelaksanaan adalah seperti berikut:

Fasa 1 - 81% atau 17 inisiatif telah siap manakala 4 inisiatif sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada hujung Jun 2025

- Fasa 2 - 50% atau 2 inisiatif telah siap manakala 2 inisiatif sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada hujung 2024
- Fasa 3 - Kesemua 3 inisiatif sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada 31 Mac 2027
- Fasa 4 - Sebanyak 26 inisiatif telah diluluskan pada 27 Mei 2024 dan dalam proses penyediaan skop dan dokumentasi bagi mendapatkan kelulusan peruntukan

Dalam hal ini juga, JIM juga menambah mutu perkhidmatan dan operasi pusat pemeriksaan di BSI dan KSAB seperti berikut:

- (i) pelaksanaan Quick Response Team (QRT) dengan keanggotaan 40 orang pegawai daripada Jabatan Imigresen Malaysia di Kompleks BSI dan KSAB. Inisiatif ini adalah bagi memastikan kesemua kaunter pemeriksaan di pintu-pintu masuk dapat beroperasi sepenuhnya khususnya pada waktu puncak;
- (ii) penempatan seramai 100 orang pegawai Imigresen baru yang tamat latihan pada 22 Mei 2023 dan tambahan seramai 62 orang pegawai Imigresen baru yang tamat latihan pada 9 September 2023;
- (iii) penetapan waktu pertukaran pegawai syif baru yang dikuatkuasa supaya tidak menganggu kelancaran pemeriksaan di waktu puncak dengan penetapan tempoh syif seperti berikut:
 - a. syif pagi bermula dari 7.00 pagi hingga 3.00 petang
 - b. syif petang bermula 3.00 petang hingga 11.00 malam
 - c. syif malam bermula 11.00 malam hingga 7.00 pagi

SOALAN NO: 104

Selain itu, KDN turut bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan (MOT) dalam pelaksanaan projek Rapid Transit System Link (RTS Link) yang dijangka akan mula beroperasi pada Januari 2027.

Projek RTS Link ini adalah salah satu mod alternatif pengangkutan bagi *frequent traveller* yang keluar dan masuk di Tambak Johor dan dijangka dapat mengurangkan kesesakan yang berlaku di Kompleks BSI.

Statistik pergerakan daripada 1 Januari 2024 sehingga 15 Jun 2024 bagi pengembara yang keluar dan masuk melalui di BSI adalah sebanyak 46,071,461 orang. Manakala bagi KSAB adalah sebanyak 17,161,564 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI HAJI ABDUL
HADI BIN HAJI AWANG (MARANG)**

TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

**TAN SRI DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
(MARANG)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah
rundingan terus dan tender terbuka telah diluluskan dalam perolehan
Kerajaan bagi tempoh November 2022 sehingga Mei 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pelaksanaan perolehan Kerajaan seperti yang ditetapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan PK2.1 adalah secara tender terbuka dan tender terbuka pra-kelayakan. Perolehan tersebut adalah meliputi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja.

Selain itu, had nilai perolehan secara tender terbuka adalah bagi perolehan yang melebihi RM500 ribu yang mana perlu diiklankan melalui MyProcurement Portal.

Melalui Pekeliling Perbendaharaan PK2.4: Rundingan Terus, pelaksanaan bagi perolehan secara rundingan terus oleh semua Kementerian dan agensi boleh dilaksanakan berdasarkan lima (5) kriteria berikut:

1. Kesegeraan demi kepentingan awam;
2. Bagi maksud penyeragaman;
3. Satu punca bekalan/perkhidmatan;
4. Melibatkan keselamatan/strategic; dan
5. Kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera.

Untuk makluman dewan yang mulia, maklumat petender yang berjaya perlu dimuat naik melalui Portal MyProcurement seperitimana yang ditetapkan melalui perenggan 23 Pekeliling Perbendaharaan PK2.2: Tender Terbuka yang boleh diakses oleh semua.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan :**

- (a) jumlah perniagaan terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang telah ditutup akibat tidak dapat bertahan menghadapi cabaran kelesuan ekonomi negara sejak 2022 hingga kini; dan
- (b) langkah Kementerian untuk membantu usahawan tempatan yang berdepan cabaran perniagaan supaya kekal berdaya tahan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kaji selidik yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pada tahun 2020 sehingga tahun 2023, kesan pandemik COVID-19 dilihat menyebabkan sebilangan kecil usahawan terpaksa menutup terus operasi perniagaan mereka. Berdasarkan kaji selidik tersebut juga, peratus usahawan yang gulung tikar pada tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

- (i) 8.85% pada April 2020;
- (ii) 3.16% pada Jun 2021;
- (iii) 1.38% pada Februari 2022; dan
- (iv) 2.7% pada November 2022.

2. Justeru, dalam usaha untuk membina kelangsungan momentum pemulihan sektor keusahawanan, KUSKOP telah merangka pelbagai intervensi bersasar untuk membolehkan usahawan tempatan kekal berdaya tahan dalam menghadapi pelbagai cabaran luar jangka. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi yang dirangka khusus bagi membantu usahawan dan koperasi yang terjejas teruk berikutan pandemik Covid-19. Pelaksanaan pelan tersebut melibatkan 29 program jangka pendek dan sederhana yang berjaya memanfaatkan lebih 20,000 usahawan dan koperasi.

3. Seterusnya, pada tahun 2024, KUSKOP komited untuk melaksanakan sejumlah 204 program pembangunan keusahawanan yang merangkumi penggubalan dasar dan kawal selia bagi menyokong ekosistem keusahawanan yang inklusif, pembangunan kapasiti dan keupayaan, peningkatan akses kepada pembiayaan, perluasan akses kepada pasaran dan adaptasi teknologi serta pengukuhan penyampaian perkhidmatan. Kesemua program tersebut akan dilaksanakan oleh KUSKOP dan agensi-agensi di bawahnya, yang dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 589,159 usahawan dan bakal usahawan. Antara program-program yang dilaksanakan adalah:

SOALAN NO : 106

- (i) Skim Pembiayaan Ikhtiar 2024 (SPI 2024);
- (ii) Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0;
- (iii) Program Pembangunan Kapasiti Vendor 2.0;
- (iv) Skim Pembiayaan Online TEKUN (SPOT); dan
- (v) Program Transformasi dan Digitalisasi Koperasi.

4. Selain itu, KUSKOP melalui SME Corp. juga telah membangunkan platform sehenti dalam talian iaitu MyAssist MSME, untuk membolehkan usahawan mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat mengenai program dan bantuan keusahawanan yang tersedia. Usahawan juga boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan secara langsung dengan kaunselor perniagaan melalui fungsi MeetMe yang terdapat dalam portal tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi menyekat pencerobohan nelayan asing yang menyebabkan negara mengalami kerugian sebanyak RM 833 juta akibat pencerobohan nelayan asing dari tahun 2020 hingga 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia sentiasa komited dalam melindungi dan mempertahankan kedaulatan dan keselamatan kawasan perairan negara daripada sebarang ancaman yang boleh menjaskan kestabilan dan keselamatan negara. Dalam hal ini, agensi penguatkuasaan keselamatan maritim di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sentiasa melaksanakan penguatkuasaan di sempadan untuk menangani sebarang ancaman pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh APMM bagi memastikan perairan Malaysia bebas dari pencerobohan nelayan asing adalah seperti berikut:

- i. **Meningkatkan rondaan harian dengan menggunakan aset laut dan udara** menerusi pengoperasian sebanyak 45 buah vesel laut dan juga aset udara dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan Zon Maritim Malaysia (ZMM) sentiasa terjamin dan terpelihara dari sebarang pencerobohan bot nelayan asing (BNA) yang mencuri hasil laut di seluruh perairan negara. Pengawasan melalui udara dari semasa ke semasa juga akan terus dilaksanakan bagi mengesan pencerobohan BNA yang memasuki perairan negara kerana ianya dapat membantu memantau aktiviti jenayah maritim dalam skala pemantauan yang lebih luas.
- ii. **Mengoptimumkan aset bersaiz besar** menerusi pengoperasian tiga (3) buah kapal kelas OPV (*Offshore Patrol Vessel*) KM PEKAN, KM ARAU dan OPV 1 di perairan laut dalam hingga Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia (sehingga 200 batu nautika atau 370.4 km). Pengoperasian kapal-kapal OPV ini telah dioptimumkan kerana kemampuannya untuk berlayar dalam tempoh yang lama.
- iii. **Mengenal pasti dan sentiasa mengemas kini kawasan titik panas (*hot spot*) aktiviti bot nelayan asing** memandangkan modus operandinya sentiasa berubah tempat atau kawasan. Oleh yang demikian, kerjasama komuniti maritim untuk menyalurkan maklumat terkini amatlah dialu-alukan dalam usaha APMM menguatkuaskan undang-undang.
- iv. **Pemantauan melalui Radar Sistem Pengawasan Laut (SWASLA)** yang banyak membantu dalam menghasilkan tangkapan di perairan negara. APMM juga bertekad untuk terus meningkatkan keupayaan sistem radar SWASLA sedia ada memandangkan sistem tersebut membantu APMM dalam menggerakkan aset laut dan udara secara optimum untuk memintas (*intercept*) objek curiga dengan cara *vector* (pandu tuju) dengan lebih cepat dan tepat.
- v. **Pelaksanaan Program ‘Sahabat Maritim’** seperti Program Mesra Rakyat Maritim bersama persatuan-persatuan nelayan serta komuniti selain dari nelayan (pihak swasta) bagi menyebar luas isu-isu keselamatan dan pelanggaran undang-undang yang perlu

SOALAN NO: 107

dititikberatkan semasa berada di laut. Program ini juga akan menggalakkan komuniti maritim untuk menjadi sebagai mata dan telinga kepada agensi di dalam menyalurkan maklumat yang diyakini bagi membantu APMM dalam melaksanakan tugas secara lebih berkesan terutama dalam menangani isu pencerobohan BNA di laut.

Hasil dari inisiatif dan strategi penguatkuasaan tersebut, dari tahun 2020 hingga 2023, APMM telah berjaya menahan sebanyak 412 BNA daripada pelbagai negara dengan penahanan kru seramai 3,495 orang daripada pelbagai kewarganegaraan.

Selain itu, di bawah PPM pula, pelbagai operasi khusus dan bersepadau telah dilaksanakan bagi mengekang aktiviti yang menyalahi undang-undang di perairan negara seperti Ops Taring Gelora dan Ops Taring Gelora Khas yang dilaksanakan khusus bagi menangani isu bot nelayan asing yang menceroboh ke perairan negara. PPM juga menjalankan rondaan terkoordinasi di antara penguatkuasa bersama negara jiran, perkongsian maklumat risikan dan pelantikan *focal point (Point Of Contact)* di peringkat Kerajaan dan *Working Level Committee* dalam usaha menangani ancaman pencerobohan nelayan asing dan jenayah rentas sempadan.

Berdasarkan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh PPM, dari tahun 2020 hingga 2023, sebanyak 27,977 kes telah disiasat oleh PPM atas pelbagai kesalahan dengan jumlah nilai rampasan sebanyak RM985 juta.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Perpaduan sentiasa tekad dan berusaha untuk menjaga keselamatan perairan negara melalui Malaysia MADANI yang merupakan slogan atau konsep yang dapat berfungsi sebagai instrumen kuasa lunak (*soft power*) melindungi, mempertahankan serta memperkuuh kedaulatan negara daripada sebarang ancaman keselamatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)

TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyatakan bilakah Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dilaksanakan semula bagi mengembalikan kestabilan ekonomi yang ketika ini sangat-sangat menekan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, cukai penggunaan (dengan izin, *consumption tax*) di Malaysia dilaksanakan melalui Cukai Perkhidmatan dan Cukai Jualan (SST). Walaupun skop kenaan dan struktur SST tidak begitu efisien, SST masih mampu menjana sebanyak 11.3% daripada hasil negara iaitu lebih daripada RM34.2 bilion bagi tahun 2023.

Berbanding SST, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) merupakan sistem cukai yang lebih efisien, telus dan mampu menjana hasil yang lebih tinggi kepada negara. Namun dalam mempertimbangkan pelaksanaan sebarang dasar percukaian, Kerajaan perlu mendalami pelbagai aspek seperti struktur keseluruhan sistem percukaian negara dan kedudukan ekonomi semasa, batasan dan cabaran yang ada dalam pelbagai aspek, ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan, keperluan hasil Kerajaan, taraf hidup rakyat secara keseluruhan dan yang paling mustahak adalah kesediaan rakyat.

Justeru, pelaksanaan GST akan dipertimbangkan apabila terdapat persekitaran ekonomi yang bersesuaian terutama mengambilkira aspek kesan inflasi daripada rasionalisasi subsidi. Pendekatan ini bertujuan untuk menguruskan kestabilan kedudukan ekonomi Malaysia susulan langkah rasionalisasi subsidi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT (PULAI)

TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT (PULAI) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan subsidi bersasar minyak menyebabkan kesan kepada stesen minyak dengan kenaikan modal sedangkan komisyen dikira berdasarkan kuantiti minyak (liter) bukannya jumlah jualan minyak (RM) :

- (a) apakah Kerajaan akan menukar kaedah komisyen kuantiti minyak kepada jumlah jualan; dan
- (b) apakah kaedah automatik stesen minyak tuntut subsidi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menggunakan mekanisme formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) sejak tahun 1983. Terdapat 4 komponen utama iaitu kos produk, kos operasi syarikat minyak, margin syarikat minyak dan margin pengusaha stesen minyak di mana penetapan kadar bagi komponen-komponen tersebut adalah berdasarkan kos sebenar yang perlu ditanggung oleh syarikat minyak serta pengusaha stesen minyak. Kadar setiap komponen ini juga sentiasa dikaji semula oleh Kerajaan dari semasa ke semasa bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan serta hasil perbincangan dengan semua pemegang taruh.

Pada masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menukar kaedah penetapan komisyen pengusaha stesen minyak berdasarkan jumlah jualan memandangkan jumlah jualan sentiasa berubah mengikut pergerakan harga jualan runcit yang ditetapkan oleh Kerajaan pada setiap minggu. Untuk makluman, kaedah semasa adalah berdasarkan jumlah kuantiti produk petrol yang dikeluarkan dari depoh simpanan minyak dan dihantar ke stesen-stesen minyak.

Merujuk kepada kaedah tuntutan subsidi produk petroleum, Kerajaan telah menetapkan bahawa tuntutan subsidi daripada Kerajaan hanya boleh dibuat oleh syarikat minyak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN (KUBANG KERIAN)

TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN (KUBANG KERIAN) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana perubahan dasar seperti rasionalisasi subsidi dan kenaikan harga bahan api diesel mempengaruhi daya saing eksport Malaysia, merujuk kepada peningkatan kos pengeluaran dalam sektor perlombongan, pengilangan dan pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyasaran subsidi diesel di Semenanjung Malaysia baru sahaja dilaksanakan berkuat kuasa pada 10 Jun 2024. Sehubungan itu, masih terlalu awal untuk melihat kesan perubahan dasar ini terhadap trend perdagangan Malaysia.

Kerajaan sedang beralih secara beransur-ansur daripada pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi bersasar bagi mengoptimumkan sumber kewangan kerajaan. Rasionalisasi subsidi bahan api merupakan langkah yang wajar dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan awam, mengatasi isu ketirisan serta meningkatkan kemampunan pengurusan fiskal negara. Langkah

rasionalisasi subsidi ini diharapkan dapat menambah baik kedudukan penarafan negara dan meningkatkan keyakinan pelabur.

Kerajaan pernah mengapungkan harga RON95 dan diesel mengikut sistem apungan terkawal mulai Disember 2014 sehingga Februari 2018. Walaupun tiada korelasi secara langsung antara pengapungan harga minyak dan jumlah dagangan, namun berdasarkan data perdagangan bagi tempoh tersebut, diperhatikan jumlah dagangan menunjukkan peningkatan purata tahunan sebanyak 6.8 peratus dalam tempoh tersebut. Prestasi eksport dan import juga menunjukkan trend peningkatan yang sama.

Sehubungan itu, Kerajaan menjangkakan trend dan impak yang sama dapat dicapai susulan daripada rasionalisasi subsidi diesel yang sedang dilaksanakan terhadap perdagangan luar Malaysia.

Untuk makluman, bagi tempoh Januari sehingga Mei 2024, **jumlah dagangan berkembang** sebanyak 8.7 peratus kepada RM1,158.5 bilion. Jumlah eksport meningkat sebanyak 4.5 peratus kepada RM605.2 bilion dengan peningkatan eksport bagi barang pembuatan sebanyak 4.5 peratus, barang pertanian sebanyak 4.8 peratus dan barang perlombongan sebanyak 2.9 peratus. Jumlah import juga meningkat sebanyak 13.7 peratus kepada RM555.2 bilion berikutan peningkatan import bagi barang pengantara sebanyak 19.8 peratus, barang modal sebanyak 37.4 peratus dan barang penggunaan sebanyak 15.5 peratus. **Imbangan dagangan** dicatatkan sebanyak RM52 juta bagi tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI SH MOHAMED PUZI BIN SH ALI (PEKAN)
TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHAMED PUZI BIN SH ALI (PEKAN) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengembalikan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang lebih telus dan terbukti mampu memberikan lebih banyak pulangan cukai kepada kewangan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, cukai penggunaan (dengan izin, *consumption tax*) di Malaysia dilaksanakan melalui Cukai Perkhidmatan dan Cukai Jualan (SST). Walaupun skop kenaan dan struktur SST tidak begitu efisien, SST masih mampu menjana sebanyak 11.3% daripada hasil negara iaitu lebih daripada RM34.2 bilion bagi tahun 2023.

Berbanding SST, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) merupakan sistem cukai yang lebih efisien, telus dan mampu menjana hasil yang lebih tinggi kepada negara. Namun dalam mempertimbangkan pelaksanaan sebarang dasar percukaian, Kerajaan perlu mendalami pelbagai aspek seperti struktur keseluruhan sistem percukaian negara dan kedudukan ekonomi semasa, batasan dan cabaran yang ada dalam pelbagai aspek, ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan, keperluan hasil Kerajaan, taraf hidup rakyat secara keseluruhan dan yang paling mustahak adalah kesediaan rakyat.

Justeru, pelaksanaan GST akan dipertimbangkan apabila terdapat persekitaran ekonomi yang bersesuaian terutama mengambilkira aspek kesan inflasi daripada rasionalisasi subsidi. Pendekatan ini bertujuan untuk menguruskan kestabilan kedudukan ekonomi Malaysia susulan langkah rasionalisasi subsidi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN (BACHOK)

TARIKH : 02 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN (BACHOK) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Islam di peringkat global seperti yang didasarkan di dalam Naratif Ekonomi Madani.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah diiktiraf sebagai peneraju ekonomi Islam termasuk sektor kewangan Islam di peringkat global dengan menduduki tempat pertama selama 10 tahun berturut-turut dalam *State of The Global Islamic Economy (SGIE)* dan tempat pertama selama 11 tahun berturut-turut dalam *Islamic Finance Development Report (IFDI)*.

Untuk mengukuhkan kedudukan ini, penumpuan akan diberi terhadap usaha-usaha yang akan memperteguh tawaran nilai Malaysia sebagai gerbang antarabangsa untuk kewangan Islam. Antaranya termasuklah:

- i. Mengukuhkan daya saing industri melalui kerjasama dengan institusi global dan negara lain bagi memajukan bidang kepentingan bersama. Untuk tujuan ini, penubuhan *Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC) Leadership Council* (MLC) pada Oktober 2022 oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia adalah untuk menyediakan satu platform bagi kepimpinan industri bekerjasama dalam usaha memperkuat kedudukan Malaysia sebagai gerbang antarabangsa bagi kewangan Islam. MLC telah menerbitkan Kertas Cadangan (*Position Paper*) MLC yang membentangkan daya saing Malaysia dan turut menyasarkan 18 Projek Berimpak bersama pemain industri dalam memupuk keterangkuman, kemampanan dan inovasi industri dalam usaha membangunkan jalinan kewangan Islam yang lebih kukuh. Malaysia juga terlibat secara aktif dalam usaha pembangunan kewangan Islam bersama institusi global yang lain seperti *Islamic Financial Services Board (IFSB)*, *International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM)*, *Islamic Development Bank (IsDB)* dan *the World Bank Group (WB)*. Selain itu, BNM juga menerajui Badan Berautoriti Penasihat Syariah Berpusat (*Centralised Shariah Advisory Authorities, CSAA*) dalam kewangan Islam yang ditubuhkan pada tahun 2018 untuk mengukuhkan hubungan dan memupuk sikap saling menghormati terhadap kepelbagaiannya pandangan Syariah dalam kewangan Islam merentasi pelbagai negara.
- ii. Pemerkasaan usaha inovasi industri kewangan Islam yang baharu termasuklah melalui kewangan lestari (*sustainable finance*), kewangan sosial (*sosial finance*) dan pendigitalan kewangan Islam. Semenjak tahun 2017, BNM bersama pemain industri telah memperkenalkan Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value Based Intermediation, VBI*) bagi meningkatkan peranan institusi kewangan Islam dalam memberi impak yang holistik ke atas pertumbuhan ekonomi, komuniti dan alam sekitar selaras dengan objektif Syariah. Sehingga 2022, RM302.2 bilion telah disalurkan sebagai inisiatif yang sejajar dengan VBI. Manakala, dalam usaha pendigitalan kewangan Islam, dua bank digital patuh Syariah juga telah

dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759].

- iii. Memangkin ekosistem pelaburan di Malaysia melalui pelaburan patuh Syariah. Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), baru-baru ini telah mengumumkan di GFIEF, penubuhan pelaburan patuh Syariah bernilai RM3 billion melalui Dana Pemacu untuk menyokong pertumbuhan pesat syarikat tempatan Malaysia dan juga memangkin ekosistem modal teroka. Dana Pemacu akan dilaksanakan melalui perkongsian antara pemain industri tempatan dan pengurus pelaburan antarabangsa melalui tiga kelas aset berbeza iaitu Ekuiti Persendirian, Infrastruktur dan Hartanah.
- iv. Pengukuhan peranan kewangan Islam untuk menyokong agenda halal. Institusi kewangan Islam Malaysia, termasuk 10 institusi perbankan Islam telah menawarkan pelbagai program dan tawaran khusus untuk usahawan industri halal, termasuklah dana pembiayaan, khidmat nasihat untuk pensijilan halal Malaysia, padanan perniagaan dan pembangunan kapasiti. Lima (5) institusi perbankan Islam telah bersama-sama menyediakan dana tambahan sebanyak RM2.67 bilion untuk menyokong pembangunan industri halal. Terkini, pihak kerajaan telah mengumumkan di GFIEF peruntukan sehingga RM100 juta terhadap inovasi kewangan baharu bagi menyokong inisiatif kewangan Islam, termasuklah program *Greening Halal Businesses* (GHB). Program ini bertujuan untuk membantu perniagaan halal di Malaysia beralih kepada amalan yang lebih hijau dan mampan serta meningkatkan daya saing perniagaan halal di peringkat antarabangsa.

Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif menyeluruh dengan kerjasama bersepadu untuk mengukuhkan kedudukan negara sebagai peneraju dalam ekonomi dan kewangan Islam global.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 113

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SYERLEENA ABDUL RASHID
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes keganasan rumah tangga, rogol, sumbang mahram, pencabulan kehormatan, liwat, dan mengaibkan kehormatan pada tahun 2018-2023 dalam format jadual di mana hasilnya tiada tindakan lanjut (NFA), dalam siasatan, pertuduhan ditarik balik dan dituduh.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kesalahan keganasan rumah tangga, rogol, sumbang mahram, cabul kehormatan, seks luar tabii (liwat) dan mengaibkan kehormatan pada masa ini disiasat di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, Akta Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2023, Kanun Keseksaan dan lain-lain perundangan yang sedang berkuatkuasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, statistik kes keganasan rumah tangga, rogol, sumbang mahram, cabul kehormatan, seks luar tabii (liwat) dan mengaibkan kehormatan bagi tempoh 2018 hingga 2023 mengikut hasil pertuduhan dan pendakwaan adalah seperti berikut:

- (a) Pada **tahun 2018** sebanyak 8,448 kes telah dilaporkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 6,714 telah dituduh, manakala 532 masih dalam siasatan;
- (b) Pada **tahun 2019** sebanyak 9,080 kes telah dilaporkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 6,945 telah dituduh, manakala 649 masih dalam siasatan;
- (c) Pada **tahun 2020** sebanyak 8,362 kes telah dilaporkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 6,285 telah dituduh, manakala 871 masih dalam siasatan;
- (d) Bagi **tahun 2021** pula sebanyak 10,677 kes telah dilaporkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 7,877 telah dituduh, manakala 873 masih dalam siasatan;
- (e) Bagi **tahun 2022** sebanyak 9,843 kes telah dilaporkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 6,724 telah dituduh, manakala 1,250 masih dalam siasatan; dan
- (f) Bagi **tahun 2023** pula sebanyak 9,167 kes telah dilaporkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 5,549 telah dituduh, manakala 1,894 masih dalam siasatan

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
(PORT DICKSON)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan pembangunan infrastruktur dan projek mega tidak menjaskan alam sekitar serta bagaimanakah Kementerian memastikan keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan perlindungan alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bertanggungjawab dalam memastikan sebarang pembangunan infrastruktur dan projek mega yang memberi impak yang besar kepada alam sekitar diteliti terlebih dahulu, bagi memastikan pertimbangan sewajarnya dapat dibuat sebelum projek berkaitan diluluskan.
2. Dalam usaha memastikan keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan kesejahteraan alam sekitar dapat dipertingkatkan, Kementerian telah melaksanakan beberapa pendekatan, di antaranya adalah penguatkuasaan undang-undang berkaitan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekitar (Laporan EIA) bagi semua projek pembangunan mega yang ditakrifkan sebagai *prescribed activities* di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015, serta pelaksanaan kaedah perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE), secara *in-situ leaching* (ISL) seperti yang ditetapkan di bawah Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlombongan NR-REE.
3. Kaedah ISL ini merupakan kaedah perlombongan yang lebih selamat dan mesra alam, tanpa melibatkan penebangan hutan dalam skala yang besar dan pengorekan keluar tanah beban dan tanah berbiji seperti mana kaedah perlombongan konvensional.
4. Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS), sebanyak 523 Laporan EIA telah diterima dan sejumlah 292 laporan telah diluluskan secara bersyarat pada tahun 2022. Ini adalah merangkumi pembangunan infrastruktur utama yang akan membawa pulangan ekonomi yang besar kepada negara seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), *Mass Rapid Transit* (MRT), *Rapid Transit System Link* (RTS Link), *Light Rail Transit* (LRT), *Kuala Lumpur-Singapore High Speed Rail* (HSR) dan *Bayan Lepas Light Rail Transit* (BLLRT).

SOALAN NO : 114

5. Bagi memastikan kesejahteraan alam sekitar tidak terjejas akibat aktiviti-aktiviti pembangunan, Kerajaan telah dan akan terus menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan. Jabatan Alam Sekitar (JAS) selaku pihak bertanggungjawab dalam penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah melaksanakan 2,486 pemeriksaan penguatkuasaan, di mana sejumlah 643 tindakan penguatkuasaan telah diambil, merangkumi 364 Notis Arahan, 222 kompaun, 6 Perintah Larangan dan 51 kes ketidakpatuhan telah dituduh serta disabit di mahkamah dengan jumlah denda dikenakan sebanyak RM1,331,500.00 pada tahun 2022.
6. Dalam masa yang sama, bagi memastikan kualiti alam sekitar, terutamanya kualiti air tidak terjejas berikutan aktiviti ekonomi melibatkan perlombongan NR-REE, Kementerian melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) menjalankan kawalan ketat ke atas had pelepasan efluen dibenarkan, serta pemantauan kualiti air permukaan dan air bawah tanah, selaras dengan undang-undang yang berkuatkuasa, iaitu Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Efluen) 2016.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY
GAPARI KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) apakah perancangan dan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan MADANI untuk membatalkan MyKad yang dikeluarkan kepada pendatang asing tanpa izin tidak mengikut undang-undang; dan
- (b) membersihkan Daftar Pemilih dengan mengeluar dan membatalkan nama-nama pengundi yang didaftarkan secara tidak betul walaupun tidak layak sebagai pengundi seperti yang disahkan dalam Laporan RCI mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kad Pengenalan Malaysia hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78] dan juga Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 [PPN1990]. Selaras dengan peruntukan perundangan tersebut, mana-mana individu yang memohon kad pengenalan perlulah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) ingin menafikan dan menegaskan bahawa dakwaan terdapat pengeluaran Kad Pengenalan Malaysia kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) adalah tidak berasas memandangkan golongan tersebut tidak layak memohon mahupun memiliki Kad Pengenalan Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian ini mengalu-alukan kerjasama Ahli Yang Berhormat untuk melaporkan kepada pihak berkuasa terutamanya pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sekiranya mengesyaki atau mendapati terdapat individu PATI menggunakan Kad Pengenalan palsu untuk membolehkan siasatan dan pendakwaan dilakukan.
- b) Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melaksanakan urusan pendaftaran dan pembersihan daftar pemilih berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Bagi maksud mendaftarkan warganegara yang layak sebagai pemilih, SPR membuat semakan status kewarganegaraan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan menggunakan maklumat warganegara yang disimpan dalam pangkalan data JPN. Selain itu, SPR juga mendapatkan maklumat warganegara yang meninggal dunia dan hilang taraf kewarganegaraan bagi tujuan pembersihan daftar pemilih. Tindakan pembersihan ini dilaksanakan oleh SPR dari semasa ke semasa secara berterusan untuk memastikan daftar pemilih SPR adalah terkini dan sah di sisi undang-undang untuk digunakan dalam pilihan raya umum atau kecil.

Sekian, terima kasih.